

Bil. 32

**Selasa
19 Oktober 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 14)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 1999	(Ruangan 15)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Darnit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

- Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- Yang Berhormat Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

- Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail Azita binti Naw Nik Elyana binti Ahyat Taharah binti Mohamed
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
-------------------	---	---

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 19 Oktober 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah strategi kementerian dalam mengetengahkan kepada dunia pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Persidangan Undang-undang Komanwel Ke-12 bahawa dunia memandangkan "*violation of human rights can only be done by governments*" tetapi "*oppression by people of other people*" seperti penyangak mata wang tidak dianggap melanggar hak asasi manusia.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan sentiasa membangkitkan isu ini berkenaan dengan hak asasi bagi menegakkan pendirian kita di semua mesyuarat antarabangsa yang berkaitan dan dalam perbincangan dua hala dengan negara-negara lain. Sebenarnya Malaysia akan sentiasa menyuarakan pandangan di forum-forum antarabangsa atau mesyuarat ASEAN, G-15, NAM, Negara Selatan-Selatan dan OIC untuk bersatu supaya kita dapat menangani secara bersepadu mengelakkan dijajah semula melalui sistem ekonomi ataupun kewangan yang tidak seimbang. Kita perlu melihat kepada penyusunan semula kewangan supaya lebih adil kepada negara membangun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau di sesi yang ke-54 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York baru-baru ini di antara lain telah menjelaskan pendirian Malaysia dan memperjuangkan hak negara membangun terhadap isu ini. Beliau telah membangkitkan isu semasa membuat ucapan di *Asia Society* pada 27 September 1999 dan di *Council on Foreign Relation* pada 28 September 1999 di New York. Usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran antarabangsa berhubung dengan isu ini akan terus dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri dengan harapan agar negara-negara lain akan lebih menyedari akan isu ini dan memberi sokongan kepada pendirian Malaysia.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan bahawa dunia mungkin membuat pandangan iaitu *violation of human rights can only be done by the government*, mungkin ini disebabkan publisiti yang keterlaluan daripada media massa dan elektronik Barat dan juga daripada sesetengah pemimpin barat seperti Al-Gore yang cuba menghasut masyarakat kita untuk merusuk, maka menyebabkan pandangan dunia seperti ini. Apakah pandangan dan tindakan kementerian berkaitan dengan perkara ini?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu apabila kita memperkatakan di dalam soal-soal hak asasi kita tidak hanya bercakap terhadap perkara hak tetapi tanggungjawab rakyat kepada apa yang perlu mereka lakukan bagi menentukan keamanan dan kestabilan negara terjamin. Oleh itu, di perjumpaan-perjumpaan dan apabila kita berjumpa dengan pemimpin-pemimpin di luar

negara kita terus memperkatakan bahawa kerajaan mempunyai peranan dan rakyat bersama-sama kerajaan mesti melaksanakan peranan untuk menjamin perpaduan dan kestabilan politik yang akan mensejahterakan rakyat jelata.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam menegakkan hak asasi dalam negara kita, kita memasuki suatu perkembangan baru dengan memperkenalkan Suruhanjaya Hak Asasi yang telah diluluskan oleh Dewan ini dalam persidangan yang lepas. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah pelaksanaan akta tersebut sudah berjalan sekarang dari segi penyusunan struktur Suruhanjayanya, perlantikan ahli-ahli Suruhanjayanya adakah ianya sudah berjalan ataupun bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kedudukan yang terakhir?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini langkah yang kita ambil ialah untukewartakan dahulu akta itu dan sekarang kita sedang mengkaji nama-nama dan personaliti yang patut dijadikan ahli. Oleh kerana ini kita perlu melaksanakannya dengan teliti kerana kita tidak mahu bangkit masalah kemudiannya. Sebab itu ia akan mengambil sedikit masa dari segi perlantikan ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi.

2. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sejauh mana perubahan, pencapaian dan kejayaan dalam waktu terdekat, sejak beliau mengambil alih tugas menerajui kementerian berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mengambil alih Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pelbagai langkah dan program telah dirancang dan dilaksanakan yang mula menampakkan kejayaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi prestasi lembab ketibaan pelancong ialah:-

- (a) Mengatur langkah-langkah strategik dengan memberi penekanan kepada:-
 - (i) pasaran-pasaran yang kurang menerima kesan daripada krisis ekonomi seperti Timur Tengah, India, China, Eropah, Australia dan Amerika Syarikat;
 - (ii) pasaran-pasaran serantau khususnya Singapura, Thai, Hong Kong dan lain-lain pasaran di mana terdapat kumpulan pelancong berketurunan Cina;
 - (iii) pasaran domestik khusus untuk menerap nilai dan budaya melancong di kalangan rakyat Malaysia dan hikmah bercuti dan menikmati keindahan negara sendiri.
- (b) Di samping itu, Yang Berhormat Menteri juga telah membuat lawatan kajiselidik promosi ke Singapura, Thailand, Timur Tengah, Korea Selatan, Jepun dan Amerika Syarikat untuk menjalin hubungan serta mempromosikan Malaysia di pasaran-pasaran tersebut.
- (c) Memasarkan secara agresif sektor MICE (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*).

- (d) Meningkatkan aktiviti lawatan suaikenal bagi wakil media asing untuk menggalakkan penulisan dan meningkatkan publisiti mengenai Malaysia di samping wakil agensi pelancongan dan krew stesen TV/filem. Secara kumulatif dari bulan Januari hingga September 1999 sejumlah 1,112 orang telah dibawa ke Malaysia di bawah program ini;
- (e) Mempromosikan kejohanan sukan bertaraf dunia seperti Kejohanan Golf Amatur Berpasukan Sedunia, Kejohanan Golf Piala Dunia dan *Formula 1 Petronas Malaysian Grand Prix*.
- (f) Melancarkan kempen promosi antarabangsa yang akan berlanjutan untuk tempoh dua tahun pada 16 Oktober 1999 sempena Perarakan Citrawarna Malaysia bertemakan "*Malaysia-Truly Asia*" untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terulung di peringkat serantau dan antarabangsa.
- (g) Melaksanakan kempen promosi yang agresif bagi menggalakkan pelancongan domestik bertemakan "Cuti-cuti Malaysia" yang telah dilancarkan pada 11 September 1999. Kempen ini akan berlanjutan untuk tempoh dua tahun dan bertujuan untuk menerapkan nilai budaya cuti terancang dan menjadikan percutian satu keperluan hidup rakyat Malaysia. Untuk menggerakkan kempen Pelancongan Domestik dan menjamin kejayaannya, kerjasama ke semua akhbar-akhbar utama tempatan seperti *Sin Chiew Jit Poh*, *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times* telah digembleng untuk mencapai objektif kempen tersebut dengan menerbitkan keluaran khas '*Weekly Travel Supplement*'.
- (h) Di Singapura pula kerjasama dengan akhbar utama iaitu *Singapura Straits Times* dan *Lianhe Zaobao* telah digembleng untuk menerbitkan '*Weekly Travel Supplement*' setiap minggu. Terbitan ini digunakan untuk mempromosikan tarikan dan acara di Malaysia melalui iklan dan rencana yang dimuatkan.

Strategi ini menampakkan kejayaan ketibaan pelancong ke Semenanjung Malaysia. Semenjak bulan Mei hingga Julai tahun ini telah meningkat berbanding dengan bulan-bulan yang sama tahun lalu dan juga peningkatan yang sedikit bagi bulan Mac – 3.2% dan pengurangan dalam bulan April – 12.3% berbanding dengan bulan yang sama tahun lalu. Bulan Julai yang lalu memperlihatkan tambahan sebanyak 119% berbanding dengan bulan Julai tahun yang lalu. Secara keseluruhannya untuk tempoh kumulatif Januari-Julai mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 35.5% kepada 3,754,374 orang berbanding 2,770,393 orang bagi tempoh yang sama tahun 1998.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Umum dimaklumkan terdapat lebih penawaran bilik-bilik hotel yang melebihi unjuran yang dibuat oleh kementerian sendiri yang membuat kadar bayaran sewa bilik hotel tidak munasabah rendahnya kadar sewaan berkenaan. Berapakah sebenarnya lebih tawaran bilik-bilik berkenaan dan bagaimanakah kaedah-kaedah yang akan digunakan oleh kementerian untuk mengatasi lebih bilik-bilik berkenaan.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah yang ditanayakan adalah agak sukar untuk kita menentukan bahawa jumlah bilik hotel itu telah berlebih daripada keperluan, kerana kalau kita lihat angka-angka penginapan ataupun

occupancy rate di hotel-hotel ada masanya rendah tetapi ada masanya hotel-hotel tertentu mengalami seratus peratus *occupancy rate*. Oleh yang demikian, agak sukar untuk kita menentukan berapakah lebih bilik hotel itu. Tetapi kalau dipandang daripada keseluruhan *occupancy rate*, dengan izin, kita dapati bahawa antara bulan Januari hingga Jun di Kuala Lumpur sahaja purata hotel-hotel mengalami 45.8% *occupancy rate* dan 47.8% di seluruh Malaysia.

Oleh yang demikian, mungkin kalau kita lihat daripada angka itu hanya setengah sahaja hotel digunakan ataupun dapat diniagakan. Tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi pada bulan-bulan tertentu semua bilik hotel di hotel-hotel tertentu, misalnya semasa *Formula 1* dijalankan kebanyakan hotel berbintang di Kuala Lumpur penuh. Jadi, itulah masalahnya apabila kita membincangkan tentang perkara ini.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya. Sebelum daripada itu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas pendekatan-pendekatan yang akan diperkenalkan bagi memastikan pelancongan akan terus menjadi satu sumber kewangan yang terbesar kepada ekonomi Malaysia. Baru-baru ini kita telah menyaksikan *Formula 1* pada hari Ahad. Saya ingin bertanya apakah strategi yang digunakan oleh kementerian bagi memastikan manfaat sepenuhnya diperolehi daripada event yang begitu besar yang mendapat coverage yang begitu meluas di dunia. Saya melihat perkataan "Visit Malaysia" saiznya kecil berbanding dengan perkataan "Petronas, Marlboro" dan lain-lain jenama yang lebih menonjol. Apakah sebabnya?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa bentuk saiz iklan-iklan itu ada pengawalannya. Jadi, pihak Lembaga Pelancongan Malaysia sudah tentu meminta atau memohon bargain seberapa besar yang boleh, tetapi telah dipersetujui untuk kita menggunakan itulah saiznya dengan bayaran ataupun kos pengiklanan yang tertentu.

3. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah institut pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang telah berdaftar secara sah dan adakah siasatan yang dijalankan untuk menyemak sama ada IPTS dikendalikan menurut undang-undang dan peraturan yang disediakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun 1999 sebanyak 599 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) telah diluluskan penubuhannya dan daripada jumlah tersebut 450 buah telah didaftarkan dengan Kementerian Pendidikan. Bagi memastikan IPTS mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan Kementerian Pendidikan, sentiasa mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha IPTS, Persatuan Kebangsaan Institusi-institusi Pendidikan Swasta dan bebas dan Persatuan Kolej-kolej Swasta. Selain daripada itu, lawatan ke premis IPTS juga dilakukan dengan bertujuan untuk memantau bagi memastikan IPTS berkenaan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sehingga masa kini berapakah IPTS yang telah didapati melanggar undang-undang ataupun tidak mengikut peraturan-peraturan Kementerian Pendidikan, oleh sebab saya difahamkan ada IPTS yang oleh kerana tidak mengadakan lecturer, penuntut-penuntut di IPTS itu terpaksa berehat selama sembilan bulan.

Oleh itu, saya ingin tahu apakah tindakan yang diambil terhadap institusi-institusi pendidikan tinggi swasta yang sengaja menganiaya penuntut-penuntut.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1999 ada 273 aduan yang telah diterima oleh Kementerian Pendidikan mengenai

pelbagai perkara seperti penubuhan dan pendaftaran kursus-kursus yang dijalankan, ada di antaranya menjalankan kursus sebelum pendaftaran rasmi dibuat. Ada empat kes tentang keadaan tempat kolej-kolej itu dikendalikan atau diselenggarakan dan ada tiga kes mengenai kemudahan pengajaran dan pembelajaran seperti peralatan tenaga pensyarah dan lain-lain dan ada 35 kes tentang masalah yuran dan ada 24 kes mengenai pengiklanan.

Antara tindakan-tindakan yang telah diambil:

- (i) Kita memberi surat tunjuk sebab;
- (ii) Ada kolej yang telah kita tutup dan setakat ini cuma belum ada dakwaan dibuat di mahkamah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat mana Lembaga Akreditasi Negara (LAN) mempunyai ahli yang cukup, kepakaran yang cukup untuk memantau apa yang disebutkan tadi syarat-syarat, terma-terma yang ditetapkan dan juga standard yang diperlukan supaya semua 599 buah institusi ini dapat mengadakan standard pendidikan yang tinggi, yang cocok dengan standard dunia.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebagai suatu cara untuk kita memastikan mutu dan nilai terutama sekali dari segi kursus-kursus yang ditawarkan oleh kolej-kolej swasta ini terutama sekali LAN akan memperakukan syor kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya permohonan bagi mengendalikan sesuatu kursus pengajian itu diluluskan.

Yang kedua, dalam tempoh enam bulan setelah kursus pengajian berkenaan dijalankan, LAN akan membuat lawatan untuk mengesahkan tenaga pengajar dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh sesuatu atau sesebuah kolej swasta.

Yang ketiga, setiap tahun LAN akan membuat lawatan penilaian bagi menentukan tahap minimum dipatuhi dan diikuti oleh kolej-kolej swasta.

Selain dari itu, pengiktirafan ini sah laku selama tiga tahun bagi tahap sijil dan diploma, manakala bagi tahap ijazah, sah lakunya selama lima tahun.

Dan selepas tempoh itu, permohonan untuk membaharui pengiktirafan tahap minimum perlu dikemukakan kepada kementerian. Kita berharap dengan langkah-langkah ini kementerian melalui Lembaga Akreditasi Negara akan dapat cuba memastikan perkara-perkara terutama sekali dari segi mutu dan nilai kursus, tenaga dan lain-lain dapat dipastikan ketinggian mutu dan nilainya. Terima kasih.

4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Kewangan menyatakan segala hutang negara dan nisbah khidmat hutangnya. Apakah usaha untuk memastikan nisbah ini sihat bagi ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan Jun 1999, jumlah hutang luar negara Malaysia berjumlah sebanyak RM190.9 bilion ataupun 56.8% daripada KNK. Dari jumlah tersebut sebanyak RM131.9 bilion ataupun 81.98% adalah hutang jangka sederhana dan panjang yang terdiri daripada RM17.4 bilion ataupun 10.82% pinjaman Kerajaan Persekutuan.

M53.5 bilion ataupun 33.25% pinjaman perbadanan awam bukan kerajaan (BSBK) dan RM61 bilion ataupun 37.91% pinjaman sektor swasta. Hutang jangka pendek berjumlah RM29 bilion ataupun 18.02% sementara itu nisbah khidmat hutang luar negara pada akhir tahun 1998 adalah 6.6% dan dijangka akan stabil pada tahap ini pada tahun 1999.

Malaysia sentiasa mengambil pendekatan yang konservatif dalam pengurusan hutang luar negaranya dan dapat mengekalkan hutang luar negara pada tahap yang rendah.

Selain daripada itu, nisbah khidmat hutang negara adalah paling rendah berbanding dengan negara-negara jiran.

Dari segi pinjaman sektor swasta, kelulusan Bank Negara diperlukan bagi pinjaman luar negara yang melebihi RM5 juta. Kelulusan akan diberi kepada peminjam untuk membiayai kegiatan produktif serta projek yang strategik dan juga untuk pelaburan yang akan menjana pendapatan pertukaran asing yang secukupnya untuk menjelaskan hutang.

Kerajaan Persekutuan pula menguruskan hutang luar negaranya dengan aktif dan dalam dekad yang lalu telah membuat par bayaran hutang luar negara yang lebih mahal secara terpilih bagi mengekalkan hutang luar negara pada tahap yang boleh dikawal dan mengurangkan beban khidmat hutang.

Pada masa yang sama, kerajaan sentiasa mengawasi dengan teliti perkembangan dalam pasaran kewangan antarabangsa untuk mengambil setiap peluang yang ada untuk memperolehi hutang luar negara yang baru dan syarat yang lebih baik untuk membiayai semula hutang yang sedia ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat tadi dan saya pun berasa pelek juga dengan perbandingan nisbah khidmat hutang kita dengan negara-negara jiran, adakah ini perbandingan dengan negara Singapura misalnya.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita hendak banding, kita bandingkan dengan negara yang lebih baik daripada kita. Kalau dibandingkan dengan negara yang kurang baik, itu tidak sopan, tidak munasabah, tidak dibenarkan oleh kitab-kitab suci kita termasuk Al-Quran. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Baca ayat, beri PAS dengar!

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat itu memberi penjelasan yang baik untuk mempertahankan kenyataan pihak kerajaan bahawa kita mempunyai wang yang cukup, sumber yang cukup benar dan kita tak payah pinjam daripada negara luar lagi kerana kita cukup wang, cukup sumber, mengapa kita masih hendak pinjam lagi?

Sekian, terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyata kedudukan hutang kerajaan setakat 30 Jun 1999 iaitu pinjaman dalam negeri adalah lebih kurang RM91 bilion, manakala pinjaman dari luar negeri itu hanya RM17 bilion sahaja dan ini menunjukkan memang kita mempunyai sumber-sumber yang banyak di dalam negeri dan kalau pada masa yang akan datang kerajaan bercadang hendak mendapatkan pinjaman, memang kerajaan akan mengambil kira sumber-sumber yang terdapat dalam negeri dan kita percaya sumber-sumber kewangan yang terdapat di negara kita itu masih kuat lagi dan dapat kita bergantung untuk kita mencari pinjaman.

Mengapa pula kita pinjam dari sumber luar negara, itu sebenarnya seperti yang kita buat isu mengeluarkan bon pada tahun ini iaitu rasionalnya ialah untuk kita menetapkan benchmark ataupun penanda asas dalam pasaran dunia ini iaitu untuk kita mewujudkan semula nama Malaysia itu dalam pasaran dunia.

Pada masa itu kita telah mendapatkan pendaftaran ataupun sheef registration sebanyak AS\$3 bilion tetapi kita hanya memperolehi AS\$1 bilion oleh kerana kita telah mencapai tujuan kita dan kita akan mengambil kira dari masa ke semasa sama ada kita hendak menggunakan AS\$2 bilion itu yang telah dipersetujui dan diluluskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat tolong jelaskan dalam Dewan ini semenjak krisis ekonomi berlaku, berapakah pinjaman baru yang telah dibuat oleh kerajaan dan baru-baru ini saya telah difahamkan pihak kerajaan telah mengadakan rundingan dengan World Bank untuk mengadakan pinjaman. Apakah perlu mengadakan pinjaman lagi dengan World Bank sebab bebanan pinjaman yang ada sekarang ini saya rasa sudah berisiko tinggi. Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang 1998 hingga 1999, jumlah pinjaman yang telah diperolehi dari luar negeri itu ialah RM24 bilion iaitu daripada sumber pasaran bebas di dunia, ada juga yang kita perolehi dari pelbagai hala ataupun multilateral iaitu daripada Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia ataupun Bank Pembangunan Islam.

Ada juga yang kita perolehi pinjaman itu daripada dua hala ataupun bilateral seperti daripada OECF, Jepun begitu juga ada pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Tujuan-tujuan kita mengadakan pinjaman ini adalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu pinjaman daripada Bank Dunia itu adalah untuk projek sosial, untuk pendidikan, untuk bantuan teknik seperti untuk mengatasi masalah Y2K dan juga untuk membina hospital dan sebagainya.

Ini bukanlah satu perkara yang luar biasa, oleh kerana pinjaman daripada Bank Dunia ini memang berterusan dari masa ke semasa, ini sentiasa dijalankan dan ini bukanlah satu yang luar biasa yang kita mendapat pinjaman daripada Bank Dunia.

[Soalan No. 5 – Y.B. Datuk Seri Panglima Salleh bin Tun Said Keruak (Kota Belud) tidak hadir]

6. **Tuan Hashim bin Ismail [Ledang]** minta Menteri Kewangan menyatakan punca sebenarnya kemerosotan prestasi BSKL akhir-akhir ini sedangkan ekonomi negara dikatakan semakin pulih dan baik. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk terus meyakinkan pelabur luar dan dalam negeri terhadap BSKL.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, turun naik pasaran saham tempatan adalah perkara biasa kerana ianya dipengaruhi oleh sentimen dan situasi semasa dalaman dan luaran. Faktor dalaman yang positif tidak dapat menjamin pasaran saham yang setabil sekiranya faktor luaran yang di luar kawalan tidak menggalakkan.

Walaupun penunjuk ekonomi menunjukkan ekonomi negara telah pulih daripada kemelesetan dan prestasi syarikat tersenarai semakin kukuh tetapi prestasi ini tidak dapat menentukan keadaan sebenar pasaran saham sekiranya pasaran serantau di luar negara turut menjejaskan sentimen pasaran tempatan.

Faktor luaran yang menjejaskan pasaran dalaman tempatan termasuklah kejatuhan di pasaran saham Dow Jones, arah aliran kadar faedah yang tidak menentu di Amerika Syarikat, kenaikan nilai Yen berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat dan pergolakan politik di Pakistan, Timur Timor dan ketegangan hubungan China-Taiwan.

Keadaan tersebut menyebabkan pelabur berhati-hati dan kurang berminat untuk memasuki pasaran, walaupun ekonomi domestik menunjukkan pemulihan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, prospek pasaran saham tempatan untuk meningkat adalah cerah berasaskan petunjuk terbaru menunjukkan bahawa sentimen pasaran semakin baik, indeks komposit BSKL telah meningkat daripada paras terendah

bagi tahun 1998 iaitu 262.7 mata pada 1 September 1998 kepada 747.84 mata pada 8 Oktober 1999, meningkat sebanyak 183.15%.

Nilai modal pasaran juga meningkat sebanyak 176.91% daripada RM181.5 bilion pada 1 September 1998 kepada RM502.6 bilion pada 8 Oktober 1999. Dalam pada itu, Thomson Financial Bank Wad telah meningkatkan penarafan risiko kedaulatan Malaysia daripada BBB- kepada BB+, manakala agensi penarafan antarabangsa Standard and Poors telah meningkatkan penarafan kredit Malaysia daripada stabil kepada positif.

Suruhanjaya Sekuriti dan BSKL akan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keyakinan pelaburan dalam dan luar negeri ke atas pasaran saham termasuk memperkukuhkan industri pembrokeran saham dan syarikat tersenarai, mengadakan dialog dengan industri dan peserta pasaran, pertemuan dengan pengurus-pengurus dana asing dan meningkatkan infrastruktur bagi menghasilkan pasaran yang telus, adil dan cekap.

Langkah-langkah panjang pula termasuk menggubal pelan induk pasaran modal, meningkatkan tadbir urus korporat dan meningkatkan penguatkuasaan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengambil masa yang agak panjang untuk menerangkan kedudukan pasaran saham BSKL kita akhir-akhir ini.

Saya hendak bertanya sedikit, bagaimana bandingan dengan pasaran saham di negara-negara lain yang turut menghadapi kemerosotan baru-baru ini iaitu Thailand, Indonesia dan Korea Selatan. Saya difahamkan bahawa prestasi kita agak amat baik kalau dibandingkan dengan negara-negara ini, saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya perolehi satu jadual bandingan antara BSKL dengan Jakarta, Seoul dan Bangkok iaitu perbandingan antara 1 September 1998 dengan 15 Oktober 1999 iaitu bagi BSKL 260.7 mata naik kepada 721.18 mata iaitu perubahannya dengan kenaikan 174.5%.

Bagi Jakarta pula, naik daripada 325.85 mata kepada 567.92 mata iaitu dengan peraturan 74.3%.

Seoul pula daripada 309.71 mata kepada 862.63 mata dengan kenaikan 178.5%. Bagi Bangkok pula 211 mata ke 385 mata dengan kenaikan 82% iaitu kalau dengan angka-angka sedemikian, bolehlah kita perhatikan BSKL itu perubahan kenaikannya adalah lebih kurang sama dengan Seoul iaitu Korea Selatan dalam masa yang sama.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menasihatkan pelabur-pelabur untuk masuk BSKL membeli saham. Dua tahun dahulu khususnya di dalam bulan Ogos 1997 apabila beliau membuat nasihat yang sama dan ramai orang yang masuk, yang bertindak atas nasihat beliau menghadapi kerugian yang besar apabila BSKL menjunam.

Adakah kerajaan akan memberi ganti rugi kalau ada orang yang bertindak atas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini masuk BSKL dan menghadapi kerugian dan adakah wajar untuk seorang Perdana Menteri membuat nasihat semacam ini di mana di negara yang lain ada Perdana Menteri yang menjadi broker untuk BSKL.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada ini sebenarnya bukan tanggungjawab kerajaan tetapi untuk mengadakan satu iklim politik untuk Barisan Nasional, takut hilang majoriti 2/3 dalam election yang akan datang.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Tuhan oleh kerana rakyat Malaysia kebanyakannya tidak berfikiran begitu seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. *[Tepuk]*

Saya percaya rakyat Malaysia itu tidaklah meminta ganti rugi daripada pihak kerajaan. Kebanyakannya berfikir kita memberi sumbangan dan pengorbanan supaya dapat kita sama-sama memulihkan keadaan ekonomi yang begitu teruk pada masa itu. Dan kita nampak hasilnya dengan bantuan dan kerjasama antara kita ini, dapat kita pulihkan keadaan ekonomi itu dengan begitu segera dan baik sekali. Hari ini kita menikmati hasil kejayaan itu dengan begitu baik, keadaan petunjuk-petunjuk ekonomi yang menunjukkan ke arah yang lebih cerah.

Saya berasa begitu dukacitalah sebagai seorang Ketua Pembangkang dia itu sentiasa menimbulkan rasa tidak puas hati dalam Dewan ini. Sekian.

Saya percaya rakyat Malaysia itu tidaklah meminta ganti rugi daripada pihak kerajaan. *[Disampuk]* Oleh kerana kebanyakannya berfikir kita memberi sumbangan dan pengorbanan supaya dapat kita bersama-sama memulihkan keadaan ekonomi yang begitu teruk pada masa itu dan kita nampak hasilnya dengan bantuan dan kerjasama antara kita dapat kita pulihkan keadaan ekonomi itu dengan begitu segera dan baik sekali. Hari ini kita menikmati hasil kejayaan itu dengan begitu baik, keadaan petunjuk-petunjuk ekonomi yang menunjukkan ke arah yang lebih cerah. Saya berasa begitu dukacita Ketua Pembangkang itu sentiasa menimbulkan rasa tidak puas hati dalam Dewan yang mulia ini.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan Radin Malleh (Tenom) tidak hadir]

8. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah kerajaan sedar sejak 10 tahun lalu seramai 635 orang telah ditembak mati oleh polis dan hanya tiga anggota polis dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan membunuh; dan
- (b) adakah kerajaan akan menubuhkan satu badan siasatan bebas untuk menyiasat kejadian seperti ini di samping penyiasatan yang dilakukan oleh pihak polis.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pandang serius dan peka terhadap tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh setiap agensinya. Langkah dan tindakan bagi menangani masalah yang timbul sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Polis Diraja Malaysia tidak terkecuali daripada tertakluk di bawah undang-undang, prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan tertentu di dalam menjalankan tugas harian bagi menjamin keselamatan orang ramai mahupun harta benda.

Sejak tahun 1984 hingga bulan Oktober 1999, perangkaan menunjukkan seramai 387 orang telah mati akibat tembak menembak dengan pihak polis. Kebanyakan mereka terlibat di dalam jenayah berat seperti samun berkawan, menculik dan penyeludupan senjata api dan dadah. Berlakunya kejadian tembak menembak di antara pihak polis dengan mereka yang terlibat itu adalah kerana mereka telah terlebih dahulu melepaskan tembakan terhadap pasukan yang bertindak menjalankan tangkapan. Di dalam keadaan sebegini, tindakan polis terpaksa mempertahankan diri sendiri. Namun tidak dinafikan terdapat juga kes-kes terpencil, dengan izin, isolated cases, di mana pegawai atau anggota polis dikatakan telah bertindak melebihi had-had kuasa mempertahankan dirinya dan telah mengakibatkan orang awam terkorban.

Dalam hal sedemikian, tindakan tegas tetap diambil oleh penguat kuasa undang-undang dan ianya bergantung kepada mahkamah untuk menentukan sama ada kejadian-kejadian itu tertakluk di bawah hak-hak mempertahankan diri atau tidak. Setakat ini seramai 276 orang pegawai dan anggota polis telah diambil tindakan mahkamah dan jabatan bersabit kes-kes berkenaan. Setiap kejadian yang mengakibatkan kematian ke atas pihak orang awam ekoran tindakan pegawai atau anggota polis yang terlibat itu, Jabatan Polis Diraja Malaysia akan memastikan satu siasatan menyeluruh dijalankan sebagaimana siasatan-siasatan polis yang lain. Ianya termasuk menuduh mereka di mahkamah atau mengadakan 'enquiry' ke atas kejadian-kejadian tersebut bagi menentukan sama ada tindakan berkenaan mengikut undang-undang, prosedur dan peraturan jabatan yang ada. Oleh itu pegawai dan anggota polis yang terbabit itu pasti tidak akan terlepas begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan mahkamah ataupun jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu suruhanjaya seperti yang dicadangkan.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kes tembakan seperti yang disebut dalam soalan asal. Latar belakangnya Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara telah bertanya soalan yang lebih kurang sama pada 20 April 1999 dalam Dewan yang mulia ini dan jawapan yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri pun lebih kurang sama seperti yang didapati hari ini.

Jadi, apa yang kita hendak tahu adalah apakah langkah-langkah untuk mencegah berlakunya kes tembakan seperti berkaitan dengan Dr. Tai yang mati ditembak dan saya hendak tahu sama ada langkah-langkah yang mencukupi ada diambil untuk mencegah penembakan orang yang bukan diketahui sebagai penjenayah pada masa berlakunya insiden tragedi itu.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang jawapan kerajaan selalu konsisten, ia tidak berubah-ubah kerana langkah prosedur itu tetap dan langkah-langkah yang sesuai. Bagi pihak Polis Diraja Malaysia semua anggota polis tertakluk kepada peraturan. Kalau mereka hendak melepaskan tembakan mereka mesti kena terlebih dahulu mendapat *justified* bahawa dalam keadaan mendesak sehingga keselamatan mereka itu telah terancam, baru mereka boleh dikatakan mempertahankan diri. Selepas satu, dua kes yang telah berlaku baru-baru ini, pihak Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia telah sekali lagi mengingatkan semua anggotanya supaya memastikan semua peraturan itu diperhatikan. Akan tetapi untuk lebih adil kepada pihak polis, saya ingin menerangkan dalam keadaan di mana tembak-menembak telah berlaku, apa yang dikatakan di bawah keadaan itu bukanlah senang bagi anggota-anggota polis ini untuk membuat satu keputusan bahawa mereka tidak boleh melepaskan tembakan.....

Dr. Tan Chong Keng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dr. Tan Chong Keng: Ya, penjelasan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, jangan mencelah ya

Dr. Tan Chong Keng: Beri peluang.

Dato' Ong Ka Ting: Saya belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan mencelah, ya.

Dato' Ong Ka Ting: Ya, langkah-langkah. Saya kata sebenarnya prosedurnya yang sangat ketat. Setiap kali seseorang anggota polis melepaskan tembakan, maka siasatan terus akan diadakan oleh pihak polis sendiri dan 'enquiry' itu akan dibuat dengan sangat serius. Kalau sekiranya nampak sesuatu mereka akan rujuk terus kepada majistret dan akan rujuk kepada pendakwa raya dan pendakwa raya akan membuat keputusan sama ada dakwa atau tidak. Ini memang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaan spesifik berkenaan dengan kematian Dr. Tai itu, ya.

Dato' Ong Ka Ting: Tetapi soalan ini tidak kata pada keseluruhan. Jadi, [Disampuk] Apa itu? Dr. Tai, dia memang ada soalan yang lain, bukan soalan ini. Saya hendak beri satu gambaran kerana kalau saya tidak jelaskan gambaran, ia tidak adil bagi pihak polis ataupun saya akan jawab pada soalan tambahan yang kedua nanti.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]

Tuan Haji Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Baru-baru ini di Malaysia ramai orang sangat marah terhadap pihak polis apabila seorang doktor iaitu Dr. Tai Eng Tek ditembak mati dan ini disebabkan oleh kecuaiannya. Kita semua ketahui dan dalam keadaan ini diketahui apabila doktor ini ditembak mati adalah disebabkan kerana pihak polis ini tidak ada disiplin langsung dan doktor ini dikatakan tidak ada 'record criminal' sebelum ini. Adakah kerajaan ingin mengkaji balik supaya pihak polis bukan sewenang-wenangnya dibenarkan membawa senapang kerana bukan seperti di beberapa negara di mana emergency dan sebagainya ada?

Di negara ini kerap kali kita tengok pihak polis sangat 'trigger happy' dan menyebabkan kematian ramai orang dan di antaranya Dr. Tai ini dan adakah kerajaan sudi membayar pampasan 'ex-gratia' dengan serta merta di mana kerajaan dalam beberapa soalan dahulu telah mengatakan bahawa apabila kematian seseorang berlaku di negara ini, pampasan yang munasabah adalah sebanyak RM750,000 untuk seorang. Adakah kerajaan dalam perkara ini akan membayar pampasan, kalau tidak kenapa sedemikian?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di sini kes Dr. Tai ini sebenarnya telah pun dirujuk kepada mahkamah dan kes penyiasatan terhadap anggota polis yang didakwa telah menembak itu telah pun didakwa dengan begitu cepat. Saya rasa ini adalah satu rekod di mana sesuatu kes itu telah selesai siasat, dibawa ke mahkamah dalam masa hanya dua, tiga hari. Tidak pernah satu kes begitu cepat. Ini telah menunjukkan ketegasan kerajaan supaya tidak melindungi sesiapa.

Jadi, sama ada salah atau tidak, apa akan jadi kita serahkan kepada mahkamah. Tetapi satu penerangan saya hendak terangkan bagi pihak polis di mana Yang Berhormat bagi Teluk Intan kata jangan bawa senapang dan sebagainya, kemudian suruh mereka pergi tangkap penyamun bersenjata, menangkap penyeludup, penculik dan sebagainya. Saya beri satu angka, sejak tahun 1995 sampai sekarang 17 orang anggota polis telah ditembak mati oleh penjenayah keras ini. 17 orang anggota polis bukankah mereka itu manusia, bukankah mereka itu warga kita?

Jadi, adakah nyawa itu tidak penting? Kalau kita hendak kira anggota polis yang terkorban, ini hanya yang ditembak sahaja sudah 17 orang dalam lima tahun. Yang dilanggar mati semasa menjalankan tugas trafik begitu ramai, begitu banyak 'figure'nya. Jadi, tidak adil kerana satu, dua 'isolated case' kita kata pihak polis semua itu tidak ada kredibiliti, semuanya hilang keyakinan. Tidak adil kepada 80,000 orang anggota yang

sentiasa mengorbankan diri dari segi masa, nyawa, risiko. Mereka semua manusia, ini semua kita punya warga, tidak bolehlah, tidak adillah, sebab satu, dua kes itu pun belum selesai dibicarakan.

Saya rasa Yang Berhormat daripada pihak pembangkang itu apabila buat kritik, dia kena adillah bagi semua pihak. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya ada tanya

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Hoi, kecik duduklah, kecik duduklah!

Tuan M. Kulasegaran: Apa ini tidak tahu jawab, tidak ada standard.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

9. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan mengenai prosedur-prosedur bagi menghukum konsumer-konsumer yang dituduh mencuri elektronik daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB):

- (a) adakah kerajaan berpendapat bahawa denda purata bagi kes-kes yang melibatkan konsumer-konsumer adalah terlalu tinggi; dan
- (b) mengapakan TNB tidak membenarkan rayuan terhadap denda tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, denda maksimum bagi pengguna yang disabitkan kesalahan mencuri elektrik ternyata di dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 di bawah seksyen 37 iaitu tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Kerajaan tidak merasakan ianya sebagai satu denda yang begitu tinggi memandangkan kes-kes kecurian yang ada melibatkan pengguna kuasa besar. Tenaga Nasional Berhad tidak berhak untuk mengenakan denda dan oleh itu isu rayuan terhadap denda tidak dibangkitkan.

Walau bagaimanapun, Tenaga Nasional Berhad dibenarkan di bawah seksyen 3(1) dalam Peraturan-peraturan Bekalan Elektrik 1990 untuk mendapatkan kembali daripada seseorang pengguna apa-apa caj yang kena dibayar kepadanya berkenaan dengan bekalan elektrik sekiranya terdapat kepincangan nilai yang direkodkan oleh meter di premis pengguna.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa pihak TNB sangat angkuh dan tidak bersikap toal ansur, misalnya satu rumah kedai di Jalan Klang Lama terima notis denda berjumlah RM50,000 dan bila pemilik kedai tanya, jawapan daripada TNB ialah mesti membayar denda dalam masa tiga hari, jikalau tidak TNB akan datang tarik balik meter.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kes kecurian yang berleluasa, maka TNB baru-baru ini telah menjalankan satu operasi untuk membasmi kecurian secara besar-besaran. Walau bagaimanapun, TNB telah pun dinasihatkan oleh kementerian saya supaya sebelum sesuatu tindakan diambil harus memberikan penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada pengguna yang disyaki melibatkan diri dalam kecurian elektrik ini dan perundingan selalu dinasihatkan supaya diadakan di antara pihak TNB dengan pihak pengguna. Walau bagaimanapun, pihak TNB telah juga dinasihatkan supaya jangan memutuskan bekalan dalam perkara ini dan sejak pihak TNB telah terima arahan

daripada kementerian saya, tidak satu pun pengguna ditamatkan bekalan elektrik dalam perkara ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan kementerian, adakah kementerian bercadang hendak meminda undang-undang ini supaya pesalah-pesalah – ini bukan bermakna saya qualified soalan saya, bukan bermakna saya bersetuju dengan pencurian – bercadang untuk meminda undang-undang ini supaya pesalah itu diklasifikasikan iaitu orang yang mencuri kerana kilang, mencuri sebagai pencuri individu untuk kegunaan perumahan dan mencuri bagi kedai-kedai kecil supaya hukuman-hukuman yang dikenakan kepada mereka ini juga diselaraskan dengan penggunaan yang telah mereka pakaikan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya bertanya berapa banyakkah nilai pencurian yang telah berlaku dalam masa setahun ataupun dua tahun ini.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Yang Berhormat ada cadangan mengenai perkara ini, kita akan meneliti sedalam-dalamnya. Memang dalam kes kecurian elektrik seperti mana yang saya katakan tadi, pihak TNB tidak berhak untuk mengenakan denda, cuma mahkamah yang akan mengenakan denda kepada sipengguna kalau sekiranya didapati mereka benar-benar terlibat di dalam kes kecurian ini.

Dalam tempoh masa antara pada tahun kewangan 1998 hingga 1999 kecurian elektrik ialah dalam lingkungan lebih kurang RM110 juta.

10. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan perancangan pendidikan terkini berkaitan penyediaan kemudahan pembelajaran dan ruang belajar yang sempurna di semua sekolah terutama di kawasan luar bandar. Apakah kementerian telah benar-benar bersedia untuk melaksanakan Penakrifan Bestari memandangkan masih banyak sekolah yang serba kekurangan dari pelbagai sudut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, usaha mengadakan kemudahan pembelajaran dan ruang belajar yang sempurna merupakan sesuatu yang dilakukan secara berterusan. Projek-projek pembangunan sekolah baru dan bangunan tambahan sedang giat dilaksanakan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh bagi menyediakan kemudahan pembelajaran yang lebih selesa kepada pelajar-pelajar kita.

Kementerian Pendidikan juga sedang menyediakan bahan-bahan yang diperlukan untuk sistem Penakrifan Bestari. Pelaksanaan sekolah bestari akan diteruskan seperti yang direncanakan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mencapai taraf pendidikan yang tinggi kita memerlukan guru-guru yang benar-benar percaya kepada Dasar Pendidikan Negara, guru yang benar-benar percaya tentang pentadbiran kerajaan tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa di sekolah-sekolah sekarang ini banyak guru yang tidak percaya kepada Dasar Pendidikan Negara, banyak yang mengutuk kerajaan dan menghasut murid-murid. Apakah tindakan kementerian untuk 'menghapuskan' [Ketawa] guru-guru ini supaya kita dapat melaksanakan dasar pendidikan kita dengan baik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak kata guru-guru tidak percaya kepada sistem ataupun Dasar Pendidikan itu saya rasa kurang tepat tetapi saya maklumlah ada sebilangan kecil guru-guru – ini atas takrifan masing-masinglah, keciklah, sedangkah, besarkah tetapi saya hendak kata bahawa saya sedar dan kementerian sedar ada sebilangan kecil guru yang telah dihasut juga oleh parti-parti pembangkang yang sekarang ini menentang kerajaan. Itu kenyataannya dan sebagai

satu ikhtiar untuk membetulkan keadaan ini kita telah berjumpa dengan guru-guru kita di semua peringkat dan kita terangkan apa juga salah laku yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang terutama sekali parti PAS yang menghasut guru-guru ini, termasuk Yang Berhormat bagi Arau, yang menghasut guru-guru ini [*Ketawa*] dan kita maklum tentang tindakan-tindakan yang tidak patut dibuat oleh guru-guru di sekolah-sekolah seperti menghasut murid-murid dan saya hendak sebut dalam Dewan yang mulia ini ada tindakan-tindakan yang telah kita ambil tetapi kita juga tahu tindakan-tindakan itu belum tentu dapat menyelesaikan masalah kerana kepala guru ini juga terus dihasut dan dirasuk oleh PAS terutama sekali.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dari segi tindakan Kementerian Pendidikan sedar akan senario yang berlaku di semua peringkat sistem persekolahan kita tetapi saya hendak beri jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, kita yakin walaupun pihak pembangkang terutama sekali PAS sentiasa menghasut guru-guru kita yang ada pula terpengaruh dan terpedaya dengan hasutan-hasutan ini. Daripada perjumpaan-perjumpaan yang telah kita buat, saya fikir akhirnya nanti pihak parti pembangkang terutama sekali PAS akan berasa kecewa dengan langkah-langkah yang tidak patut dia buat terhadap guru-guru kita yang saya tahu sebahagian besar masih lagi bersama-sama dengan kerajaan. Walaupun begitu dari segi tindakan, yang ada bukti-bukti yang sah kita ambil tindakan melalui pelbagai cara dari segi pentadbiran dan juga tindakan-tindakan yang lain.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga kini keadaan sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak masih serba kekurangan berbanding negeri-negeri lain. Mengapakah tidak ada keutamaan kementerian untuk membaiki keadaan ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf saya tidak dapat hendak memberikan statistik tetapi saya maklum kita telah memberikan satu peruntukan yang agak besar untuk cuba mencari jalan menyelesaikan masalah-masalah yang ada di sekolah-sekolah kita khususnya di Sarawak, di kawasan-kawasan pedalaman terutama sekali. Jadi, saya percaya pelaksanaannya sekarang ini di dalam pelbagai proses dan saya yakin apabila kerja-kerja itu siap ianya akan menyediakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan baik dari segi bilik darjah dan peralatan untuk keselesaan murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 22 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubung dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JUALAN DADAH (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [18 Oktober 1999]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Teluk Kemang, sila sambung.

11.04 pagi.

Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semasa ucapan saya semalam di Dewan yang mulia ini saya berucap betapa pentingnya pesakit mengikut arahan-arahan yang diberi oleh doktor atau pembantu klinik semasa ubat dibeli atau dikutip di kaunter, tentang berapakah dos yang patut diambil, berapa kali sehari ia perlu dimakan dan sama ada ia perlu ditelan sebelum atau selepas makanan tertentu. Saya telah menegaskan doktor-doktor mempunyai tanggungjawab yang sepenuhnya untuk memastikan bahawa pada masa ubat-ubatan dijual atau diberi, arahan betul, tepat dan jelas diberi kepada pesakit. Penyalahgunaan ubat boleh membawa maut.

Di sini saya ingin bertanya kepada Menteri Kesihatan bilangan kes kecuaiian doktor yang dilapor kepada MMC dalam hal seperti ini dan tindakan yang diambil oleh kementerian ke atas doktor-doktor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang skim bonus dalam penjualan ubat-ubatan kepada klinik atau hospital swasta oleh syarikat pharmaceutical. Bilangan doktor yang mendirikan klinik di kawasan luar bandar adalah sangat kurang. Ia berlaku begitu kerana para doktor di luar bandar menghadapi banyak masalah berbanding dengan doktor yang mengadakan klinik di bandar. Di kawasan luar bandar bayaran yang dikenakan kepada pesakit adalah sangat rendah dan juga bilangan pesakit yang diterima oleh klinik tersebut adalah sangat terhad. Ini adalah sangat berbeza dengan doktor yang mempunyai klinik di kawasan bandar.

Memandangkan bilangan pesakit adalah terhad doktor swasta di kawasan luar bandar membeli ubat-ubatan dengan kuantiti yang kecil dan oleh itu doktor tersebut terpaksa membayar harga yang lebih bagi ubat-ubatan. Ini adalah kerana amalan skim bonus yang diamalkan oleh kebanyakan syarikat pharmaceutical – lebih banyak anda beli, lebih banyak bonus anda dapat. Ada ubat-ubatan yang mendapat seratus peratus bonus bergantung kepada kuantiti ubat yang dibeli. Oleh itu doktor di klinik bandar mendapat bonus yang besar dan harga ubat-ubatan adalah rendah. Doktor di kawasan bandar pula menetapkan caj yang tinggi dan pendapatan mereka adalah sangat tinggi pada hal doktor-doktor di kawasan luar bandar membeli sedikit ubat-ubatan, oleh itu ubat-ubatnya berharga tinggi tetapi mereka tidak boleh menetapkan caj yang tinggi kepada pesakit-pesakit luar bandar yang kurang kemampuan. Ini adalah sebab utama kenapa doktor keberatan membuka klinik di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, ubat adalah sangat penting bagi pesakit, tidak kira miskin atau kaya. Setiap pesakit walaupun dari kawasan bandar ataupun luar bandar mesti mendapat ubat dengan harga yang berpatutan. Pihak kementerian sepatutnya memastikan ubat-ubatan tidak dijual dengan skim bonus. Ia sepatutnya dijual kepada doktor, hospital atau para pharmacist dalam unit harga yang sama supaya membolehkan doktor di kawasan luar bandar memperolehi ubat-ubatan pada harga yang sama dengan doktor-doktor di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya pohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya tidak ada perbincangan lagi.

11.10 pagi.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan bil ini daripada semalam hingga pagi ini. Saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada kesemua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini dengan panjang lebarnya daripada hari semalam.

Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama ialah berkaitan dengan keberkesanan proses pendaftaran yang perlu dibaiki oleh Kementerian khususnya bagi pendaftaran ubat-ubat yang telah sedia ada di pasaran pada ketika ini. Saya suka maklumkan bahawa bil yang kita bentangkan adalah untuk mengadakan akta supaya ubat ataupun dadah yang digunakan oleh haiwan juga dikawal sebagai satu usaha untuk meningkatkan mutu kesihatan orang ramai. Oleh kerana jika tidak dikawal, maka daging yang akan dimakan oleh orang ramai tentu akan memberi kesan kepada kesihatan rakyat. Inilah sebabnya mengapa bil ini dibentangkan.

Sebelum menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong saya juga ingin memberitahu bahawa Kementerian telah pun berjaya dengan baiknya meningkatkan kesihatan rakyat jelatan. Ini dapat diukur daripada umur.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri mengatakan penting bil dibentang dan juga saya hendak bertanya juga nampaknya bil ini dirasakan perlu disegerakan. Saya hendak bertanya apakah sebab bil ini dikemukakan secara segera, apakah implikasinya kepada kesejahteraan rakyat, mengapa penting bil ini disegerakan sekarang ini, apakah sebab musababnya, adakah sesuatu perkara yang penting yang boleh memudaratkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat? Saya minta Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri beri sedikit latar belakang mengapa pentingnya rang undang-undang ini. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi bahawa sehingga kini cuma drug ataupun dadah yang diambil oleh manusia sahaja dikawal dan jika ada penyalahgunaan dadah berkaitan, maka tindakan-tindakan peruntukan boleh diambil dan seperti yang kita ketahui bahawa manusia mengambil makanan daripada pelbagai cara. Ada yang memakan daging daripada ternakan-ternakan yang dibela ataupun ternakan-ternakan yang bebas dan kita dapati terdapat aduan-aduan bahawa sebahagian daripada ternakan ini juga telah menggunakan dadah yang telah memberi kemudahan kepada kesihatan manusia. Oleh kerana dadah yang diambil oleh haiwan ini tidak dikawal, maka tindakan-tindakan penguatkuasaan tidak dapat diambil, misalnya dadah yang digunakan dalam ayam, sebahagiannya yang digunakan dalam ternakan seperti khinzir dan sebagainya. Oleh yang demikian, maka adalah perlu bagi orang ramai supaya kesihatan mereka ini dapat dijaga dengan mengawal dadah-dadah yang digunakan oleh haiwan. Maka itulah sebabnya bil ini dibentangkan kerana di waktu-waktu terakhir ini didapati banyak juga kompelin yang diterima bahawa terdapatnya penggunaan dadah yang berlebihan di dalam haiwan. Kerana itulah maka bil ini menjadi segera supaya kawalan dapat dilakukan.

Saya suka juga.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Rompin bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya bermakna kadang-kadang ada peraturan atau *good practices* dalam industri makanan. Tidakkah ada *good practices* ataupun pendekatan-pendekatan yang baik yang patut diikuti dalam industri makanan haiwan ini. Adakah tidak doktor-doktor haiwan, mereka yang terlibat dalam industri penyediaan makanan haiwan, tidak adakah peraturan di kalangan mereka. Ini misalnya dalam peguam ada persatuan peguam-peguamnya, kalau jurutera dia ada lembaga jurutera. Tidak adakah peraturan dalam industri ini sebab apa, bermakna semenjak merdeka kalau tidak ada langsung peraturan *good practices* di kalangan industri bermakna risiko yang tinggi telah *expose* kepada masyarakat Malaysia. Saya hendak bertanya ada atau tidak *good practices* ini, pengawalan atau pengawasan daripada industri itu sendiri. Minta sikit penjelasan dari Datuk Timbalan Menteri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat memang ada *good practice* di kalangan pengamal-pengamal perubatan haiwan. Tetapi mungkin juga apa yang berlaku pengamal perubatan ini amal *good practice* tetapi yang pelihara binatang ini tidak amal *good practice*. Jadi merekalah yang telah memberi drug yang tidak mengikut peraturan. Dan kerana itu mereka tidak dapat didenda kerana tidak ada kawalan menerusi akta-akta yang telah pun diadakan. Oleh kerana itulah maka hari ini kita membentangkan Akta Dadah 1999 ini supaya sesiapa sahaja termasuk juga pengamal perubatan haiwan ataupun orang ramai ataupun penternak-penternak jika mereka menggunakan dadah ini dan jika dapat dipastikan ataupun dapat dibuktikan menyalahi peraturan maka tindakan boleh diambil mengikut undang-undang yang sedang kita gubal.

Saya suka hendak berbalik kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh wakil bagi Kepong yang telah menyatakan berkaitan dengan keberkesanan proses pendaftaran yang perlu dibaiki. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian di dalam usahanya untuk memperbaiki proses pendaftaran telah mewujudkan empat kumpulan kerja teknikal yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil dari persatuan-persatuan daripada industri-industri berkaitan. Pegawai-pegawai kerajaan dan wakil-wakil pengamal perubatan tradisional ataupun *complimentary*. Satu adalah *technical working group* untuk pharmaceutical yang sedang mengkaji garis panduan yang sedia ada untuk pendaftaran keluaran. Keduanya ialah kumpulan kerja teknikal untuk kosmetik yang telah menyediakan graf garis panduan untuk pendaftaran kosmetik. Ketiga kumpulan kerja teknikal untuk keluaran tradisional untuk menangani isu indikasi perlabelan dan nama keluaran. Dua kumpulan kerja teknikal berasingan juga telah ditubuhkan iaitu kumpulan kerja teknikal dengan pengamal perubatan tradisional Cina dan kedua kumpulan kerja teknikal dengan pengamal perubatan *homeopathy*. Dan kumpulan kerja teknikal yang keempat yang telah ditubuhkan ialah untuk makanan *supplement* sedang mengkaji masalah dengan kualifikasi produk.

Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum urusan pendaftaran ubat-ubatan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 1985 iaitu bagi ubat-ubatan preskripsi dan mulai Ogos 1998 bagi ubat-ubatan OTC. Ini bukan otak tidak center, ini ubat over the counter. Dan yang ketiga mulai Januari 1992 bagi ubat-ubatan tradisional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Timbalan Menteri minta maaf, ini OTC - 'otak tidak center', ini saya rasa ini adalah label kepada pembangkang. Sebab dia orang bagi banyak ini masukkan ubat OTC, yang dia bagi malam-malam ini. PBS tidak tahulah, PBS nampaknya masih menunggu sebab kawan dia S46 masuk BN mungkin dia pun tengah fikir. Mungkin inilah suasana yang baik Datuk untuk memikirkan untuk masa depan negara kita. Sebab peluang yang ada ini. Sebab orang kuat dia itu mungkin dia boleh menasihatkan kepada boss dia. Saya hendak bertanya apakah OTC ini?

Ubat apa kerana kami ini ubat-ubat yang kami tahu sekarang ini 'V' apa ini, Lembah Pantai tahu 'V' ini, Viagra. [Ketawa]. Lembah Pantai tanya saya hari itu prescription mana hendak dapatkan Viagra. [Ketawa] So, OTC ini adakah Viagra boleh dibeli di OTC dan apakah dia OTC ini sebab ramai daripada kami tidak berapa tahu.

Seorang Ahli: Setuju.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, betul atau tidak. Pokok Sena dia pun hendak tahu apa yang boleh dibeli *over the counter* dan apa yang tidak boleh dibeli *over the counter*. Apa dia OTC ini? Dan juga mungkin orang macam Pokok Sena dia segan. Adakah Viagra boleh dibeli *over the counter* juga. *Prescription* negara tertentu boleh dibeli *without the prescription*. Apa dia OTC ini kami hendak tahu sedikit penjelasan mesti ramai rakyat Malaysia hendak tahu juga ini. OTC itu apa Datuk? Minta sedikit penjelasan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman ahli Yang Berhormat, *over the counter* ini ringkasnya OTC tapi yang OTC ini ialah OTC betullah. OTC yang tidak betul ini macam kawan kita depan ini, yang DAP, PAS, KeADILan, PBS nampak sekarang macam sikit-sikit tidak betullah. Tapi belum tentu lagi. Mungkin boleh dibetulkan. Berkaitan dengan *over the counter drug* adalah yang menggunakan bahan *drug perceptible* misal kata kita hendak beli panadol tidak payahlah jumpa doktor hendak minta *prescription* hendak tanya boleh tidak saya hendak makan panadol. Pendek kata tengok sahaja atas rak kedai-kedai biasa pun kita tengok minta sahaja panadol beli sahaja dua tiga puluh sen sudah boleh makan. Itulah yang dinamakan *over the counter* yang boleh dibeli dengan mudah sedangkan ubat yang menggunakan *prescription* ini kena dapatkan nasihat doktor baru boleh digunakan. Macam Viagra. Viagra ini tidak ada *over the counter* kena tanya doktor dulu. Macam wakil dari Telok Kemang cakap jangan sebarang makan nanti takut dia tidak berhenti naiknya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud untuk bertanya fasal Viagra. Nampak saya masih sihat.

Beberapa Ahli: Betulkah? [Ketawa]

Tuan Md. Isa bin Sabu: Betul. Bukan nampak memang sihat pun.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri sebut fasal panadol. Jadi panadol sungguhpun nampak tidak begitu bahaya tetapi apabila soal untuk membeli panadol bolehkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian sendiri menasihatkan kepada penjual. Panadol ini tidak dikawal sama ada kedai-kedai runcit sendiri untuk memahami apakah peranan panadol, apa kesannya jangan sesiapa minta panadol sahaja boleh beli. Ini kita ragu juga. Kadang-kadang panadol yang patut makan sebiji dia makan dua biji, patut makan dua biji telan sampai enam biji. Ini yang menjadi masalah mungkin dapat kesan sampingan. Jadi apakah langkah kementerian yang boleh mengawal penggunaan dan juga penjualan ubat-ubatan begini sekalipun tidak mengandungi dadah yang tinggi. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang Berhormat, penjualan panadol ini kita tidak kawal kerana ianya tidak perlukan *prescription* doktor. Sebab panadol ini mudah sahaja dan disebut di atas kotak yang dijual orang dewasa makan dua biji sekali. Satu kali satu hari boleh makan habis tinggi empat kali. Kalau kanak-kanak satu biji pil boleh makan. Jadi kalau dia makan terlebih memanglah mudarat. Macam kita makan nasi juga tidak perlu ada *prescription* kita berhenti sebelum kenyang. Makan sebelum lapar. Tetapi kalau kita makan lebih boleh juga memudaratkan. Jadi sebab itu kalau kita jual nasi pun *over the counter*lah. Ubat yang *over the counter* lebih kurang begitu kerana tidak perlu *prescription* daripada doktor. Begitu juga macam *eyemore*, ubat mata...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kapar bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:...itu pun tidak perlu *prescript* kerana kita boleh gunakan. Tapi kalau kita tekan sampai satu botol habis sudah tentulah mudarat. Tetapi pada kebiasaannya ubat-ubat yang begini tidak perlu *prescription* doktor kerana itulah kita namakan *over the counter*. Doktor Kapar hendak sambung. Silakan.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya ialah apa-apa ubat yang dimakan adalah bahaya dan panadol pun boleh dapat bahaya kalau dimakan tiap-tiap hari atau seminggu dua tiga kali kalau seorang pesakit makan itupun boleh dapat bahaya sebab boleh memberi kesan kepada hati. So, saya fikir pandangan saya apa-apa ubat memang ada preskripsi dari doktor dan sebelum makan mesti bincang dengan doktor.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Doktor memang suka macam itu supaya kalau semua orang dapatkan *prescription* dia dapat duit kan. Nasib baik makan nasi pun dia tidak masuk *prescription*. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya fasal bangkit kisah panadol ini. Adakah kementerian sedar bahawa panadol ini bila kita makan durian lepas itu kita makan panadol boleh mati. Semua orang kampung tahu. Tetapi adakah kementerian tahu bahawa kalau lepas makan durian banyak-banyak makan panadol mati. Yang ini Yang Berhormat Dato' dari Alor Setar pun tahu. Tapi orang yang suka makan durian ini dia orang tahu sebab amat merbahaya. Saya tidak tahu tentang ubat lain. Tapi panadol sahaja. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ini adakah kementerian tahu dan kementerian kena beritahu kalau benda ini dikaji dan didapati bahawa selepas makan durian tidak boleh makan panadol. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Lepas makan durian makan panadol mati ya. [Ketawa]. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian belum buat kajian lagi tetapi kalau Yang Berhormat hendak jadi sample okay juga. [Ketawa]. We can try. Secara seriusnya memang ada disebut tetapi kita tidak pernah buat kajian. Saya pun dulu masa kecil orang ada sebut juga kalau makan buah manggis lepas itu makan gula boleh mati. Tetapi ada juga seorang dua di kampung dia cuba hendak makan hendak bunuh diri tetapi tidak mati pula. [Ketawa].

Dato' S. Subramaniam: Orang cagak minum brandi dan durian pun boleh mati juga.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ada orang kata minum brandi dengan durian pun...

Dato' S. Subramaniam: ...mati juga.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Minum brandi dengan durian pun mati juga. Tetapi setakat ini belum ada bukti saintifiklah yang telah dilakukan berkaitan dengan perkara begini...

[Dua orang ahli bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ada dua orang peminat di sini. Lubuk Antu dan Lumut. Hendak bagi siapa ini. Lubuk Antu dulu.

Dr. Yap Yit Thong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan ubat seperti panadol dan lain-lain. Yang saya minat ialah ubat OTC tadi bukan otak tidak center yang dijual di luar bandar seperti ubat cap kaki tiga yang penjualannya berleluasa di luar bandar dan ubat kaki tiga ini mengakibatkan banyak penyakit di luar bandar. Banyak orang gian makan ubat tersebut di kawasan sayalah. Jadi apakah tindakan kerajaan sama ada dari segi pengawalan ataupun mesti dihadkan ubat kaki tiga cukup merosakkan kesihatan penduduk-penduduk di luar bandar. Kita bercakap berkenaan dengan ubat ini saya amat hendak tahulah apakah langkah kerajaan kalau boleh mengurangkan penggunaan ubat cap kaki tiga dan juga panadol. Banyak orang gian di luar bandar. Dia tidak tahu. Cuma sakit sikit makan ubat. Tetapi dia tidak tahu seperti *health food* seperti pemakanan vitamin. Sakit sikit kurang zat, sakit kepala makan panadol. Inilah salah anggapan penduduk-penduduk kita di luar bandar dan apakah langkah kerajaan supaya orang ini dapat tahu vitamin ataupun *health food* yang dapat mengurangkan sakit kepala dan lain-lain.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lubok Antu, ya?

Tuan Jawah anak Gerang: Ya, Lubok Antu.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Makan ubat ini ia boleh memberi kesan juga, menjadi lali, ya. Jadi, kalau tidak dapat ia tidak boleh jadi baik kerana itulah mengambil ubat-ubat sama ada '*over the counter*' dan sebagainya hendaklah mengikut bila perlu sahaja. Kalau kita boleh tahan tidak usah diambil menjadi selalu kerana jika menjadi selalu maka akhirnya akan menjadi kebiasaan. Tanpanya kita tidak boleh segar. Inilah yang dikatakan penyalahgunaan dadah, ya. Misalnya kita selalu kena sakit tekak, ya. Kita ambil antibiotik. Ini saya kira pada diri saya jugalah. Bila saya kena sore throat, dulu saya makan gula-gula hacks baik dan sekali lagi tidak baik. Jadi, saya makan antibiotik dan bila kena sekali lagi saya makan antibiotik baik. Jadi, bila kena 5-6 kali katakan setahun kena 2-3 kali akhirnya saya terpaksa bergantung kepada antibiotik, baru tekak saya boleh baik. Tetapi bila saya tanya doktor katanya jangan terlalu ambil antibiotik ini lama-lama nanti daya tahan dalam badan kita kurang. Jadi terpaksa bergantung kepada antibiotik ini. Ada kawan saya nasihatkan saya kalau kena sakit tekak supaya ambil sahaja listerine tetapi bukan saya hendak kempen listerine....

Dato' S. Subramaniam: *Gargle.*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *Gargle.* Jadi, kita kumur sahaja, amalkan 2-3 kali jadi, kita boleh baik, tekak kita tidak terus jadi sakit sampai tidak boleh keluar suara. Bila saya cuba tukar pula nampaknya jadi, ya. Jadi, sekarang ini kalau saya kena sakit tekak mungkin kerana balik lewat, terlupa gosok gigi 2-3 kali jadi, saya tidak payah lagi ambil antibiotik kerana lagi selalu kita amalkan lama-lama jadi immune. Begitu jugalah panadol ya, kalau kita selalu ambil panadol ataupun *cap kaki tiga* ini memang orang akan jadi ketagih sebab itu mereka yang kena ini perlu mengurangkan kebiasaan bergantung kepada satu-satu ubat apabila kena sakit kepala dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Kapar bangun Yang Berhormat.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Petua, saya ingin tanya, kalau ramai orang jadi doktor sendiri, apa tugas doktor? [*Ketawa*]

Dr. G. Leelavathi: Macam mana doktor boleh hidup, cari makan?.

Seorang Ahli: Tutup kedai.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kapar, yang nasihatkan saya pun doktor juga. Jadi, saya cerita ini apa yang doktor beritahu saya, ya. Sebelah saya pun doktor juga tetapi hadapan pun ramai doktor juga

tetapi ramai doktor 'kuek'lah. [Ketawa] Pasal itu seorang pun tidak bercakap, senyap sahaja.

Saya hendak masuk balik

[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, tiga orang. Lumut, ya.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Petua, sedikit penjelasan. Kita belum selesai isu durian dengan panadol. Ianya kali pertama saya dengar selepas makan durian, tidak boleh makan panadol. Itu kali yang pertama. Walau bagaimanapun, berkenaan kaum Cina ada ramai orang takut minum arak selepas makan durian. Ada beberapa kes orang sudah mati selepas makan durian dengan brandi. Saya hendak tanya kepada kementerian, adakah kajian dibuat berkenaan durian dengan alkohol. Bila kedua-duanya dicampur, adakah kesan negatif? Memang apabila kita campur durian dengan alkohol memang ada fermentation, banyak gas sudah keluar. Ini memang betul, adakah kajian dibuat oleh pihak kementerian berkenaan isu durian dengan alkohol?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Seingatan saya Yang Berhormat, belum ada kajian yang kita dibuat antara durian dengan brandi sama ada boleh meningkatkan tekanan darah yang lebih tinggi dan akhirnya mati. Bagaimanapun, jika ada kes Yang Berhormat ketahui orang mati setelah makan durian dan brandi, kalau kes ini telah di *post-mortem*, ada tarikh, saya boleh semak balik kes yang berkenaan, adakah benar ia mati kerana minum brandi setelah makan durian. Jika ada kes yang telah berlaku saya boleh semak balik rekod *post-mortem* dahulu untuk hendak membuktikan bahawa telah ada satu kes seperti Yang Berhormat dakwa.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Dr. Yap Yit Thong: Belum selesai, belum selesai.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Belum selesai.

Dr. Yap Yit Thong: Dipercayai oleh kaum Cina kalau kita makan durian campur alkohol ia ada 'umph', lebih kuat berbanding dengan Viagra. Namun begitu, ramai orang Cina makan durian selepas minum brandi. Mereka cuba dapat lebih 'umph'. Lebih kuat berbanding dengan Viagra. Saya ingin

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, perkataan 'umph' itu bahasa apa? [Ketawa]

Dr. Yap Yit Thong:.....tambahan potensi. Saya ingin memberitahu pihak kementerian, boleh dikatakan secara tradisional di negara kita. Tidak payahlah kita selalu bergantung kepada ubat seperti Viagra untuk mendapat 'umph' atau bertambah potensi. Ada banyak ubat lain seperti dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kapar seperti makan cili padidangan bawang boleh dapat lebih 'umph'. Saya rasa memang berkenaan ubat tradisi seperti durian, Tongkat Ali, durian dengan alkohol, kita hendak buat satu kajian. Kita belum tahu. Saya rasa di negara kita sudah ada banyak penyelidikan dan pembangunan dibuat R&D termasuk bidang perubatan. Saya rasa kalau kita hendak menjadi satu negara maju memang kita hendak buat lebih R&D dalam ubat tradisi juga.

Saya rasa berkenaan dengan isu OTC -ubat *over the counter* atau otak tidak center, saya hendak tanya juga berkenaan dengan kawalan harga (*price control*). Memang banyak ubat dijual secara OTC, memang tidak ada harga kawalan contohnya seperti panadol. Ada tempat sebiji panadol di Hotel Legend atau di Mandarin Oriental, RM1.00

sebiji. Walaupun kosnya tidak sampai 5 sen dan kalau di kedai runcit 10 sen sahaja sebiji. Saya hendak tanya ada kawalan berkenaan harganya?

Saya rasa oleh sebab kita ada banyak ubat dijual secara OTC memang pihak kementerian tidak mencukupi kakitangan untuk penguatkuasaan. Ada banyak ubat di bawah Akta DDA (Dangerous Drug Act) ada dijual juga secara OTC. Macam mana pihak kementerian tahu ubat dijual secara OTC, ubat ini ada didaftar di bawah kementerian atau tidak didaftar. Adakah ubat yang dijual ini di bawah Akta DDA atau bukan.

Saya rasa pihak kementerian memang ada Unit Enforcement (Penguatkuasaan). Mungkin boleh check tempat-tempat jual ubat OTC. Sekarang ubat OTC bukan melalui farmasi tetapi kedai-kedai runcit, kedai kopi, pun ada jual. Saya hendak tahu dari segi penguatkuasaan, memang kita hendak tambah lagi kakitangan pihak kementerian, check tempat-tempat yang jual ubat OTC. Saya takut selain daripada ubat yang dibenarkan ada lain ubat yang tidak dibenarkan dijual secara OTC, itu masalah kita. Ada juga banyak ubat diimport dari negara jiran seperti Thailand, kandungan ubat yang sangat bahaya. Memang ubat ini tidak boleh dijual secara OTC tetapi kita boleh dapat ubat ini secara OTC. Ya, saya hendak dapat pandangan daripada pihak kementerian.

Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ubat kita tidak dikawal harganya. Sebab itu jika panadol dijual 20 sen di luar dan di hotel RM1.00, kita tidak kawal sebab hotel charge lebih kerana dia kena hantar orang pergi beli. Jadi, yang 80 sen itu adalah duit *service charge* kerana hotel memang tidak ditugaskan untuk menjual ubat. Tetapi kerana kita demam, sepatutnya hotel berilah perkhidmatan tambahan kepada pelanggan-pelanggan. Sehingga sekarang ubat kita memang tidak dikawal, ia mengikut harga pasaran, mengikut tindakan pasaran (*market forces*).

Berkaitan dengan brandi campur durian ya, saya fikir Yang Berhormat bagi Lumut, doktor juga, semalam pun pakar '*viagrip*', jadi saya cadangkan eloklah Yang Berhormat boleh buat satu industri, namakan industri *viagrip*, campuran brandi dengan durian lepas itu kementerian boleh tolong uji, re-uji, uji semula sama ada pada apa Yang Berhormat rumuskan itu bagus dan jika benar kita boleh sahkan dan kita boleh jual pula satu ubat merangsang orang lelaki yang mati pucuk ya, yang boleh memberi kebaikan kepada keluarga mereka dengan panggilan baru, boleh lawan pula dengan Viagra. Kementerian bersedia membantu Yang Berhormat untuk buat ujian.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Batang Lupar bangun, ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Minta maaf, sekejap ya. Saya habiskan. Kita sudah buat satu ujian kepada Tongkat Ali dan nampaknya berkesan. Kementerian telah menjalankan satu ujian kepada binatang, tikus, dan nampaknya tahan lamalah. [*Ketawa*] Jadi, dengan khabar Yang Berhormat, yang betina itu, tidak tahulah macam mana doktor, saya tengok, dia tahu pula yang betina kata okay, jadi ada ujian. Oleh kerana itu, kita menyatakan Tongkat Ali ini boleh memberi kebaikan kepada lelaki dan juga wanita.

Dato' S. Subramaniam: Belum test.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ya?

Dato' S. Subramaniam: Test dengan lelaki, manusia.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Manusia kita belum test. Tetapi kepada haiwan kita sudah test sebab kita benarkan Tongkat Ali ini dijual kerana ia tidak memudaratkan kesihatan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Datuk. Tadi, tentang ujian yang dibuat. Ada dua perkara yang saya minta penjelasan, ujian yang dibuat.

Jadi, dibuat kepada tikus. Selalunya kalau sebelum kita membuat satu rumusan sama ada satu perkara itu baik, boleh terima ubatkah, ia mesti ada ujian kepada orang ramai. Bila jangkanya tentang Tongkat Ali hendak dibuat ujian kepada orang ramai? Saya rasa Ahli Pembangkang semua mereka, Kepong, Jelutong pun sanggup hendak volunteer diri mereka untuk uji Tongkat Ali ini terutama sekali Jelutong, saya rasa. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Satu perkara tadi, banyak kita bercakap tentang Viagra, Tongkat Ali, durian dan alkohol, brandi, ini untuk sebahagian kepada masyarakat sahaja. Separuh daripada masyarakat kita tidak langsung ditimbang oleh kementerian, bagaimana dengan ubat-ubat seperti kacip fatimah dan lain-lain, minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri.

Dato' S. Subramaniam: Kajian sahaja.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kajian Tongkat Ali kepada manusia, kita belum tiba peringkatnya lagi, kita masih kena banyak buat ujian kerana hendak hendak uji kepada manusia ini, dia ada masalah. Kita tertakluk kepada Akta Poison dan sebagainya kerana kalau tersilap besok yang susah pula yang diuji, kerana itu kementerian berhati-hati dan terpaksa membuat ujian berterusan sehingga sesuai barulah kita boleh katakan ujian manusia ini boleh dilakukan. Setakat ini kita hanya uji kepada animal sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan sedikit, saya hendak mendapat maklumat Datuk Timbalan Menteri, yang sebenarnya ujian kepada manusia sudah berlaku, sekarang ini di Kuala Lumpur ada teh tarik Tongkat Ali. Di Pulau Tioman kalau Yang Berhormat pergi, kita ada satu, dua, tiga gerai membuat teh tarik Tongkat Ali, '3T' – Teh Tarik Tongkat Ali Tioman. Yang sebenarnya rakyat Malaysia sudah mengetahui mujarabnya Tongkat Ali ini, yang sebenarnya di Malaysia tidak perlu lagi Viagra tetapi kepercayaan orang ramai, ini hendak pengesahan daripada kementerian, yang sebenar dari segi ujian daripada orang ramai hari-hari telah dibuat, Datuk Timbalan Menteri Perusahaan Utama pertanian dia tahu, di Terengganu ada, Datuk sendiri sudah cuba teh tarik Tongkat Ali – kata begitu. Orang Terengganu pun semua sudah uji, bukan orang Pahang sahaja yang tahu tentang mujarab kecemerlangan Tongkat Ali ini. Kalau macam itu hanya kementerian hendak mentauliahkan sahaja mulai hari ini, kita orang Malaysia boleh tidak payah bergantung pada Barat lagi, kita bergantung pada cara kita, cara Tongkat Ali, tidak payah lagi Viagra. Bolehkah Datuk beri pengesahan tentang perkara ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingat boleh jadi pakar Tongkat Ali. Kita telahpun membenarkan Tongkat Ali dijual di bawah ubat tradisional, ubat itu boleh membantu menyihatkan badan tetapi kita tidak dapat buktikan secara mutlak bahawa ia boleh berlawanan dengan Viagra. Bagimanapun ramai yang makan Tongkat Ali menyatakan memberi khasiat yang lebih kepada hidup berkelamin mereka dan boleh tahan lebih lama tetapi ini belum lagi boleh setanding dengan Viagra sebab itu kita belum lagi beri pengiktirafan, ujian-ujian berterusan sedang dilakukan. Untuk ketika ini hanya boleh didapati menyegarkan badan dan ramai yang sudah cuba dan saya pun sudah cuba juga tetapi nampaknya tidak ada apa-apa, biasa sahaja tetapi Setiausaha Parlimen saya cuba, dia kata ada 'umph', jadi dia tengok oranglah. Jadi, tengok keadaan, mungkin Yang Berhormat Rompin ada 'umph'.

Jadi, saya cadangkan semua Ahli Parlimen bolehlah membuat ujian Tongkat Ali ini, selepas itu beri laporan kepada saya, saya akan bawa kepada Yang Berhormat Menteri,

bahawa *Members of Parliament* sudah cuba, semuanya menyatakan lebih baik daripada Viagra. Saya pun tidak cuba lagi Viagra ini kerana tidak berani, belum perlu lagi, tidak taulah masa depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, secara seriusnya saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri mengenai perubatan tradisional dan juga perubatan homeopati dan herbal oleh kerana alam flora dan fauna kita mempunyai pelbagai jenis herbs, ramuan-ramuan tradisional yang boleh dikomersialkan.

Kita melihat bagaimana Australia hari ini, dia commercialize dia punya kelebihan daripada segi *research for herbal medicine* untuk dijadikan satu industri yang menarik dan industri yang lumayan. Adakah kerajaan kita dengan wujudnya inisiatif tradisional oleh pakar-pakar perubatan tradisional maka kerajaan cuba membuat *research* yang lebih mendalam supaya bagaimana *findings* atau perolehan mereka ini boleh diperbaiki supaya menembusi pasaran antarabangsa dan pada waktu yang sama kita boleh memajukan perubatan-perubatan herbal dan juga perubatan-perubatan tradisional dalam negara kita. Itu soalan saya yang pertama.

Yang keduanya adalah mengenai kenyataan Yang Berhormat Datuk mengenai *supplemental food, supplement vitamin* dan ubatan-ubatan lain. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Datuk mengenai satu penemuan baru iaitu mengenai buah mengkudu ataupun yang *commercially known as 'Noni'*. Buah mengkudu ini sekarang telahpun dikomersialkan di Hawaii saya dengar dan juga telahpun merebak ke negara kita, sedangkan kita punya *natural climate* kita ataupun cuaca di dalam negara kita ini amat serasi sekali dengan pokok mengkudu sehinggakan sekarang ini pokok mengkudu orang sudah mula tut. Dia jual satu pokok yang kecil itu RM6.00 di pasar. Jadi, sama dengan pokok-pokok yang lain. Ini merupakan satu penemuan walaupun oleh orang asing tetapi kita boleh menyambar peluang ini untuk dikomersialkan di negara ini. Jadi, adakah pihak kerajaan mahu mengambil peluang-peluang penemuan yang baru ini *to commercialize findings* ini dan pada waktu yang sama supaya membantu rakyat ini mempelbagaikan corak kegiatan hidup masing-masing.

Yang ketiga iaitu berkaitan dengan '*Noni*' juga. Sekarang ini terdapat beberapa entrepreneur tempatan, dia membangunkan jenis perubatan '*Noni*' ini. Jadi, mereka ada yang menjual *imported material, 'Noni'* yang diimport dan ada juga jus mengkudu yang diproses secara local dan orang ini membuat atas, *only market driven*. Dia hanya didorong oleh pasaran sahaja membuat ini, tetapi saya belum mendengar sama ada inisiatif-inisiatif dari kerajaan untuk membantu supaya industri seperti ini diperluaskan lagi dan membuka peluang yang lebih banyak kepada *practitioner herbal medicine* dan juga *homeopathy medicine* ini. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Yang Berhormat, ujian kepada *herbal products* memang telah dibuat oleh kementerian dan juga dengan FRIM. Begitu juga dengan mengkudu, ujian telah dan sedang dilakukan dengan kerjasama MARDI ataupun Kementerian Pertanian dengan Kementerian Kesihatan. Memang ada usaha Kementerian Pertanian untuk menjadikan produk mengkudu ini sebagai satu produk *herbal medicine* dan kajian ini sedang dilakukan.

Saya percaya dalam tempoh yang terdekat ini, apabila kajian ini selesai maka ia akan menjadi satu lagi produk herbal yang bermutu tinggi ataupun boleh membantu satu lagi kemudahan perubatan bagi negara kita. Jadi, sementara itu kita kena menunggu penyelidikan dan kajian yang sedang dibuat oleh MARDI dan Kementerian Kesihatan. Sementara ini orang-orang yang biasa memakan buah mengkudu ini dia akan makan

jugalah kerana didapati tidak membahayakan manusia. Jadi, kita tidak melarang orang ramai untuk mengambil air mengkudu ini untuk dijadikan ubatan. Bagaimanapun 'Noni Juice' ini kita telahpun daftarkan di kementerian.

Saya suka hendak beritahu juga bahawa *herbal medicine* memang sedang berkembang hebat di negara kita. Hingga kini kita sudah dapat permohonan daripada 1985 hingga 1998, permohonan untuk tradisional yang telah kita terima adalah 17,421 dan kita telah daftarkan sebanyak 7,819 ubat tradisional di dalam negara kita, iaitu merupakan 35.4% berbanding keseluruhan iaitu ubat preskripsi 37.1%, OTC 24.5% dan kosmetik 3%.

Ini bermakna di bawah preskripsi adalah ubat tradisional yang nampaknya bilangannya tinggi. Secara bilangan saya suka beritahu ubat preskripsi yang kita telah terima permohonannya adalah 12,749; yang kita sudah daftar 8,187; ubat OTC permohonan yang kita terima 8,730; yang kita daftarkan 5,415 manakala yang berbentuk kosmetiknya, permohonan yang diterima ialah 857; yang kita daftarkan 664.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bagaimanakah Lembaga Pendaftaran Ubat di peringkat Kementerian Kesihatan menolong ataupun menghalang pembuatan ataupun *manufacturing of herbal medicine* di Malaysia kerana baru-baru ini kita dapati banyak kilang ataupun kedai-kedai yang mengeluarkan *manufacturing of herbal medicine* ada buat aduan bahawa macam-macam peraturan di letakkan di bawah Lembaga Pendaftaran Ubat ini, terutama sekali Good Manufacturing Practice (GMP) dan sebagainya sehinggakan SKI-SKI ubat herba tradisi, pengusaha-pengusahanya mendapati kesulitan dalam perniagaan ataupun perusahaannya sampai dia tidak boleh buka business dalam bidang ini kerana modal yang diperlukan untuk menjalankan satu kilang yang boleh mengakur Lembaga atau apa-apa cara yang ketat dikeluarkan oleh Lembaga ini untuk mengikut taraf GMP itu susah dipenuhi.

Ada juga modal-modal yang kecil itu khasnya untuk SKI sahaja tidak sampai tahap boleh jadi satu korporat yang besar untuk memasarkan ubat-ubat tradisi mengikut keperluan yang ditetapkan oleh Lembaga. Ada juga yang diminta gunakan kilang orang lain untuk membuat ubat-ubat tradisi tertentu yang diusahakan oleh SKI yang terlalu kecil.

Yang kedua, berkaitan dengan definisi "drug", saya rujuk kepada Akta Ibu iaitu Akta Penjualan Dadah 1952 Fasal 27 di mana dikatakan "*the provisions of this Act so far as they are applicable may be extended by regulations made under this Act to apply to tobacco, cigars, cigarettes, snuff, soap, cosmetics and toilet preparations in like manner as the said provisions apply to drugs*" dan bila kita lihat dalam Fasal 2(b) "*drug*" includes any substance, product or article intended to be used or capable, or purported or claimed to be capable, or being used on humans or any animal, whether internally or externally, for a medicinal purpose". Saya hendak minta Timbalan Menteri Kesihatan untuk menjelaskan apakah definisi bagi dadah yang terpakai dalam Akta Pindaan sekarang ini.

Jadi, di dalam klasifikasi dadah ini, adakah alkohol dimasukkan di dalam senarai dadah? Adakah rokok, tembakau dan sebagainya dimasukkan sebagai dadah, adakah *coffee, caffeine* dimasukkan sebagai dadah dan kalau semua ini masuk, apakah langkah-langkah kawalan untuk penjualan dadah seperti *coffee, nestcaffee* dan sebagainya. Adakah kawalan dikenakan kepada penjualan *coffee, nestcaffee* ataupun jenama-jenama yang lain, minta maaf, saya bukan jurujual untuk *nestcaffee* tetapi hanya catat sebagai satu contohlah, sebut kopi sahajalah.

Saya ingin tahu macam mana kita beza-bezakan bahan-bahan yang diperlukan untuk hidup seharian dan bahan-bahan khasnya digunakan sebagai dadah. Dadah mungkin

bukan untuk *medicinal purpose* tetapi ada juga dadah yang disalah gunakan sebagai *ecstasy pill* ataupun pil goyang ponggong dan sebagainya, tidak termasuk dalam sini lagi. Jadi mintalah penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan supaya Dewan yang mulia ini dimaklukkan apakah tindakan secara polisi daripada Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ubat tradisional memang dikawal dari segi pengilangannya demi kesihatan orang ramai. Kita tidak boleh biarkan siapa sahaja yang hendak buat kilang ubat tradisional, buat sahaja tanpa mengambil kira aspek kesihatan ataupun kebersihan sebab itu *manufacturing practice* ini menjadi syarat utama dan Kementerian Kesihatan akan pergi melawat kilang-kilang yang dibuka ataupun yang dicadang dibuka untuk ubat-ubat tradisional.

Sehingga kini kita telahpun memberi kebenaran kepada 88 pengilang ubat tradisional di seluruh negara kita, 17 adalah pengilang bumiputera, 71 bukan bumiputera dan 60 lagi sedang dibina yang telahpun kita luluskan dan sedang dibina. Daripada 60 yang sedang dibina ini, 32 adalah bumiputera. Kita berharap supaya mereka mengikuti amalan peraturan yang baik, Good Manufacturing Practice seperti Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi.

Kita juga telah melesenkan 102 pengimport ubat tradisional di seluruh negara iaitu angka ini sehingga tahun 1997 kerana itu kita percaya bahawa ubat tradisional akan bertambah maju lagi di negara kita pada masa hadapan. Ini dapat dilihat daripada jumlah permohonan yang telahpun didaftarkan yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu yang kedua terbesar. Berkaitan dengan jenis-jenis dadah yang termasuk dalam takrif ini, saya akan beri jawapan dalam proses ini, saya hendak minta maklumat berapa jenis dadah supaya dapat saya sebutkan kerana jawapan saya ini nampak panjang lagi, belum masuk lagi, baru Kepong punya kes sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Parit Sulong kerana beri peluang saya bercakap. Saya memang hendak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa soalan, persoalan saya ini jangan dicurigakan oleh kerana memang secara serius. Tadi berpanjangan daripada apa yang Yang Berhormat bagi Parit Sulong cakap persoalan research & development berhubung dan herba.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya di Semenanjung kita ada mempunyai Tongkat Ali dan Tongkat Ali ini telah dijadikan teh, kopi dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat pernah melihat di kedai-kedai kopi yang menjual Tongkat Ali itu terutama sekali kedai kopi yang menunjukkan iklan Tongkat Ali itu lebih canggih daripada Viagra. Dibuat katil itu 'collape' yang menunjukkan begitu kuat sekali Tongkat Ali kalau dipakai.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya, di Sarawak kita ada kayu juga. Kayu ini dikenali sebagai 'kayu hujan panas'. Mengikut tradisinya 'kayu hujan panas' ini kalau kita dapat kayu ini, kalau kita hendak ambil mesti ikut cara orang Sarawak, secara orang tradisi yang dicabut kebelakang. Jadi kalau kayu ini diambil secara mengikut syarat tradisinya, kalau kita berjumpa dengan ular umpamanya, kita tunjuk kepada ular itu, ular itu menjadi lemah tetapi malangnya apabila orang dari Semenanjung dengar 'kayu hujan panas' ini yang datang daripada Sarawak, dia ingat sama dengan Tongkat Ali. Jadi dia gunakan 'kayu hujan panas' ini apply sebagaimana dia apply Tongkat Ali. Instead of jadi kuat, dia menjadi lemah, sebab 'kayu hujan panas' ini digunakan untuk melemahkan ular. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Sibu bangun. Yang Berhormat Sibu hanya boleh tanya penjelasan daripada Timbalan Menteri, tidak boleh tanya dengan Yang Berhormat Batang Lupar.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta point of order, Yang Berhormat hanya boleh minta penjelasan dari Timbalan Menteri bukan dari Yang Berhormat Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sekejap lagi beri peluang kepada Yang Berhormat Sibu. Jadi kalau kita lihat cerita saya ini nampak seperti jenaka, sedikit seperti perbuatan A.R Badul, tetapi sebenarnya ini memang penting, kita kena buat. Itulah sebabnya di mana research & development kita kena kuat. Di Semenanjung kita ada Tongkat Ali untuk menguatkan ular, dari Sarawak kita ada 'kayu hujan panas' untuk melemahkan ular.

Jadi Viagra yang kita import dari Amerika ataupun yang satu lagi dari India yang murah itu, Penigra. Penigra itu sama dengan Viagra, semua benda ini menguatkan tetapi ada berlaku seluruh dunia di Amerika dan bahkan di negara kita, kita dengar di Singapura, di Thailand yang mana mereka menggunakan Viagra ini kalau prescriptionnya atau penggunaannya berlebihan, orang ini terus tidak boleh jatuh, masalah.

Jadi mengapa pula kita tidak buat research antidote ini menerusi 'kayu hujan panas' di Sarawak ini. Ini penting, memang serius benda ini. Jadi kalau ada industri-industri yang betul buat research 'kayu hujan panas' ini, kerana 'kayu hujan panas' ini kita boleh lihat sendiri. Kalau kita berjumpa dengan ular, ular itu akan turun jadi macam ini. Jadi ini menjadi satu pengetahuan terutama sekali bagi orang-orang kampung dari luar bandar ini. Seperti Yang Berhormat bagi Betong, memang kenal betul 'kayu hujan panas'. Sebab di kawasan Betong, Kelekak banyak ular, jadi kalau ular ini terjumpa 'kayu hujan panas' yang dicabut daripada belakang dan kita buang uratnya dan kita gunakan kepada ular, memang orang Sarawak kata macam kunyit dengan kapur, terus merah, berhenti diam, lemah 'gilat'. Ini kata orang Sarawak. [Ketawa]

Jadi itu penekanan yang saya sebutkan adalah penekanan kepada research & development. Di sini kita ada satu ubat dan di sini kita ada 'antidote'nya, kita kena buat. Jadi permohonan saya untuk penjelasan ini, di Malaysia ini industri drug ini memang belum lagi begitu maju dan kita pandang perubatan ini adalah satu kebijaksanaan dan kecerdikan orang dari luar negara kita dan bahan-bahan yang banyak didapati di hutan tropika ini yang boleh digunakan sebagai ubat sebagaimana Yang Berhormat bagi Parit Sulong sebutkan tadi, memang banyak boleh dibuat penyelidikan. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan MARDI ada membuat penyelidikan tetapi MARDI ini ia hanya boleh tanam sahaja dan kalau benda itu sesuai untuk ditanam dan boleh memberi support kepada industri MARDI boleh tanam. Tetapi apa yang saya sebut satu pusat penyelidikan oleh pihak kerajaan, apabila satu penemuan telah dijumpai, sama ada dijumpai secara accident oleh pihak MARDI ataupun dijumpai oleh pihak dukun-dukun dan tok pawang ataupun dijumpai oleh pihak-pihak penjual ubat, mereka ini sepatutnya diambil inisiatif oleh pihak kerajaan, dibuat penyelidikan di pusat ini untuk mengesahkan benda-benda ini betul-betul ada potensi perubatan, potensi tidak mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat dan potensi untuk mendapatkan pulangan yang baik untuk semua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong bangun. Ada point of order. Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order yang pertama mengenai 36(1) Relevancy dan kedua nampaknya dalam Committee Stage kita ada lagi proses kedua perbahasan, sesiapa

boleh berdiri berbahas. Ini bukan perbahasan, ini winding up dan nampaknya kita semua tumpu mengenai Tongkat Ali, mengenai Viagra, 'kayu hujan panas'. Di Sarawak kita ada dengar satu cerita 'sen shien lau fu koh'. Nampaknya Parlimen membincangkan 'sen shien lau fu koh' mengenai semua eksplot seks sini sana dan ini memalukan Parlimen ini.

Apa yang mustahak dalam Dewan ini, isu-isu yang mustahak 'right repeal' or 'right Control Act', mengenai hak asasi, kita perlu bincang, kita tahu ada satu komplot yang mahu tarik masa supaya isu-isu tidak boleh timbul, 'Private Member's Bill' tidak boleh timbul. Inilah tidak patut berlaku. Viagra mungkin mustahak kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tetapi yang lebih mustahak kepada rakyat ialah isu-isu yang ada dikemukakan sama ada mengenai pemansuhan Akta Kawalan Sewa atau mengenai penembakan 'trigger' pihak polis, orang tidak berdosa menjadi mangsa, patutlah kita berdisiplin dalam Dewan ini supaya perkara ini boleh ditimbulkan dan dibahas, jangan buang masa Dewan yang mulia ini. Apa Viagra, Tongkat Ali, untuk satu hari, malu Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap ya. Yang Berhormat Tanjong bangkitkan untuk minta ruling atau hanya pandangan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya semua dalam Dewan ini berucap bukan minta penjelasan, semua berucap untuk drag out masa supaya bunuh ...[Disampuk] inilah semua pembunuh-pembunuh hak asasi rakyat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Semua minta duduk. Saya akan buat keputusan. Yang Berhormat minta duduk sekejap....Batang Lupa! Saya akan buat keputusan, Yang Berhormat minta duduk. Saya nampak perbahasan ini berjalan seperti biasa, Timbalan Menteri menjawab dan ada orang minta penjelasan, itu dia punya floor, saya tidak dapat hentikan orang minta penjelasan. Sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apa yang saya tidak faham kalau dia bercakap sampai dua jam boleh, kalau kita bercakap sekejap dikatakan salah. Ini tidak boleh macam ini.

Seorang Ahli: Pergi tengok anak lagi senang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat tahu tidak ini penjelasan atau ucapan?

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh buat ucapan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat minta duduk. Di dalam Dewan ini kadang-kadang ada penjelasan pendek dan ada yang panjang juga.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat minta pendekkan sedikit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya akan pendekkan, kalau Tuan Yang di-Pertua minta saya akan pendekkan. Persoalan saya tadi ialah saya buat penjelasan menunjukkan latar belakang, misalan-misalan yang saya sebut bukan benda-benda yang tidak betul. Saya kata research & development berhubung dengan drug dan menggunakan herba dan sumber-sumber alam kita dibuat penyelidikan.

Jadi apa salahnya benda ini. Kalau dia berhubung dengan perkara lain, dia bawa seluruh dunia pun bercakap boleh, saya tidak pernah berdiri mengganggu. Ini simbol demokrasi kita tidak boleh bercakap, dia boleh bercakap. Saya bukan cari pasal dengan sesiapa walaupun dengan Ketua Pembangkang yang dah tua, frustrated dan sebagainya, saya tidak bimbang. Saya tidak pernah ganggu pun, saya orang baik. Tetapi apa yang saya kurang faham bila kita bercakap benda yang betul tidak maki hamun orang lain, dia sibuk pula. Kalau kita maki hamun orang lain itu baru betul, ini jawapan yang betul, ini perbincangan yang betul.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduklah, boss sudah cakap seorang sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Hari ini tidak ada perbahasan, buang masa sahaja. Langgar Peraturan Mesyuarat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta duduk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya sama ada kerajaan hendak menubuhkan iaitu badan seperti accreditation kepada semua drug ini, untuk memeriksa drug. Oleh kerana kalau kita lihat ini benda yang controversial, banyak dipertanyakan, banyak diperbincangan di mana-mana, persoalan Viagra. Kita tidak boleh menafikan, benda ini memang berlaku. Janganlah Ketua Pembangkang cakap saya tidak boleh bercakap dan berhenti bercakap soal Viagra ini.

Kalau saya bercakap berhubung dengan Rent Control Act, berhubung dengan Menteri Kesihatan apa pula yang saya cakap ini relevan atau tidak. Itulah sebab saya cakap berhubung dengan kementerian yang relevan soalnya. Jadi persoalan saya sama ada kita hendak buat, oleh kerana kalau kita lihat bila Viagra keluar di seluruh dunia, kita dengar keluar benda di India, *Penigra* dan sebagainya.....

Tuan Tan Kok Wai: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada *point of order* lagi ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:....dan sebagainya. Penjelasan saya tidak bagi kerana saya bukan

Tuan Tan Kok Wai: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. Duduk dulu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:kena belajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Batang Lupa, *point of order.* Minta duduk sekejap. Nanti sekejap Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Duduk, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, biasanya kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan *point of order*, minta Yang Berhormat duduk sekejap.

Tuan Tan Kok Wai: Datuk Speaker, nampaknya keadaan.....[Disampuk]

Tuan Haji Noh bin Omar: Hei...nombor berapa, nombor berapa?

Tuan Tan Kok Wai: Bentuk cara, penjelasan ini ditimbulkan.....

Tuan Haji Noh bin Omar: Nombor berapa. Apa nombornya?

Tuan Tan Kok Wai: *Point of order*, 36(1). Keadaan sudah sampai ke satu tahap yang terlampau *out of control*, tidak dikawal langsung oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa benda lu cakap?

Tuan Tan Kok Wai: Adakah ini menjadikan satu ketetapan bagi masa akan datang juga bahawa penjelasan ini boleh ditimbulkan sebegitu cara? Ini ucapan, ini bukan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah, Yang Berhormat dari Cheras.

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa *point of order* 36(1) ni?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kemungkinan Yang Berhormat punya pandangan, apa yang dia tanya itu tidak relevan tetapi dia pandang itu perkara relevan. Ini terpulang kepada Timbalan Menteri yang menjawab.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha....saya, saya hendak dengar Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya sebagai Pengerusi...

Tuan Tan Kok Wai: Saya bukan merujuk kepada jawapan oleh Timbalan Menteri tetapi cara penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Tan Kok Wai: Sudah berapa kali..... [Disampuk] diingatkan bahawa penjelasan haruslah ditimbulkan secara ringkas dan tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Tan Kok Wai: Ini double standard. Satu set untuk ke sini dan satu set untuk ke sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa ni..... *point of order* mana ni? Apa 36(1)? Tidak relevan dia cakap ni, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya hendak tanya Ahli-ahli Yang Berhormat mahu bercakap sesama sendiri atau hendak saya buat ruling. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak bercakap sendiri, saya minta duduk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okay, okay.

Beberapa Ahli: Duduklah.

Tuan Tan Kok Wai: Bukan satu ruling dibuat oleh Pengerusi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila duduk. Saya telah katakan tadi, saya sudah 9 tahun pengalaman di sini. Kadang-kadang daripada pihak pembangkang pun minta penjelasan panjang juga. Kita tak stop, ya. Jadi, saya nampak kalau perkara itu relevan, kementerian ada di sini, dia boleh beritahu mana yang tidak relevan atau relevan. Kemungkinan daripada pihak Yang Berhormat pandang tidak relevan tetapi kemungkinan daripada pihak kementerian ada relevannya. Dia membangkitkan berkaitan bil yang ada sekarang. Jadi, saya tidak nampak apa yang saya dapat kuasa di atas saya untuk menghentikan Yang Berhormat dari Batang Lupar kecuali dia terkeluar daripada tajuk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Minta satu ruling lagi. Adakah Yang Berhormat akan membenarkan semua rang undang-undang dibahas sepanjang dua hari? Berikutan rang undang-undang yang berikutan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:...khususnya budget yang akan datang. Adakah Ahli Parlimen di benarkan untuk berbahas sesuka hatinya [Disampuk] dan bukan seperti yang selalu dihadkan hanya 10 minit untuk seorang ahli sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, kita akan..... Yang Berhormat, kita akan timbang mengikut keadaan. Macam semalam Yang Berhormat dari Kepong berucap lebih sejam, kita bagi dia. [Sorak] Tiada masalah. [Tepuk] Tiada masalah, saya tidak nampak kenapa kita kena gaduh. [Disampuk] Kita ada masa lebih, kita bagi – kita tidak ada masa, kita beritahu tidak ada masa.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pembangkang bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan tidak boleh menjadi ucapan yang bersimpang ini.....Yang Berhormat Bukit Mertajam, semua berucap. Kita tahu ada komplot. Komplot membunuh usul-usul yang ada dalam peraturan [Disampuk] *Standing Order* ...

Seorang Ahli: You sendiri mentalitilah...siapa komplot?

Tuan Lim Kit Siang: Komplot! Pembunuh demokarasi!

Tuan Haji Noh bin Omar: You komplotlah! Bukan kita.

Seorang Ahli: 'KLKS' – Komplot Lim Kit Siang.

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Sorak]

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak boleh terima.....

Tuan Haji Noh bin Omar: Ini bangun pasal apa ni? Apa ni?

Tuan Lim Kit Siang:dan kita tidak benar.

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa? DAP punya komplotkah?

Seorang Ahli: Lim Kit Siang.... lu punya kuasakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Hei! Duduk dalam Dewan tetapi tidak tahu peraturan. Bangun atas apa ni?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong Karang, minta duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Balik tengok anak lagi senang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang, Tanjong Karang, cukuplah. Ya. Batang Lumar, minta pendekkan ya.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Pergilah lu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang.....

Tuan Haji Noh bin Omar: Diamlah! Kita apa peduli, you terima atau tidak terima.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, terima kasih Datuk Speaker.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya...saya terima kasihlah. Ruling ini memang patut. Jadi, persoalan saya tadi kerana kita nak *verification* semua pengubatan yang dijual di luar bandar. Apabila *Viagra* di jual, kita jumpa 'Gemat' ...apa 'Gemat'....

Beberapa Ahli: Gamat!

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Gamat. Gamat pun dijual. Saya pergi ke Melaka, saya pergi ke Perlis, Kedah, jumpa benda ini dijual di mana-mana. Saya tertanya sendiri sama ada benda ini betul-betul boleh dipakai, boleh dijual dan sebagainya. Jadi, sepatutnya pihak kerajaan patut mengadakan satu pusat untuk menyelidik perkara ini dan memberi kepastian bahawa benda ini boleh dijual kepada masyarakat ramai. Tetapi yang saya sedih, pihak DAP – kita hendak membincangkan persoalan untuk masyarakat ramai, persoalan kesihatan dan sebagainya, *[Disampuk]* dilarang pula...

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. Sila minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Okaylah, bagi, bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya tidak bagi masa yang lama, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu persoalan yang pertama. Persoalan yang kedua ialah.....pendek sahaja ini. Pendek soalan saya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Panjang haa... dengarlah kawan-kawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, bertenang, bertenang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Itu yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi. Soalan yang kedua, saya sudah berjanji daripada awal lagi, saya hendak kata tiga soalan. Jadi, soalan pertama – yang membuat perkara ini panjang lebar macam ini ialah dia orang. Kalau dia tidak ganggu saya tadi, sikit, pendek, habis cerita. Sekarang dia ganggu, soalan yang 5 minit jadi 15 minit satu-satu soalan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun] [Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. Sila, sila Timbalan Menteri hendak menjawab. Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, minta duduk. Timbalan Menteri bangun ini. Yang Berhormat bagi Batang Lepar, minta duduk, Timbalan Menteri hendak menjawab

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu semua soalan tambahan tadi relevan. *[Sorak] [Tepuk]* Jadi, saya sedia mendengar. Kalau wakil bagi Tanjong, Jelutong hendak bercakap pun saya sedia mendengar, tiada masalah. Diapun tidak ada apa-apa soalan kerana mereka ini tidak pentingkan kesihatan. *[Ketawa]* Dia cuma cerita.....saya tengok Jelutong, dia terfikir apa berlaku di court sekarang ini. *[Ketawa]* Bukan dia *concentrate* ni. Dia tengah fikir apa berlaku di mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Pasal itu beliau ini patut.....

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa, semua buang masa.

Beberapa Ahli: *[Sorak] [Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Akta...

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Apa akta?

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Apa standing order? *[Disampuk]*
Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang: ...jangan buang masa.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya sedang menjawab. Bagi penjelasan.

Seorang Ahli: Tanjong, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Semua buang masa.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong, sekejap. Minta, minta ya. Ada menteri bangun.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: Saya hendak tanya dengan ketua pembangkang yang dikatakan bahawa bil kesihatan ini tidak penting, adakah kepada DAP bil murtad ini lebih penting daripada bil kesihatan ini? *[Sorak]*
[Tepuk]

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak kata bahawa bil kesihatan tidak penting tetapi jangan buang masa.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: Kerana selepas ini.....

Tuan Lim Kit Siang: Bil murtad kalau timbul, kita DAP, bantah. Kita mahu bil yang mempertahankan. *[Disampuk]* *[Sorak]* Itu pendirian kita.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Jangan putar belit. Jangan menjadi menteri putar belit. Jangan tipu rakyat.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: Bil selepas ini adalah bil.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: Usul selepas ini, usul murtad bukan usul bil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong. Minta duduk dua-dua. Saya buat....Yang Berhormat. Saya akan buat keputusan. Saya telah buat keputusan tetapi tidak ada orang hendak patuh. Kalau Dewan ini tidak boleh dikawal macam itu, saya kena tangguhkan Dewan sekarang. *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana kalau buang masa, kita tidak benarkan. Kita tidak benarkan. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat. Perbahasan ini kita boleh teruskan tetapi kalau ada gangguan, lagi lama.

Saya telah bagi keputusan bahawa mengikut penilaian saya, apa yang relevan, saya tidak boleh stop orang. Tidak boleh stop Yang Berhormat. Saya minta Batang Lupar pendekkan. Biar Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya pendek, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana ini, interpretasi berlainanlah. Jadi, dari semalam bila saya berbincang soalan undang-undang ini, saya telah sebutkan persoalan-persoalan hal kesihatan rakyat. Itulah sebab saya kata ubat yang dijual di merata-rata tempat itu – pertama, kita mesti mendapat pengesahan. Kalau tidak ada pengesahan daripada kerajaan, kita biarkan orang menjual, orang manufacturer ini.....

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Semalam dia sudah berucap. Kali ini ucapan yang kedua. Bukankah ini melanggar Peraturan Mesyuarat? *[Disampuk]* Apa ini, buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Repeat sahaja. Apa ini?

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. Dia minta...ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia minta penjelasan, Yang Berhormat. Dia minta penjelasan. Yang Berhormat Batang Lupar, saya sudah beritahu bagi sedikit masa ya. Jangan terlalu lama.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Baiklah. Saya bagi sedikit masa. Persoalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Persoalan yang kedua, saya hendak tanya persoalan kedua ialah soalan lesen. Ha... ini soalan lesen. Kerana kita lihat undang-undang ini untuk membesarkan bidang-bidang penjualan, bidang-bidang perubatan dan penggunaan perubatan yang dikatakan dadah ini. Mungkin termasuk *CocaCola*, kopi, teh dan sebagainya, ada kafein dan sebagainya. Jadi, persoalan kalau kita lihat banyak penjual ubat di luar bandar macam cerita P. Ramlee dulu, Badul dulu pernah buat, macam ketua pembangkang yang buat – jual ubat di tepi-tepi jalan. Adakah kita hendak membuat lesen, memberi lesen kepada mereka ini? Adakah mereka ini perlu dibuat lesen? Banyak, termasuk tidak kira sama ada orang itu orang India, orang Melayu ataupun orang Cina jual ubat di tepi jalan, yang pandai bercakap – pandai bercakap macam DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu penjelasan? Ini ucapan. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Sorak] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. Ini penjelasan yang kedua. Yang Berhormat, saya telah bagi peluang Yang Berhormat untuk minta penjelasan kedua.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua. Okay, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta ampun. Saya bertanya sama ada mereka ini perlu dilesen dan kalau perlu dilesen, kenapa tidak peruntukan dibuat di dalam undang-undang ini untuk melesenkan penjual ubat di tepi-tepi jalan ini supaya masyarakat umum terselamat daripada ubat-ubatan yang dijual tidak menentu di mana-mana tempat. Kita berbincang persoalan masyarakat keseluruhannya rakyat Malaysia, kesihatan rakyat Malaysia.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Oh...dah habis dah. Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ucapkan terima kasihlah kerana wakil pembangkang pun sudah senyap ini. Harap dapat dengar apa yang saya hendak cakap ini. Saya baru ulas tadi jawapan daripada Yang Berhormat bagi Kepong. Tahukah Yang Berhormat Tanjong yang baru datang, ya. Saya ada lagi 13 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan, yang saya belum jawab. Jawapan saya pun, 5 jam tidak habis. *[Ketawa]* Jadi, diharap Yang Berhormat bagi Tanjong jangan ganggu.

Tuan Lim Kit Siang: *Objection*, satu komplot!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *[Ketawa]* Mana ada komplot. *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi jangan buat secara buang masa. Rakyat ada lihat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sudah tanya, jangan kacaulah.

Tuan Lim Kit Siang: Rakyat tahu, inilah hari malu untuk Dewan Rakyat Malaysia. Kita tahu dan....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Datuk Speaker, saya hendak jawab ini.

Tuan Lim Kit Siang: ...ini cuma alat....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:.....janganlah ganggu.

Tuan Lim Kit Siang: alat untuk ganggu usul-usul.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Janganlah ganggu.

Tuan Lim Kit Siang: Ada komplot.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tidak relevan, Datuk Speaker.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu tetapi jangan buat melanggar peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, menteri bangun pula.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Tan Sri Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa selepas usul ini, usul-usul yang lain sebanyak 6 usul adalah berkenaan dengan murtad dan usul yang ketujuh sahaja usul berkenaan dengan kawalan sewa. Jadi, yang DAP kata kita buang masa yang dia hendak naikkan usul ini, usul mana yang dia hendak naikkan. Satu sampai enam, usul murtad, cuma yang ketujuh usul berkenaan kawalan sewa. Jadi, adakah DAP sekarang ini hendakkan usul murtad ini naik cepat. *[Disampuk]* Itu saya hendak tanya.

Tuan Lim Kit Siang:tidak clear, tidak berkait dengan DAP. Kita mahu usul ketujuh naik. Jangan tipu, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa daripada kita dengar nanti DAP bergaduh dengan PAS, dalam isu murtad eloklah kita bincang isu kesihatan. *[Ketawa][Tepuk]*

Seorang Ahli: Ya, betul, betul, betul. Nanti dia gaduh.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini pun hendak jaga kesihatan Yang Berhormat Tanjong juga supaya beliau panjang umur kerana semenjak kita mengadakan mutu kesihatan yang lebih baik untuk rakyat, umur rakyat Malaysia yang hidup telah makin meningkat, kalau dahulu 60 tahun sekarang ini rakyat Malaysia boleh hidup sampai 72 tahun. Jadi, kalau hari ini kita bincang supaya dadah ini jangan disalahgunakan dalam binatang, jadi umur kita boleh panjang lagi, mungkin 82 tahun, termasuk umur Yang Berhormat bagi Tanjong juga. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Tanjong tahu atau tidak apa yang kita telah bincang daripada pagi tadi. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Ini lagi kotor *[Ketawa][Sorak]* Rakyat akan tengok apa ini, kita tahu lebih banyak buang masa rakyat. Tidak guna undi orang-orang....

Seorang Ahli: Eh, itu tanya rakyatlah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Itu rakyat tentukan. Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan, saya sedang menjawab, berilah chance...

Tuan Lim Kit Siang: Ha, itulah....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Semalam semasa membentangkan usul ini dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong bercakap satu jam setengah, saya hendak tanya Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tanjong tahu atau tidak apa yang Ahli Yang Berhormat bagi Kepong cakap semalam? *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Ini buang masa, okay, teruskan tetapi rakyat akan tahu kenapa, ini tanggungjawab....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasihlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi wang rakyat akan diteruskan, itulah apa guna, kenapa mahu buang masa? Kenapa begitu takut mengenai usul ke-7, begitu takut, MCA takut, Gerakan takut....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Usul 2 sampai 6?

Tuan Lim Kit Siang: UMNO takut, kenapa takut usul ke-7 naik, bincang, bahas mengenai lanjut lagi lima tahun.....

Seorang Ahli: Apa takut.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, belum tiba lagi, saya minta Yang Berhormat bagi Tanjong boleh duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa takut?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Boleh duduklah. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tanjong boleh duduk. Peraturan mana bangun ini?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak apa, lagi buang masa..

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sila duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, terus jawab.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kita tidak perlu hendak tunggu usul nombor 7 sebab usul nombor 2 kalau dibincangkan, bergaduh. Saya fikir satu tahun tidak selesai, sampai pilihan raya sebab DAP sudah beritahu dia tidak akan sokong PAS dan negara Islam, dia pun tidak hendak sokong.....

Seorang Ahli: Langkah mayat, langkah mayat dulu.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kita pun sudah tanya PAS, mana dia hendak sokong, negara Islamkah atau DAP? PAS kata dia sokong DAP. *[Ketawa]* Negara Islam gugur. Kita tanya DAP sokong atau tidak murtad, dia kata tidak sokong *[Disampuk]* Eh, mana dia ada sokong? *[Ketawa]* PAS baik juga, dia sokong DAP gugurkan negara Islam, DAP langsung tidak boleh pakai, murtad pun dia tidak mahu sokong PAS, pada hal PAS sudah sokong dia, gugurkan negara Islam.*[Ketawa]*

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Jelutong cakap, langkah mayat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Jadi, jelaslah bahawa nampaknya DAP lebih berjaya daripada PAS. Jadi, inilah dia wayang-wayang kulit DAP. Jadi, rakyat tahu, saya percaya rakyat akan tolak DAP dan juga PAS ataupun parti KeADILan dan juga parti 'tanduk' dalam pilihan raya yang akan datang ini.

Tuan Karpal Singh: *[Bangun]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini Jelutong hendak bangun pasal apa? *[Ketawa]* Tidak hendak bangun? *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat sekalian, umur rakyat Malaysia sekarang ini telah meningkat kepada 72 tahun purata, inilah kejayaan Barisan Nasional, DAP apa dia buat, saya hendak tanya. Kita bincang Viagra ini hendak mengembirakan suami dan isteri-isteri. Ini hendak beritahu, fasal apa, ada isteri suami dia dah lama tidak boleh pakai, *[Ketawa]* jadi ada Viagra, kalau tidak ada Viagra boleh pakai Tongkat Ali. *[Ketawa]**[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa, tidak malu apa.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Malu pula.

Tuan Lim Kit Siang: Semua orang Bsrisan Nasional rasa bangga

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Apa malu, kalau kita sakit kenapa kita mesti malu.

Tuan Lim Kit Siang: Inilah, rubbish tab, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjadikan Dewan Rakyat ini satu tong sampah politik Barisan Nasional

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Waktu Tanjong, ubat Tongkat Ali masuk dalam ubat tradisional.

Tuan Lim Kit Siang: Nombor satu buang masa, all the political rubbish in the Barisan Nasional, Barisan Viagra, don't waste our time.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tongkat Ali daftar di bawah ubat tradisional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Tong sampah

Seorang Ahli: Tolong balik, tolong balik, jangan datang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Okay, bertenang Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Pokok Sena bangun ada apa Yang Berhormat?.

Datuk Wira Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Penjelasan di atas jawapan itu. Dia orang sudah keluar. Ini penjelasan di atas jawapan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ya, Yang Berhormat

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Yang Berhormat kata setengah suami tidak boleh pakai itu, pakai apa, pakai bajukah pakai apa? *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Boleh jawablah. Kerana Viagra dan Tongkat Ali ini penting, sebab Tongkat Ali didaftarkan di bawah herbal medicine, Viagra di bawah Poison Act. Jadi kalau hendak makan Viagra kena berhati-hati. Besok kalau salah makan, mati, salahkan kerajaan. Ini kita hendak beritahu kepada parti-parti pembangkang, kena faham apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Larut pula bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, orang makan Viagra mati, berapa orang sudah mati makan Viagra di Malaysia? *[Ketawa]* Mati badanlah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Timbalan Menteri.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Di Malaysia, untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut, belum ada lagi yang mati tetapi yang sakit kepala migrane ada, tetapi tidak ramailah, dalam 15 orang yang sudah complain. Di seluruh dunia, saya dengar lebih kurang 30 orang yang mati. Di Malaysia setakat ini masing-masing ikut prescription daripada doktor maka kesemuanya selamat. Inilah yang hendak saya terangkan supaya ikut peraturan

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Boleh saya tanya satu lagi soalan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Boleh, boleh.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Timbalan Menteri kata tadi ada yang pening kepala, berapa orang pula yang pening kepala? *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Dalam laporan yang saya terima, dalam 15 orang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Parit Sulong pula.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Datuk Yang di-Pertua, saya tadi memang tidak rela dengan perbuatan pihak pembangkang tadi yang mengatakan kita membuang masa, sebenarnya kita meminta penjelasan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri demi kebaikan perkhidmatan kesihatan dan juga pembangunan perubatan herba yang berkait rapat dengan sebilangan majoritinya masalah masyarakat bumiputera.

Jadi saya yang memulakan soalan mengenai pembangunan perubatan herba tadi, herbal medicine dengan izin dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa memang telah ada pun kajian-kajian dijalankan sama ada oleh pihak MARDI dengan FRIM dan sebagainya dan telah banyak pengusaha herbal medicine ini mendaftar syarikat dan produk mereka dengan Kementerian Kesihatan.

Satu perkara yang kami ingin tahu adalah, betul atau tidak betul, minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pendaftaran untuk mendapatkan pelesenan itu lambat, kadang-kadang mengambil masa sehingga satu tahun, betul atau tidak betul?

Yang keduanya, adakah pihak Kementerian Kesihatan memperkenalkan ubat-ubat herba ini, herbal medicine ini di dalam ubat-ubat yang diberikan kepada pesakit-pesakit di hospital-hospital kerajaan dan berapa banyakkah ubat herba keluaran Malaysia ini menembusi pasaran-pasaran di farmasi dan sebagainya untuk kita membuat kajian terhadap perkembangan industri herbal medicine ini, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang Berhormat, ini soalan yang baik, ini yang patut didengar oleh parti pembangkang. Sekarang ini ada seorang wakil PAS dan seorang lagi, alhamdulillah, dua, mudah-mudahan dapat sampaikan kepada orang kampung.

Untuk pendaftaran ubat-ubat sekarang ini memakan masa lebih kurang satu tahun. Satu bulan setengah menghantar permohonan dan maklumat produk, kemudian itu empat bulan contoh-contoh dihantar ke makmal-makmal untuk ujian kerana kita kena uji dengan teliti dan enam bulan kita akan buat penilaian menyeluruh setelah contoh-contoh itu diuji. Bagaimanapun kita sedang juga mencuba jika dapat dikurangkan satu dua bulan lagi. Inilah sebabnya memakan masa lebih kurang satu tahun. Tetapi lebih baiklah kita tidak tergopoh-gopoh memberi kebenaran kerana ini akan memberi kesan kepada kesihatan orang ramai. Berkaitan dengan kedudukan ubat tradisi dalam negara kita, seperti yang saya sebutkan tadi, ia memenuhi 35.4% daripada semua jenis ubat yang didaftarkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Wangsa Maju bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kebanyakannya ubat herba ini adalah daripada tempatan iaitu sebanyak 54%.

Datuk Dr. Haji Kamal bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya hendak balik kepada penjelasan sebelum ini tentang pendaftaran dadah yang memakan masa setahun itu. Sebenarnya, saya hendak bangkitkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa yang menjadi isu bukan saja dari segi tempoh penilaian dan penganalisaan yang dibuat oleh jabatan tersebut tetapi saya difahamkan bahawa lebih kurang dua, tiga tahun yang lepas bahawa ada backlog lebih kurang 14,000 cases yang belum lagi diselesaikan. Jadi, saya hendak tanya sama ada ini disebabkan oleh kekurangan tenaga penyelidik atau penganalisa ataupun adakah perlu proses pendaftaran ini diswastakan untuk dipercepatkan sedikit proses pendaftaran tersebut.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kita telah menolak sebanyak 14,517 permohonan yang hendak berdaftar kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Backlog yang disebutkan tadi, saya percaya kalau adapun ia dalam tempoh satu tahun. Lebih daripada itu, kita kira sebagai telah ditolak ataupun memang telah diberitahu lebih awal. Jika ada kes yang lebih daripada satu tahun, bolehlah rujukkan kepada saya. Setakat ini tidak ada backlog seperti yang disebutkan begitu banyak. Ada juga yang telah dibatalkan ataupun ditarik balik iaitu sebanyak 1453 kes. Ini termasuk semua jenis sama ada preskripsi doktor ataupun ubat OTC ataupun tradisi ataupun yang dalam bidang kosmetik.

Saya suka juga memaklumkan bahawa punca utama ubat-ubat yang kita import ini, kebanyakannya daripada Malaysia sendiri, negeri China, Amerika Syarikat, Australia, England, Jerman, Indonesia, Switzerland, Thailand, India dan juga Perancis. Negara yang saya sebutkan sebentar tadi menguasai 73.6% daripada ubat-ubat yang ada dalam negara kita. Manakala dari negara Asean, kita juga telah mengimport sebanyak 12.2% iaitu dari Indonesia, Thailand, Singapura, Filipina. Jadi campur 73.6 daripada negara-negara yang disebutkan tadi dan yang baki itulah lebih kurang 14% daripada negara-negara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermakna bahawa sebilangan besar ubat-ubat yang digunakan di dalam negara ini adalah ubat yang diimport? Kalau saya tidak silap dengar penjelasan Datuk Timbalan Menteri tadi, bermakna ubat-ubat yang diimport, yang digunakan oleh negara ini merupakan lebih 80%. Adakah begitu dan bermakna bakinya adalah ubat-ubat yang develop dan dimanufacture di dalam negara sendiri. Kalau ini hakikatnya, apakah usaha-usaha untuk kita menambahkan jumlah ubat-ubat yang dibuat di Malaysia sendiri dan bagaimanakah usaha kita untuk menambahkan bilangan ubat yang ditemui di Malaysia untuk dikembang, manufactured dan diperkenalkan di dalam negara itu sendiri? Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ubat yang diimport iaitu ubat yang menggunakan preskripsi doktor adalah 68%, daripada tempatan 32% manakala ubat OTC 49% diimport, 51% adalah buatan tempatan, manakala ubat tradisi yang diimport 46%, 54% adalah tempatan. Yang saya sebutkan tadi adalah dari segi jumlah import daripada seluruh negara. Berapa persen pula dari negara berkenaan. Ada beza antara yang diimport daripada negara berkenaan, berapa persen. Itu yang sampai 80% tetapi jika diambil yang diimport sahaja adalah seperti angka yang saya sebutkan sebentar tadi.

Wakil daripada Sipitang telah membangkitkan berkaitan dengan 'prevention is better than cure'. Saya percaya ini adalah satu pendekatan yang baik yang patut dilakukan oleh semua rakyat Malaysia supaya kita dapat mengurangkan penyakit sama ada yang berjangkit dan yang tidak berjangkit. Kerana itulah kementerian sejak tahun 1989 telahpun melaksanakan Program Gaya Hidup Sihat iaitu meminta rakyat supaya dalam kehidupan harian mereka mengamalkan Gaya Hidup Sihat ini dengan mengambil makanan yang seimbang dan juga membuat senaman yang kerap iaitu sekali dalam setiap dua hari dan setiap kali 20 minit tanpa henti.

Kempen kita ini diadakan pada setiap tahun dengan berbagai tema. Sambutan orang ramai amat baik dan kita berharap Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat membantu mempromosikan kempen Gaya Hidup Sihat ini supaya rakyat Malaysia kurang kena penyakit dan tidak perlu masuk ke hospital, bererti tidak melibatkan kos rawatan apabila mereka masuk hospital, pergi klinik dan sebagainya. Sebab itulah saya sebutkan sebentar tadi bahawa umur kita kini telah meningkat hingga 72 tahun purata dan bagi wanita boleh hidup sampai 75 tahun, bagi lelaki 70 tahun. Kita percaya jika kempen gaya hidup sihat ini

berjaya dan mutu kesihatan terus meningkat menjelang tahun 2020, kita juga boleh capai umur sampai 80 tahun. Ini satu pencapaian yang tinggi bagi negara kita yang sedang membangun yang baru 42 tahun merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, wakil Sipitang juga membangkitkan takrif mengikut ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang berhormat, Telok Kemang bangun.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, tentang Gaya Hidup Sihat, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ada memberitahu tentang makanan. Memang kita promosikan makanan seimbang kepada semua pihak tetapi kita memang tahu bahawa anak-anak kita di negara kita ini sekarang suka makan makanan seperti American fast food dan sebagainya dan tidak suka makan sayur-sayuran di negara ini. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mempromosikan atau memberi kesedaran kepada anak-anak kita dari mulanya iaitu dari peringkat sekolah rendah untuk makan lebih sayur-sayuran. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kempen Gaya Hidup Sihat ini telah dimulakan pada tahun 1991. Tadi saya sebut 1989, saya terlupa sedikit. Kempen ini telah disiarkan sama ada melalui media elektrik ataupun media cetak dan juga menerusi semua hospital dan klinik dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bahkan di Kementerian Kesihatan juga telah diadakan pada setiap masa sepanjang tahun.

Pada tahun 1991, kempen kita adalah berkaitan dengan penyakit jantung. Apakah yang menyebabkan sakit jantung, misalnya makan banyak makanan yang berkolesterol, makanan yang banyak lemak, kemudian kurang exercise, banyak makan gula dan sebagainya. Ini telah diedarkan dan juga telah diberikan penerangan hingga ke sekolah-sekolah. Bahkan di tadika juga di sekolah, jururawat-jururawat memang pergi melawat dan mengadakan kempen-kempen di sekolah dengan murid-murid pada setiap masa.

Yang kedua, tahun 1992 kempen kita adalah berkaitan dengan AIDS. Ini berkaitan juga dengan dadah dan juga HIV dan untuk itu kementerian telah menubuhkan satu program yang dinamakan PROSTA, iaitu Program Sehat Tanpa Aids untuk remaja yang sehingga kini telah dapat melantik seramai 23,000 penceramah-penceramah yang terdiri daripada rakan-rakan sebaya yang berumur diantara 18-25 tahun iaitu yang terdiri daripada murid-murid sekolah dan juga yang ditubuhkan disetiap daerah di kalangan golongan remaja ini. Kita berharap golongan remaja ini akan menyampaikan pula maklumat-maklumat ini kepada rakan-rakan sebaya mereka. Sehingga kini telah hampir 3000,000 rakan yang sebaya begini telah dapat menyertai program PROSTA ini menerusi aktivis mereka yang seramai 23,000.

Kemenditeian memberi bantuan kaunseling, memberi bantuan teknikal dan juga kewangan bagi program-program PROSTA yang dianjurkan. Harapan kita menjelang tahun 2000 kita akan mempunyai satu PROSTA bagi setiap daerah dan ini adalah di dalam program kempen Jauhi Aids 1992 yang masih lagi berterusan pada hari ini.

Tahun 1993, kempen kita adalah berkaitan dengan kebersihan makanan. Ini juga melibatkan kanak-kanak sekolah termasuk '*junk food*' yang biasanya diambil oleh anak-anak kita dan guru-guru yang terlibat di dalam program ini dilatih supaya mereka dapat menyampaikan maklumat ini kepada kanak-kanak.

Tahun 1994, promosi kesihatan kanak-kanak. Ini juga dijalankan meliputi sekolah dan kawasan luar bandar bahkan pertubuhan-pertubuhan NGO dan sebagainya.

Tahun 1995 adalah berkaitan dengan kanser. Ini banyak juga diberikan penerangan kepada kaum wanita, yang mana kita dapati banyak kanser payu dara berlaku

di kalangan wanita. Banyak wanita malu untuk pergi membuat pemeriksaan doktor kerana itulah kem-kem kesihatan diadakan di klinik-klinik supaya wanita-wanita berani datang dan mereka tidak merasa malu. Oleh kerana apabila mereka mendengar ceramah dan juga poster-poster yang diadakan baharulah mereka sedar betapa pentingnya mengelakkan kanser ini daripada peringkat awal. Kerana kita dapati jika kanser ini di ubat lebih awal ataupun dicegah daripada merebak dari peringkat awal, maka dapat dielakkan berlaku kanser yang serius. Kanser wanita bukan sahaja kanser payu dara tetapi juga kanser sivik.

Saya pergi banyak ke kem-kem kesihatan dan saya melihat kita telah menghantar doktor-doktor wanita untuk memberi penerangan. Ini telah mendapat penyertaan yang baik daripada ibu-ibu di kampung. Nasib baiklah doktor wanita ini tidak berhenti, kalau dia berhenti mengikut pandangan PAS, saya fikir sudah tentu wanita sukar untuk mendapat peluang untuk dirawat sama ada mereka ini kena kanser atau tidak. Kerana itu kementerian akan mengambil lebih ramai lagi doktor wanita pada masa depan.

Saya diberitahu setakat ini daripada 16,000 doktor dari seluruh negara lebih kurang 30-35% adalah wanita dan kita akan tambah lagi. Walaupun kerajaan PAS tidak mahu tetapi kita tidak akan mengikut cadangan PAS ini, kerana kita tahu wanita merupakan penduduk yang teramai di Malaysia lebih kurang 50% adalah wanita dan kita mesti jaga kesihatan wanita. Ini yang kita hendak terangkan tadi tetapi DAP sudah lari kerana dia lebih pentingkan perkara-perkara yang lain.

Tahun 1996, kempen kita adalah berkaitan dengan diabetis iaitu kencing manis. Ini juga kita lihat banyak yang kena kerana mereka mengambil gula yang berlebihan dalam makanan harian. Macam di Kelantan, saya tengok makan sambal belacan pun taruh gula. Jadi kerana itu di Kelantan banyak kena kencing manis. Ini yang kita hendak terangkan supaya kita kurangkan kandungan gula di dalam makanan harian kita. Kita melihat diabetis ini perlu dicegah dan kumpulan yang banyak sekali kena kencing manis ialah orang Melayu dan juga orang India, orang Cina kurang sedikit walaupun ada.

Tahun 1997, kempen kita adalah makanan untuk kesihatan. Ini Yang Berhormat sebut tadi kita mesti makan makanan yang membawa kesihatan kepada kita, bukan yang hanya mengenyangkan. Tetapi kanak-kanak mereka suka makanan-makanan yang manis kerana itulah cara yang terbaik adalah kita mencegah dan memberi pendidikan kepada anak-anak kita supaya jangan membeli 'junk food' ini. Jika anak-anak kita telah dididik lebih awal mengambil makanan yang bersih, makanan yang berkhasiat sudah tentu jika ada pun orang yang menjual ianya dapat dielakkan. Bagaimanapun, untuk mengelakkan makanan-makanan 'junk food' ini dijual di sekolah, kita telah meminta kerjasama jabatan ataupun pihak sekolah supaya tidak membenarkan orang-orang yang tidak berlesen menjual makanan secara suka hati mereka di sekolah-sekolah.

Tahun 1998 program kita adalah senaman dan kecergasan fizikal. Kita melihat sekarang ini rakyat Malaysia belum lagi ada tabiat bersenam sepanjang masa iaitu yang tetap, yang berjadual untuk kesihatan. Walaupun ada yang melakukan, tetapi belum cukup sebab itu kita melihat banyak lagi penyakit yang tidak berjangkit terus menghantui kehidupan harian kita.

Oleh yang demikian, kementerian sentiasa mengetengahkan supaya senaman yang dibuat ini hendaklah dilakukan secara tetap iaitu sekali dalam setiap dua hari dan setiap kali itu 20 minit tanpa berhenti. Ertinya kalau kita berjalan kita mesti berjalan selama 20 minit tanpa berhenti supaya suhu badan kita naik dan boleh membakar lemak-lemak dan juga lebihan-lebihan yang patut dibuang yang boleh berlaku melalui proses senaman. Sebenarnya exercise ini mudah sahaja tetapi kerana manusia biasanya memang tidak berapa minat ataupun rasa macam malas sahaja badan untuk bersenam pada setiap hari. Sebenarnya kalau dilakukan setiap masa, hari ini kita lari, petang kata pukul 6.00-6.30. Besok kita off, lusa kita lari balik, kalau tidak boleh petang, malam, kalau tidak boleh

malam, pagi. Saya percaya kesihatan rakyat Malaysia akan lebih baik daripada apa yang ada pada hari ini dan kurang orang kena penyakit, penyakit yang tidak berjangkit.

Seperti yang kita ketahui pada hari ini kebanyakannya berasaskan daripada makanan kita dan mengambil makanan tanpa gula di selang-seli dengan exercise yang tetap. Sebab itulah Yang Berhormat sekalian, kita hari ini menekankan kepada gaya hidup sihat ini.

Tahun 1999 adalah promosi kesihatan dan pencegahan. Ini adalah pencegahan kemalangan di rumah ataupun di tempat kerja. Kita lihat ramai anak kita terlibat dengan kemalangan di rumah misalnya plug yang rendah letaknya. Anak-anak kita bermain, kadang-kadang dicucuk dengan pin, dicucuk dengan dawai dan sebagainya, yang akhirnya boleh kena kejutan elektrik. Kadang-kadang juga anak-anak kita tidak tahu ada minyak tanah yang telah diletakkan di atas para. Dia ingatkan air diambil dan minum, ini juga menyebabkan kecederaan.

Kadang-kadang seterika elektrik untuk menggosok baju tidak ditutup suisnya, ibu-ibu cuai dan bila budak-budak tarik, dia jatuh dan terkena badan dan melecur. Begitu juga barang-barang elektrik misalnya cerek jerangan air, periok memasak nasi, toaster dan sebagainya. Jika wayarnya dibiarkan tanpa diletakkan dengan sempurna, kanak-kanak yang tidak mengetahui akan menarik dan akhirnya berlakunya tumpahan air panas ke atas kanak-kanak dan akhirnya melecur. Ini telah menyebabkan banyak kemalangan yang boleh dielakkan dalam rumah.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila sambung.

2.30 ptg.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pada hari semalam dan juga pada pagi ini. Tadi saya telah menerangkan berkaitan dengan cara hidup sihat yang kempenya telah dilaksanakan semenjak tahun 1991 hingga tahun ini yang mana kempen ini berjalan selama dua fasa, iaitu fasa pertama 1991-1995 dan fasa kedua 1996/2000. Adalah menjadi harapan kementerian juga dengan adanya kempen ini maka tahap menjaga kesihatan diri daripada aspek pencegahan akan meningkat. Dengan ini akan mengurangkan terkenanya penyakit berjangkit ataupun penyakit yang tidak berjangkit. Kerana jika kurang orang kena penyakit yang perlukan diubuh sudah tentu tidak perlu lagi membina lebih banyak wad di hospital-hospital seperti yang sedang kita lakukan pada hari ini. Di samping itu, dapat menjimatkan banyak perbelanjaan dan dapat menggunakan tenaga-tenaga mereka yang tidak sakit ini pembangunan negara dan wang yang digunakan untuk perbelanjaan perubatan ini dapat digunakan untuk tujuan-tujuan kebajikan yang lain. Dengan itu saya berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu untuk menerangkan kempen cara hidup sihat ini. Saya ingin mengulangankan bahawa kempen cara hidup sihat ini menekankan kepada

pemakanan seimbang dan juga bersenam secara tetap iaitu sekali dalam setiap dua hari dan setiap kali sekurang-kurangnya 20 minit.

Saya juga ingin menyentuh soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sipitang yang telah bertanya berkaitan dengan tarif medicinal purpose adakah mengikut akta perubatan di United Kingdom. Saya suka memaklumkan bahawa tarif medicinal purpose adalah mengikut Akta Perubatan United Kingdom 1998. Di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik yang dibuat di bawah Akta Jualan Dadah yang disebutkan ujian clinical juga perlu mendapatkan kelulusan daripada kementerian mengikut akta yang diguna pakai pada ketika ini. Yang Berhormat dari Sipitang juga membangkitkan jenis ataupun ubat-ubat yang boleh dijual mengikut nama dan kegunaan dari kedai-kedai runcit. Katanya ada yang tidak mempunyai maklumat penting. Ini adalah berkaitan dengan ubat-ubat OTC. Semasa penilaian untuk pendaftaran perkara-perkara yang turut diambil perhatian oleh pihak berkuasa kawalan dadah ialah kandungan bahan aktif, yang keduanya kandungan bahan additive dan yang ketiganya adalah label. Bahan aktif adalah seperti panadol. Dalam panadol ada paracetamol, manakala bahan adjective adalah bahan yang boleh digunakan untuk memudahkan penggunaan ubat berkenaan, misalnya seperti adanya kanji dalam tablet. Dengan ini bila dipecahkan maka ia mudah hancur dan mudah dimakan, ataupun bahan pengawet. Manakala label akan menetapkan apakah barang-barang ataupun bahan aktif ataupun additive yang terdapat di dalam ubat berkenaan.

Seperti yang dibangkitkan kementerian dari masa ke semasa juga menjalankan pemeriksaan di premis-premis yang menjual ubat-ubatan. Dari tahun 1994 hingga Ogos 1999, 3,547 perkara yang tidak berdaftar telah dirampas oleh kementerian yang bernilai kesemuanya RM2.9 juta. Pada tahun 1994 rampasan yang telah dibuat adalah 1,108 perkara, 1995 – 759, 1996 – 424, 1997 – 398, 1998 – 495, 199 (Januari hingga Ogos) 403 yang jumlahnya 3,547 seperti yang saya sebutkan sebentar tadi dan nilainya RM2.9 juta. Ini membuktikan bahawa jika ubat-ubat yang dijual tidak mengikut syarat-syarat yang tidak ditetapkan seperti labelnya yang betul dan juga bahan-bahan kandungan yang tepat maka rampasan akan dibuat.

Yang Berhormat dari Sipitang juga membangkitkan berkaitan dengan kawalan penyakit berjangkit, kesan negatif, kejadian penyakit ke atas pelbagai sektor seperti industri pelancongan hotel dan lain-lain. Kementerian memang mengakui implikasi negatif ke atas pelbagai sektor yang disebut dan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mencegah ataupun mengurangkan kejadian penyakit berjangkit. Ini telah dilakukan dengan penjagaan alam sekitar, penguatkuasaan dan juga pendidikan yang dilakukan dari masa ke semasa di samping penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai kementerian dan juga dibantu oleh pegawai-pegawai kementerian lain yang terlibat, misalnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kawasan-kawasan kediaman dan juga kawasan-kawasan perniagaan sentiasa bersih.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah telah membangkitkan berkaitan dengan penguatkuasaan untuk ubat tiruan. Adakah kementerian memberi notis terlebih dahulu sebelum pergi menerbu ataupun menguatkuasakan dan beliau untuk ingin mengetahui berapakah kes tuduhan di mahkamah di bawah Akta Jualan Dadah. Saya ingin memaklumkan bahawa pengawalan, penjualan ataupun pengilangan ubat palsu adalah di bawah Akta Perihal Dagangan yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan turut menyertai operasi kementerian berkenaan apabila ada tindakan berkaitan dengan ubat palsu.

Walaupun bagaimanapun, penjualan ubat tiruan tidaklah membimbangkan. Hasil kajian 1997 menunjukkan sebanyak 64 sampel ubat tiruan dikesan dari sejumlah 1,212 sampel yang diperolehi. Ini merupakan 5.28% sampel-sampel yang diperolehi adalah ubat tiruan. Ubat tiruan dikesan terdiri dari empat jenis ataupun empat jenama ubat dari sepuluh

jenama yang disampelkan, iaitu panadol – 6.61%; eyemo – 9.88%; kuotal – 2.07% dan vicks baperup – 5.34%.

Pada tahun 1998, hasil kajian menunjukkan bahawa bilangan ubat tradisional yang berada di pasaran yang ditiru tidak begitu serius di mana hanya sebanyak dua sampel ubat tiruan telah dikesan daripada 570 sampel yang diperolehi iaitu 0.35% sampel ubat yang dikesan adalah daripada jenama pil *Chee Kit Teck Onn*.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kementerian banyak membuat serbuan tentang ubat-ubat tiruan termasuk vick vapour-up, panadol dan sebagainya. Jadi, apakah pihak kementerian dapat mengesan pengeluar, pengedar dan juga penggunaanya sekali dan apakah tindakan yang boleh diambil ataupun yang telah diambil kepada pengeluar-pengeluar dan pemasar-pemasar dan setakat ini bagaimanakah kedudukan dari segi aktiviti pengeluar-pengeluar ubat tiruan ini, adakah semakin berkurangan ataupun tidak dapat dikesan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada pengeluar-pengeluar yang telah dikesan mengeluarkan ubat menerusi kilang yang tidak berdaftar dan tindakan telah pun diambil. Daripada segi detailnya, mungkin saya kena jawab lewat sedikitlah kerana saya akan jawab ini sampai habis, masa panjang lagi, saya kena dapatkan sedikit maklumat lebih awal.

Sampel ubat yang dikesan adalah daripada jenama pil *Chee Kit Teck Onn* ...

Tuan Jimmy Donald: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi yang bangun, Sri Aman.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sekejap ya, saya habiskan nama ubat ini, nanti tidak payah diulang lagi. Satu minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sampel ubat yang dikesan adalah daripada jenama pil *Chee Kit Teck Onn* – 0.47% dan *zing ghou swee* iaitu liquid – 0.67%. Ini adalah dua ubat yang telah ditiru, yang telah pun dikesan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya nampak di Sarawak begitu banyak ubat tiruan yang diedarkan kepada kedai-kedai runcit di pedalaman dan juga di rumah-rumah panjang dan saya rasa memang tidak ada pegawai penguatkuasaan di pedalaman, di rumah-rumah panjang, di kedai-kedai runcit yang jauh.

Jadi, saya difahamkan oleh pekedai-pekedai ini pun bahawa hingga 80% ubat-ubat yang hendak dijual kepada mereka, untuk dijual pula kepada pengguna-pengguna adalah ubat tiruan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian atau bahagian penguatkuasaan supaya gejala-gejala yang seperti ini dapat dibendung. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah sebutkan awal tadi bahawa kita mengadakan penyerbuan ke kedai-kedai yang menjual ubat bersama dengan pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan dalam serbuan, kita didapati ubat-ubat palsu ini adalah minimum dalam keadaan yang terkawal.

Bagi kes rumah panjang, jika Ahli Yang Berhormat ada nama rumah panjang yang berkenaan, saya akan hantar special case, pegawai saya dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk pergi menyerbu, tetapi jangan

beritahu mereka lebih awal dan Ahli Yang Berhormat boleh ikut sama, mudah-mudahan penduduk-penduduk rumah panjang tidak tertipu dengan ubat-ubat palsu ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga telah membangkitkan berkaitan dengan jumlah penguatkuasa farmasi kerana nampaknya kita perlu mengadakan serbuan yang lebih kerap ke premis-premis, kedai-kedai yang telah dilesenkan.

Saya suka memaklumkan bahawa jumlah pegawai penguatkuasa farmasi kementerian yang ada pada hari ini adalah sebanyak 81 jawatan, yang telah diisi sebanyak 51 dan masih kosong 30.

Dengan itu kementerian telah pun menjalankan penguatkuasaan ini mengikut jumlah penguatkuasa yang ada dan yang baki 30 ini kita berharap dapat mengisikannya dengan segera supaya kerja-kerja penguatkuasaan ini dapat dilakukan lebih kerap lagi.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa statistik pendakwaan ubat yang tidak berdaftar pada tahun 1997, 1998 dan suku pertama 1999 ialah 35, 93 dan 30 kes masing-masing. Nilai ubat yang terlibat pula ialah RM65,258 iaitu bagi tahun 1997; RM768,655 bagi tahun 1998 dan bagi tahun 1999 – RM161,802. Ini adalah ubat-ubat yang tidak berdaftar yang telah dirampas oleh kementerian.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri Kesihatan.

Jika kita ikut Seksyen 14 dalam Akta Jualan Dadah ini bahawa apa-apa tangkapan yang dibuat oleh pihak penguatkuasa dalam seksyen ini memang boleh buat notifikasi di dalam surat khabar dan apa-apa perbelanjaan dalam notifikasi surat khabar ini, pihak berkuasa pun boleh tuntutan balik perbelanjaan itu dan adakah ini adalah kerap dijalankan kerana saya dapati bahawa kita kurang mendapat maklumat ini dalam surat khabar melalui cara notifikasi kerana ini akan dapat menjadi satu kesan deterrent kepada sesiapa yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat, aktanya sudah ada, maka eloklah orang yang bersalah itu namanya disiarkan di akhbar dan lepas ini kebanyakannya kita siarkan tangkapan, berapa ditangkap, berapa jumlah. Jadi, ini akan kita laksanakan pada masa depan mengikut akta yang telah ada supaya dapat menakutkan kepada orang-orang lain yang ingin membuat kesalahan ini kerana nama mereka akan dipamerkan di akhbar.

Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga telah menekankan kepada pendidikan kesihatan mengenai ubat-ubatan. Saya suka memaklumkan bahawa kementerian sedang menggunakan beberapa media massa untuk mendidik orang awam terhadap penggunaan ubat secara betul dan rasional. Media-media yang digunakan termasuk surat-surat khabar tempatan, media elektronik seperti TV dan radio dan juga bahan-bahan percetakan seperti risalah, poster dan lain-lain. Topik-topik yang disentuh termasuk pengenalan am kepada ubat-ubat tertentu, peng storan, dosis, cara penggunaan dan lain-lain. Saya berharap dengan pendekatan yang ada ini, maka kefahaman orang ramai mengenai ubat-ubatan akan bertambah baik lagi.

Wakil Gaya telah membangkitkan ubat batuk sebagai ubat berbahaya di bawah Akta Dadah Berbahaya. Pegawai penguatkuasa farmasi menjalankan pemeriksaan ke premis-premis pada setiap masa.

Pada tahun 1997, 1998 dan sehingga Ogos 1999, rampasan 46 kes untuk tahun 1997 dan 34 kes bagi tahun 1998 dan 17 kes pada tahun 1999 telah dilakukan. Ini melibatkan rampasan sebanyak 4,457 pada tahun 1997; 4,691 untuk tahun 1998 dan 2,088 hingga Ogos 1999.

Tindakan di bawah Akta Racun 1952, kementerian sedar hukuman ringan yang tidak

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini berhubung codein ataupun ubat batuk yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Semalam dalam ucapan saya telah membangkitkan masalahnya sekarang ialah oleh kerana codein ataupun ubat batuk itu tidak ditakrifkan sebagai dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya, maka semua tindakan diambil di bawah Akta Racun, sedangkan di bawah Akta Racun hukumannya kalau tidak silap hanya RM3,000 denda iaitu suatu hukuman yang tidak setimpal dengan bahaya yang diakibatkan daripada perbuatan itu. Bolehkah pihak kementerian menimbang seperti cadangan saya kelmarin supaya mentakrifkan codein itu sebagai satu kesalahan ataupun jenis dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya dan jika demikian hukuman yang ada, kalau ia diklasifikasikan sebagai dadah, bermakna hukuman yang ada sama ada di bawah Seksyen 6 atau Seksyen 12 Akta Dadah Berbahaya, ianya membawa hukuman yang lebih berat.

Jadi, ini akan memberi suatu pengajaran kepada orang lain untuk melakukan kesalahan yang sama di masa yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini boleh ditimbang dalam pindaan yang akan diadakan pada masa hadapan. Dalam pindaan ini oleh kerana kita telah mengkaji perkara yang hendak disegerakan iaitu berkaitan dengan dadah dalam makanan binatang, kerana itulah perkara ini tidak masukkan. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat akan kita ambil kira dalam pindaan-pindaan yang akan dibuat pada masa hadapan.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Semalam semasa saya berucap, saya ada menyentuh tentang kes 'warranty' yang mana dalam pindaan rang undang-undang ini di Seksyen 12 dengan Seksyen 26 memang denda dan hukuman adalah dipertingkatkan, tetapi dalam Seksyen 25, penalti untuk false warranty tidak dipinda. Saya ingin tahu mengapa seksyen ini tidak dipinda bersama kerana saya berpendapat bahawa kes warranty ini kepada penjual adalah sangat penting supaya pengedar atau pembuat memberikan warranty kepada penjual. Ini adalah untuk menjaga kepentingan penjual tentang jualan dadah.

Selain dari itu, saya juga ada sentuh tentang adulteration iaitu Seksyen 15 yang dalam akta asal ini saya harap Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri dapat memberikan penerangan tentang kes ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu warranty seperti Ahli Yang Berhormat maksudkan, Seksyen 20 Akta Jualan Dadah 1992 memperuntukkan orang yang dituduh di bawah Seksyen 10 boleh menggunakan sebagai defense bahawa ubat yang dimiliki olehnya dibeli atas warranty dari penjual.

Seksyen 20 akta Jualan Dadah 1952 juga memperuntukkan bahawa orang yang dituduh di bawah Seksyen 10 menjual adulterated drug dan sebagainya boleh menggunakan sebagai defense bahawa ubat dimiliki olehnya dibeli atau warranty dari penjual, tetapi orang kena tuduh mesti membuktikan tindakan telah diambil olehnya untuk memastikan kebenaran warranty tersebut.

Jika denda ini tidak mencukupi mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat, kementerian akan mengkaji cadangan ini untuk dimasukkan dalam pindaan-pindaan yang akan datang. Seperti yang saya sebutkan tadi, pindaan kita kali ini disegerakan oleh kerana untuk menghadapi isu makanan binatang yang menggunakan drug yang kita dapati adalah lebih segera perlu diutamakan bagi menjaga kesihatan orang ramai. Manakala bagi

hukuman-hukuman yang lain, yang tidak dimasukkan pada pindaan kali ini akan dibawa kepada pindaan-pindaan yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah membangkitkan berkitan dengan jualan terus perlu diambil perhatian. Memang Kementerian mengambil perhatian terhadap jualan terus yang berasaskan makanan kesihatan. Jika melibatkan ubat-ubatan, mana-mana syarikat jualan terus ingin mengiklankan ubat-ubatan, bahan-bahan promosi iklan tertakluk di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Semasa penilaian ubat-ubat dibuat, ciri-ciri pelabelan diambil perhatian dan Kementerian akan memastikan tuntutan perubatan tidak melebihi yang diluluskan oleh pihak berkuasa kawalan dadah.

Ini bererti semua bahan makanan kesihatan yang dijual secara jualan terus mesti ada label yang kemas dan yang tepat, jika tidak bahan-bahan ini tidak akan dibenarkan di pasaran dan jika dipasarkan secara tanpa kebenaran, rampasan akan dibuat.

Oleh kerana itu, orang ramai tidak perlu bimbang terhadap makanan-makanan kesihatan yang telah pun dibenarkan menerusi skim jualan terus.

Batang Lupar juga membangkitkan berkaitan dengan hukuman di bawah Seksyen 10 perlulah ditingkatkan.

Fasal 4 pindaan ini mencadangkan subseksyen 10(4) dimansuhkan, dengan itu hukuman yang akan digunakan di bawah Seksyen 12 yang dipinda di bawah Fasal 15, general penalty di mana akan dipertingkatkan kepada RM25,000 dalam pindaan ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya telah lihat benda itu, perenggan 4 itu dipotong. Jadi maknanya, orang beri maklumat kerana Seksyen 10 ini diberi empat bidang, setiap subseksyen itu bidang-bidangnya sendiri. Jadi kalau bidang ini dipotong bermakna ia tidak ada kesalahan lagi di bawah Seksyen 4 ini kerana subseksyen 4 ini bukan seksyen yang menentukan hukuman sahaja tetapi masalah yang tertentu dihukumkan.

Jadi kenapa pula subseksyen ini dipotong? Walaupun betul apa Yang Berhormat Datuk sebut, oleh kerana telah dipotong, maknanya dihukum di bawah Seksyen 12 di masukkan ke dalam yang mana tidak ada provision soal hukuman di bawah undang-undang ini.

Jadi, apa berlaku kalau orang itu membocorkan rahsia dan sebagainya di bawah Seksyen 10, subseksyen 4 kepada orang ramai berhubung dengan dadah ataupun penyelidikan dan sebagainya, tidak ada menjadi kesalahan lagi ataupun memang itulah tujuan kerajaan. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi subseksyen 10(4) ini telah dimansuhkan dan diperuntukkan di bawah seksyen 12, Fasal 5 di bawah 'General penalty'. Ertinya kalau dahulu hukuman bawah subseksyen 10(4) sekarang ini di bawah subseksyen 12(5) 'General penalty'. Itulah tafsiran Kementerian sekarang ini. Bermakna jika disabitkan, maka hukuman adalah RM25 ribu. Ini adalah lebih baik daripada dahulu hanya RM2,000 sahaja. Jika Yang Berhormat masih ragu bolehlah datang berbincang supaya dapat diperjelaskan lagi.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga telah meminta supaya orang awam diberi kebenaran mendapatkan analisa. Ini juga telah diperuntukkan di bawah seksyen 6, Akta Jualan Dadah 1952.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar juga telah membangkitkan promosi melalui media, televisyen, radio dan lain-lain dan elektronik perlu dikawal. Perkara mengenai iklan dan promosi ubat-ubat dan khidmat perubatan adalah dikawal di bawah Akta Ubat, Iklan dan Penjualan 1956. Sesiapa yang ingin mengiklankan ubat-ubatan perlu mendapatkan kelulusan dari Lembaga Iklan Ubat (LIU). Permohonan untuk kelulusan LIU telah

diterima sebanyak 671 pada tahun 1995; 703 pada tahun 1996; 1,178 pada tahun 1997; 648 pada tahun 1998 dan 416 sehingga bulan Jun 1999. Dari tahun 1997 hingga 1999; 49 kes telah disiasat dan 25 kes telah didakwa di mahkamah.

Berkaitan dengan cadangan Batang Lupar supaya pihak berkuasa melabelkan kuantiti alkohol yang terdapat di dalam apa pun jenis pemakanan dan ubatan ataupun ubat-ubat, pihak berkuasa kawalan dadah memang mensyaratkan semua keluaran berdaftar dilabel dengan kuantiti alkohol yang terdapat di dalamnya dan juga jika ada gelatin, asal gelatin sama ada daripada lembu, babi atau sayur-sayuran juga diwajibkan untuk dilabelkan dengan jelas. Jika tidak barang-barangan ini akan dirampas dan orang yang tidak mengendahkan syarat-syarat ini akan dikenakan hukuman seperti yang ditetapkan di dalam akta.

Dr. L. Krishnan: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Telok Kemang.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang penglabelan ubat-ubat, saya ingin tahu sama ada undang-undang ini untuk melabelkan kandungan ubat-ubat dikuatkuasakan kepada ubat-ubat tradisional. Adakah kandungan ubat-ubat yang dikuatkuasakan apabila ubat-ubat tradisional dijual, misalnya mana-mana ubat tradisional. Apakah kandungan dalam ubat-ubat tradisional dikaji dan dapat diketahui, supaya apa yang diberitahu adalah betul dalam kandungan itu. Adakah mereka diwajibkan untuk melabelkan semua kandungan khususnya ubat-ubat tradisional.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ubat tradisional juga untuk makluman Yang Berhormat, disyaratkan untuk meletakkan isi kandungan dalam setiap ubat yang dijual. Misal kata Tongkat Ali, saya percaya dalam itu ada disebutkan apa-apa jenis kandungan dan juga ubat-ubat tradisional yang lain.

Wakil bagi Batang Lupar akhir tadi ada juga bertanyakan berkaitan dengan pelupusan. Pindaan akta kali ini bertujuan untuk meningkatkan hukuman dan keperluan kawalan ke atas ubat haiwan. Kementerian sedar bahawa akta ini perlu dipinda dan kementerian sedang mengkaji dan dalam draf akhir pindaan peruntukan seksyen 13 yang dibangkitkan ini telah pun diberikan perhatian.

Wakil bagi Machang telah membangkitkan beberapa perkara. Pertamanya, berapa pengawal perubatan diambil tindakan mahkamah? Saya suka maklumkan bahawa jumlah pengamal perubatan yang diambil tindakan berkaitan dengan kesalahan, ubat batuk misalnya adalah tujuh kes pada tahun 1997; lapan kes pada tahun 1998 dan tiga kes pada tahun 1999 sehingga bulan Ogos. Jumlah ahli farmasi berkaitan adalah empat kes pada tahun 1997; lima kes pada tahun 1998 dan dua kes pada bulan Januari hingga Ogos tahun 1999.

Yang Berhormat bagi Machang telah membangkitkan

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, nanti Batang Lupar bangun dahulu. Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya orang Sarawak kata kasihan tengok Yang Berhormat Timbalan Menteri berdiri lama sangatlah. Saya beri peluang dia duduk sedikitlah.

Jadi, saya tanya soalan pasal ubat batuk. Kalau Yang Berhormat sedia maklum daripada saya iaitu ubat batuk ini ada dua macam. Satu ubat batuk daripada sirap dan satu ubat batuk diberi secara tablet. Kadang-kadang ada ubat batuk yang secara tablet ini lebih jauh lebih baik. Yang Berhormat bagi Larut kata lebih 'afdhal'. Jauh lebih baik daripada ubat yang diberi secara sirap. Tetapi ubat batuk yang digunakan sebagai pelali itu ialah ubat batuk sirap, bukan ubat batuk tablet.

Jadi, persoalan saya adakah kementerian bercadang atau memikirkan supaya ubat batuk sirap ini bukan diharam tetapi pemberiannya mesti diberi cara-cara yang lebih teliti sedikit dalam keadaan yang tertentu sahaja boleh di'prescribe' kepada pengguna. Oleh kerana masa sekarang siapa sahaja mengatakan dia batuk, pergi ke klinik, dia akan dapat ubat batuk. Jadi, doktor buat pilihan sama ada beri tablet ataupun beri yang sirap. Jadi, kalau sirap itu boleh diberi dan orang menggunakannya sebagai dadah. Jadi, kalau yang tablet tidak mungkin boleh digunakan sebagai dadah.

Jadi, persoalannya kalau kita boleh haramkan, setengah haramkan iaitu ubat batuk sirap ini supaya ia tidak berleluasa dijual kepada orang yang menggunakan benda ini bukan sebagai ubat tetapi sebagai dadah. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian telah pun mengambil langkah-langkah yang tertentu ke atas pembekalan ubat batuk yang mengandungi 'Codeine' yang boleh menjadi bahan dadah seperti yang disebut. Caranya adalah:-

- (i) kementerian menghadkan saiz bungkusan kepada 60 ml dan 120 ml semenjak 1.1.1995. Ertinya jika mereka ambil ubat batuk biasa ini dia tidak akan menyebabkan ketagihan kerana setiap saiz bungkusan itu telah pun ditetapkan;
- (ii) mengharamkan pengimportan ubat batuk sejak 1.1.1996;
- (iii) mengeluarkan '*Efidrine*' dan juga '*Pseudofidrine*' daripada formula sediaan ubat batuk. Sekarang ini mereka tidak boleh lagi gunakan formula ini;
- (iv) menghadkan bilangan '*Codeine*' tahunan bagi pengilang-pengilang. Ertinya kilang-kilang kena beritahu kerajaan, dia kena isytihar berapa banyak *Codein* yang ada dan kalau dia hendak jual, kita akan check balik stoknya. Bererti dia tidak boleh buat dengan sesuka hatinya; dan
- (v) mengurangkan bekalan *Codein* tahunan bagi pengilang-pengilang. Ini bererti orang yang hendak import ubat batuk ini mesti ada permit. Misalnya, dengan kebenaran kerajaan, tidak boleh import begitu sahajalah. Inilah cara kawalan yang kita buat.

Bagi menangani masalah penyalahgunaan ubat batuk, kementerian telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (i) menjalankan pemeriksaan dan serbuan ke atas premis-premis yang tidak berlesen, klinik-klinik dan farmasi yang disyaki membekalkan ubat batuk. Dia tidak boleh bekal tetapi dia bekalkan. Ini kita ada buat pemeriksaan dan serbuan;
- (ii) memantau penjualan ubat batuk dari pengilang dan pemborong yang dibenarkan dan menjalankan varifikasi pembelian dengan klinik dan farmasi yang berkenaan untuk mengesan pemesangan ke pasaran haram;
- (iii) mengaudit penggunaan *Codein* dalam pengilangan ubat batuk. Ini saya sebutkan sebentar tadi. Kita akan semak balik ke mana ubat batuk itu telah pergi; dan
- (iv) mengambil tindakan menggubal pindaan Akta Racun 1952 untuk meningkat hukuman kepada pesalah yang menyalahguna-

kan ubat batuk yang mengandungi *Codein*. Diharapkan hukuman baru ini akan bersifat sebagai penghalang terhadap penyalahgunaan ubat batuk yang mengandungi *Codein*. Pada masa sekarang bagi kesalahan yang melibatkan ubat batuk, hukuman yang boleh dikenakan jika sabit kesalahan ialah denda RM5,000 atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Jadi, kementerian berharap dengan adanya tindakan-tindakan ini, maka penyalahgunaan ubat batuk dapat dibendung. Bagaimanapun, kementerian mengambil perhatian terhadap aduan Yang Berhormat bahawa ada kedai-kedai yang menjual ubat batuk. Saya percaya kalau ada mereka jual, ini adalah tanpa kebenaran dan jika boleh berikan namanya kepada saya. Secara diam-diamlah kita akan lakukan serbuan supaya tindakan ini dapat diatasi.

Oleh kerana wakil bagi Machang belum datang, saya buat dia punya kemudianlah. Yang Berhormat bagi Parit Buntar telah bertanya berkaitan dengan takrif 'ubat tradisional'. Saya suka memaklumkan bahawa takrif 'ubat tradisional' termasuk semua jenis ubat, sama ada ubat moden, tradisional atau lain-lain. Semua ubat ini kini sedang dikawal dan perlu didaftar di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah 1984 yang dibuat di bawah Akta Jualan Dadah 1952. Kawalan ini termasuk pendaftaran ubat, produk dan pelesenan, pengimportan, pengilangan dan pemborong.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga membangkitkan berkaitan dengan pemisahan antara doktor dan juga ahli farmasi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit tentang ubat tradisional ini. Adakah kementerian Yang Berhormat menyiasat punca penerbitan ubat-ubat ini, misalnya kalau dia buat makjun – dikaji ditempat buatnya, dibuat daripada apa. Kalau Tongkat Ali itu betulkah Tongkat Ali, kalau tidak Yang Berhormat pun nama Ali, dia ambil tongkat Yang Berhormat potong-potong pun boleh juga buat serbuk. *[Ketawa]*

Jadi, Yang Berhormat orang nama 'Ali' sekarang ini bawa tongkat itu baik-baik, tongkat itu boleh laku. *[Ketawa]* Kita tahu Tongkat Ali sejenis pokok yang susah hendak dicari. Contohnya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar kata, kena tarik daripada belakang, kena selawatlah. Ini memang, Tongkat Ali bukan boleh cabut begitu sahaja.

Jadi, semua payah hendak dicabut, dia cari tongkat Yang Berhormatlah. Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat kaji daripada misalnya hendak buat makjun. Saya telah bangkitkan dahulu cerita seorang itu dia jual makjun, masa saya kecil-kecil, singgah di Pekan Rabupun macam itu juga. Singgah di Pekan Rabu itu kita tengok dia buat ubat. Dia buat makjun, makjun itu kalau "makan siang berak jauh, makan malam berak dekat". Sebab takut hendak pergi jauh, malam-malam pergi berak dekat sebab apabila makan dia ubat sakit perut.

Apabila kita kaji dan tengok makjun itu dibuat, katanya menghambatkan angin. Apabila kita makan memang angin keluar ikut atas dan ikut bawah. Rupanya ia diperbuat daripada 'biji cempedak'. Dia tumbuk 'biji cempedak' ini dia buat makjun. Tun Yang di-Pertuaupun sudah banyak termakan ubat ini dibuat daripada biji cempedak, makan memang kentut elok, orang kampung apabila makan kentut, belahak elok ini ubat itu bagus, walhal dibuat daripada biji cempedak sahaja. Itu tidak termasuk biji durian lagi.

Jadi, Yang Berhormat kena kaji apabila ubat tradisional kena kaji. Kalau misalnya dia buat air gamat. Gamat ini bukannya senang untuk memelihara gamat. Kadang-kadang air gamat ini sahaja berpuluh-puluh tahun. Dia ada seekor gamat itu sahajalah. Dia buat air

gamat, kita apabila tengok air gamat, minyak gamat dan macam-macam gamat lagi kita beli tetapi kita tidak tahu *source* nya dibuat di mana?

Jadi, saya minta adakah kementerian Yang Berhormat apabila meluluskan tentang permit, tentang syarat, tentang lesen, kena kaji dahulu. Saya tahu di bawah kementerian Yang Berhormat ada Institute of Medical Research. Tadi saya bangkitkan tentang orang makan - Tuan Yang di-Pertua tidak dengar lagi - orang makan durian, saya daripada kecil-kecil lagi tahu, orang makan durian, kalau dia makan Panadol dia mati tetapi orang kampung apabila mati dia tidak katalah pasal dia makan durian, makan Panadol. Tetapi kita kena buat kajian apa ada dalam durian, apa ada dalam Panadol. Pasal apa boleh berlaga ini, begitu juga dengan kawan saya katakan di belakang ini apabila dia minum brandy, whisky, makan Panadol, gol.

Jadi, apa ada dalam Panadol, apa ada dalam brandy ini? Kita kena kaji, kementerian Yang Berhormat kena kaji dan kena buat 'medical research' ini kena tahu benda-benda ini. Beritahu kepada rakyat bahawa kalau makan durian, jangan makan ubat Panadol. Saya sampai sekarang ini takut kalau lepas makan durian, tidak makan ubat. Sebab kita takut kalau ubat lain daripada Panadolpun kita takut hendak makan. Takut gol.

Tuan Yang di-Pertua, gol

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:bukan bola sepak ini gol.

Tuan Yang di-Pertua: Bolakah itu?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Bukan gol bola, ini gol [Ketawa] lain. Bukan gol bola - mati. Kadang-kadang kerana makan ini mati.

Jadi, orang kampung ini apabila mati dia tidak masuk surat khabar. Sekarang inilah apabila mati makan Tongkat Alikah, ada keluar surat khabar. Sebab kita punya media ini luas. Dahulu mati di kampung tidak ada apa-apa sahaja.

Jadi, saya minta Institute of Medical Research ini mengkaji perkara-perkara ini supaya kita tahu puncanya, apa yang dibuat. Kalau gamat betulkah gamat, kalau Tongkat Ali, betulkah Tongkat Ali, bukan tongkat Yang Berhormat. Sekian. [Ketawa]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Pokok Sena kerana permohonan Yang Berhormat saya akan mintalah MR kaji durian dengan...apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Cempedak

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Dengan alkohol ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan biji cempedak, Yang Berhormat. [Ketawa]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ha, biji cempedak. [Ketawa] Tetapi hendak menggunakan 'tongkat' saya ini hendak buat ubat, walaupun Yang Berhormat setuju makan, saya kena tanya orang rumah saya dahululah. [Ketawa]

Kementerian memang membuat kajian yang teliti berkaitan dengan ubat tradisional, seperti contoh, walaupun kita telah mendapat 17,421 permohonan ubat tradisional untuk didaftarkan dari tahun 1985 hingga 1998 tetapi yang kita daftarkan cuma 7,819 sahaja. 7,190 kita tolak kerana kita dapati tidak mengikut spesifikasi yang diperlukan. Dalam kita memberi kebenaran ini kita melihat daripada mana asal-usul ubat ini sama ada daripada daun-daun ataupun akar-akar ataupun rempah-rumpai dan sebagainya. Kerana itu janganlah orang ramai bimbang bahawa setiap ubat tradisional yang kita benarkan telah diselidiki oleh pakar-pakar pengkaji kita yang terdapat di Kementerian

Kesihatan. Kerana itu ubat-ubat yang telah kita benarkan ini adalah selamat untuk digunakan.

Jadi, jika Yang Berhormat ada apa-apa cadangan lain, bolehlah kemukakan. Pakar-pakar MR akan sentiasa boleh membantu untuk membuat kajian untuk menambahkan lagi bilangan ubat tradisional di dalam negara kita. Kerana itulah kerajaan kini juga sedang menggalakkan beserta dengan Kementerian Pertanian iaitu herbal medicine supaya orang ramai dapat menanam ubat-ubat yang berasaskan akar ataupun daun-daun, rumput-rumpai dan sebagainya yang mana bahan-bahan ini banyak terdapat di dalam negara kita.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar ada sebut tadi berkaitan dengan pemisahan antara doktor untuk mendiagnos dan menskrip dari peranan masing-masing. Kementerian memang bersetuju secara prinsipnya dengan cadangan untuk memisahkan peranan preskripsi dari mendisprint oleh pengamal perubatan. Walau bagaimanapun, memandangkan kekurangan ahli farmasi dan kedai-kedai farmasi, pemisahan ini tidak dapat dilakukan buat sementara waktu. Pada ketika ini nisbah ahli farmasi kepada penduduk ialah 1 ahli farmasi 9,297 penduduk, manakala di negara-negara maju di mana kedua-dua peranan ini telah diasingkan nisbah ahli farmasi adalah 1 bagi setiap 5,000 penduduk. Kerana itu kita perlu melahirkan lebih ramai lagi ahli farmasi sebelum tugas doktor dan ahli farmasi ini dapat dipisahkan.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berminat hendak tahu fasal doktor homeopathy ini sebab dekat rumah saya pun saya tengok ada. Jadi, adakah dilesenkan atau macam mana kedudukannya. Itu sahaja.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Homeopathy juga kita lesenkan. Jadi, jika ada dekat rumah Yang Berhormat premis homeopathy ertinya telah dilesenkan. Kalau tidak ada lesen, kena beritahu, saya boleh semaklah. Kalau dia tidak ada kebenaran kita boleh batalkan ataupun boleh diambil tindakan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat. Cukup popular Yang Berhormat hari ini.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa kerajaan belum lagi memisahkan antara pembahagian ubat melalui klinik dan juga gedung perubatan ataupun farmasi ini. Bilakah agaknya rancangan kerajaan membuat pemisahan ini kerana kalau kita lihat negara-negara jiran sekeliling kita telah pun mengamalkan perkara ini dan di negara kita salah satu yang dikatakan tadi masalah adalah kekurangan farmasi. Dari segi statistik perancangan memperbanyakkan farmasi ini berapa tahunkah lagi kita boleh laksanakan program ini oleh kerana kita sudah banyak sekolah ataupun institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang mengadakan kursus-kursus farmasi ini.

Ada beberapa implikasi sebenarnya. Ada kebaikan dan juga ada keburukan jika kita implimentasikan. Adakah kerajaan telah mengkaji apakah kesan-kesan yang telah berlaku di negara jiran akibat daripada pemisahan ini. Yang ketara di negara jiran ini ialah kos perubatan kalau kita lihat baik di sebelah Utara, Selatan ataupun sekeliling negara kita, kos perubatan melonjak begitu tinggi. Apa yang kita lihat dalam drama negara jiran atau wayang-wayang bila sahaja seseorang itu sakit, maka salah-satu penderitaan yang mereka alami ialah membiayai kos perubatan jikalau sakit dan ini memang betul.

Jadi, di negara kita kalau kita beri ataupun doktor-doktor swasta ataupun hospital memberi terus ubat-ubat ini, caj perubatan adalah termasuk sekali dengan kos perunding dan juga harga ubat tetapi jikalau dipisahkan ia ada dua caj yang berasingan iaitu caj perundingan dan juga harga ubat yang akan dibeli daripada farmasi. Apa yang berlaku ialah kebanyakan doktor swasta ataupun doktor-doktor ini dia arah beli ubat di farmasi tertentu tetapi sebenarnya farmasi itu dia juga yang punya, dia adalah pemegang saham dan dia memang ada margin tertentu supaya harga ubat itu melambung tinggi dengan harapan keuntungan juga akan diambil daripada kedai farmasi yang ditubuhkan itu.

Jadi, apakah kerajaan melihat perkara ini sebelum dilaksanakan memastikan bahawa supaya kos perubatan di negara kita ini tidak melambung tinggi seperti yang berlaku di negara jira dan kita tidak mahu nanti apabila kita laksanakan begitu cepat rakyat belum bersedia, maka akan menjadi rungutan lagi kesusahan, kesukaran kepada rakyat di negara kita ini kerana mahu tidak mahu pembelian ataupun bekalan ubat ini adalah satu perkara yang wajib. Kalau kita sakit, Tuan Yang di-Pertua, apa pilihan? Tidak ada pilihan. Kita mesti mendapat rawatan. Pilihan yang paling akhir ialah kita tidak berubat dan Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi kata 'gol'lah jawapannya kalau kita tidak beli ubat. Tetapi dalam keadaan biasa kita tidak ada pilihan. Jikalau kita sakit mesti kita menerima rawatan dan juga membeli ubat tetapi kalau banyak rakyat kita yang belum bersedia dan kos perubatan ataupun pembelian ubat secara berasingan ini begitu tinggi, maka ini mungkin akan membebankan rakyat di negara kita. Jadi, saya minta penjelasan sebelum saya terus kepada perkara lain. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat jika sekarang ini kita laksanakan pemisahan antara farmasi dan tugas doktor mengikut undang-undang sudah tentu kos perubatan akan meningkat kerana bila dia pergi buat pemeriksaan doktor dia kena bayar katakan RM15, lepas itu hendak beli ubat satu lagi caj. Sedangkan sekarang jika dibuat sekali mungkin RM15 itu termasuk kos ubat. Kerana itulah selagi jumlah anggota farmasi ini tidak cukup, kerajaan tidak akan memisahkan tugas farmasi dan juga pakar perubatan ataupun doktor walaupun kita ketahui bahawa mungkin akan berlaku juga pakatan antara doktor perubatan dengan ahli farmasi tetapi sudah tentu kita ada kaedah bagi menentukan supaya pakatan ini dapat diminimumkan jika adapun berlaku menerusi peraturan-peraturan yang akan diperkenalkan apabila perkara ini dijadikan peraturan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah farmasi kita macam saya sebutkan tadi adalah seorang farmasi dengan penduduk 9,267. Penduduk negara kita tahun ini adalah lebih kurang 21.5 juta, anggota farmasi 2,320. Untuk mencapai angka 5,000 penduduk, kita perlu mengeluarkan farmasi hingga jumlah 4,000 lebih iaitu pada tahun 2005 sahaja baru kita boleh mencapai satu ahli farmasi penduduknya 5,829. Bila tiba angka 5,829 sahajalah baru Kementerian akan mempertimbangkan pemisahan tugas kedua-dua ahli profesion tadi. Pada tahun 2005 jumlah penduduk Malaysia 24.6 juta. Jumlah ahli farmasi dijangka 4,220, sekarang ini 2,320, bermakna ada tambahan lagi kurang dalam 1,900 orang ahli farmasi akan bertambah mulai tahun hadapan, tahun 2000 hingga tahun 2005. Jadi, bermakna 1,900 bahagi 6, setahun kita tambah dalam 300 lebih orang. Jadi, berertinya tahun 2005lah sahaja baru perkara ini dapat kita laksanakan atau dipertimbang untuk dilaksanakan.

Kementerian ataupun kerajaan sudah tentu akan mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang serius. Walaupun ianya dipisahkan beban kepada rakyat kita akan pastikan tidak bertambah walaupun perkara ini akan dipisahkan. Saya ingat sudah jawab habis ya. Wakil....ya daripada Pokok Sena.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri berhubung dengan ubat-ubat terutama sekali ubat homeopathy dan ubat asli (ubat tradisional). Saya tengok kadangkang ubat ini di botol ataupun di kotak-kotaknya tertulis satu ubat itu sampai dua puluh,

tiga puluh penyakit dihilangkan. Misalnya, minyak angin boleh hilangkan sakit perut, sakit kulit, sakit badan, sakit gatal sampai empat puluh. Adakah benda ini sudah disiasat betulkan ataupun dalam empat puluh itu salah satunya akan jadi baik tetapi kadang-kadang di kota ataupun di botol, satu-satu jenis, saya tidak perlu sebut ubat ini tetapi kebanyakannya. Jadi, ini sebagai advertisement ataupun boleh membohong ataupun perkara yang tidak betul kepada masyarakat kita. Bila dia tengok dia sakit perut, misalnya, dia tengok ada satu minyak angin itu macam-macam penyakit boleh hilang, jadi dia beli. Ini kadang-kadang boleh dikirakan sebagai advertisement yang tidak betul. Jadi, adakah kementerian juga mengkaji perkara ini. Bila hendak diluluskan permit ataupun lesen itu; mesti dikhususkan ubat ini untuk penyakit tertentu. Kalau dua, tiga itu tidak apa, kadang-kadang sampai tiga puluh, empat puluh penyakit boleh hilang ini, apa ini? Jadi, saya minta penjelasan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Adakah penyakit tiga puluh, empat puluh boleh hilang dengan satu ubat sahaja. Yang Berhormat pernah tengok? Sebenarnya satu ubat ia boleh sembuhkan beberapa jenis penyakit. Misal kata, Tongkat Ali, ini ubat tradisional. Ia boleh hilangkan angin sebab kalau kita minum ia boleh buang angin. Jadi, bila angin kurang ia boleh ubat sakit kepala kerana jika kita banyak keluarkan angin, jadi kepala kita akan kurang sakit sebab angin yang banyak itu biasanya naik ke atas, jadi bila ia turun ke bawah angin kurang, kepala pun sihat. Jadi, bila kepala pula sihat, darah bertambah cergas, jadi bila sudah.... [*Disampuk*] ha, ini pakar tradisional. Jadi, bila darah bertambah cergas, maka tenaga bertambah kuat, jadi bila tenaga bertambah kuat kerja pun bertambah baiklah. Jadi, ia ada kait-mengait, fasal itu satu ubat itu ia jadi banyak penyakit boleh ubatkan sekaligus. Itulah disebutkan satu ubat ini ia boleh ubat bermacam-macam jenis penyakit.

Sebenarnya benda itu ia ada kait-mengait. Jadi, ini untuk menarik lagi perhatian orang ramai, maka disebutkanlah semua jenis. Sebenarnya matlamatnya satu ya, untuk memperkuat tenaga tetapi kalau sebut sahaja kuat tenaga, ada orang dia tidak perlu tenaga itu kuat tetapi dia selalu kepala pening. Sebenarnya kepala pening kerana angin dia tidak keluar. Jadi, begitulah orang yang jual ubat tradisional ini dia kempen di tepi jalan ini, dia laku.

Tuan Haji Hamzah bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan mengenai gelaran doktor homeopathy ini. Orang hendak mendapat gelaran doktor, kalau Ph.D berpuluh tahun baru mendapat gelaran doktor. Begitu juga perubatan memakan masa yang lama tetapi kadang-kadang doktor homeopathy ini tiba-tiba sahaja mengambil kursus setahun, dua tahun sudah bergelar doktor. Ini mengelirukan terutama sekali orang kampung. Ada seorang kawan saya itu tiba-tiba bergelar doktor, jadi pensyarah, pendakwah, jadi untuk menarik perhatian orang ramai dia letak gelaran doktor di pangkal nama dia. Jadi orang ingat begitu hebatlah seorang doktor, mungkin Ph.D dan sebagainya. Jadi gelaran doktor bagi homeopathy itu patutlah dikaji supaya jangan hanya dengan kursus pendek dan sebagainya boleh bergelar doktor. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, doktor homeopathy ini diiktiraf di peringkat antarabangsa, dia ada persatuannya dan dia ada majlisnya kerana itu doktor homeopathy ini adalah satu lagi pilihan kepada orang yang ingin merawat penyakit jika tidak berjaya dengan ubat moden, dia boleh ubat secara tradisional iaitu ubat homeopathy. Oleh kerana itu orang yang mengubat orang ini semuanya dipanggil doktor. Jadi, sebab itu di peringkat antarabangsa bersetujulah nama doktor ini digunakan. Jadi, kalau kita hendak tarik balik penggunaan ini kita kena dapatkan persetujuan antarabangsa.

Bagaimanapun kita boleh pilih, kalau sudah tidak berjaya ubat moden apalah salahnya kita cuba ubat tradisional, yang juga ada bukti berjaya walaupun tidaklah sehebat ubat moden tetapi bukti di dalam apa yang telah berlaku memang ubat homeopathy juga

telah menyumbang kepada kesihatan manusia. Begitu juga ubat-ubat tradisi yang lain. Cuma ubat tradisional tidak ada lagi nama yang diberi sebagai doktor tradisi tidak adalah. Yang ada setakat ini dua sahaja, doktor perubatan moden dan juga doktor homeopathy. Satu lagi itu doktor Ph.D iaitu doktor falsafah, itu mungkin tidak masuk kira dalam perubatan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri secara agak panjang lebar tadi memaklumkan kita sekali lagi pada hari ini tentang peranan selain daripada ubat-ubat yang berbentuk medical yang moden tetapi kita juga jangan menolak bahawa ubat-ubat tradisi itu dianggap sebagai kuno. Ada juga kebaikan kepada ubat-ubat yang tradisi. Saya hendak juga membawa satu isu. Saya terbaca dalam majalah *Times Magazine – The Future of Medicine*. Di situ, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'How Genetic Engineering Will Change Medicine in the Next Century'. Saya hendak bertanya dalam bil yang dikemukakan ini, adakah bil ini selain daripada mengawasi ubat-ubat sama ada ubat-ubat itu datangnya daripada ubat-ubat yang diusahakan oleh kilang-kilang perubatan tempatan atau luar negeri yang moden, sekarang yang ada ataupun mengawal ubat-ubat secara tradisi.

Saya hendak tanya juga bahawa kalau kita melihat dari segi industri ubat ini atau the future medicine, jelas sekarang ini, kalau kita lihat, minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi sejarah, bahawa kalau semenjak Perang Dunia Yang Pertama, kalau sebelum itu kita sudah melihat dahulu dengan penyakit demam selesema tertentu, 20 juta orang meninggal di Europe kerana tidak ada ubat yang boleh mengubat penyakit demam-demam yang biasa tetapi apabila selepas Perang Dunia Yang Pertama, ada penemuan ubat, ini boleh dianggapkan ubat moden abad ke-20 iaitu seperti antibiotik – Yang Berhormat Timbalan Menteri pun bercerita tentang antibiotik tadi, lepas itu vaksin. Dengan dua sahaja bentuk ubat yang baru dalam abad ke-20 yang moden ini, kita dapati kajian di Barat telah dapat menambahkan umur-hayat ataupun the life-age ataupun life spent manusia di dunia ini, kalau dahulu di Barat hanya 40 tahun sudah menjangkau sekarang 70 tahun. Di negara kita pun begitu juga. Kita berdoa semoga orang-orang Barisan Nasional sahaja yang panjang umur ini, yang sana itu tidak payahlah, tidak usah beri ubat kepada mereka, mati cepat sedikit senang. [Ketawa] Tarik baliklah, ini tuduhan tidak baik, saya tarik baliklah, tidak berapa sesuai.

Namun cara mereka berhujah, malam-malam itu, tetapi ini kawan saya bercakap dengan MCA, yang dari Kubang Kerian itu, dia lain sedikit. Dia bercakap pun. tetapi saya sayu sedikitlah. Dia bercakap pun, dia bercakap dengan MCA, tidak hendak cakap dengan UMNO. Dia tinggalkan tempat itu, dia bercakap dengan MCA itu, saya tidak berapa setuju tetapi kalau tinggalkan tempat itu, dia bercakap dengan UMNO, lagilah kita bersetuju. Tetapi dia baiklah. Dia ini lain daripada yang lain. Di Rompin pun dia tidak mahu datang.

Berbalik kepada bil yang kita bentang dalam Dewan ini memberikan kuasa kepada kerajaan, kepada kementerian untuk mengawal ubat-ubat yang ada seperti ubat antibiotik, vaksin. Kita bersyukur ubat ini ada dalam dunia, ada dalam negara kita dan dapat menambahkan jangka hayat daripada 40 tahun hingga ke 70 tahun. Tetapi saya hendak bertanya, menjangkau kita ke dekad yang akan datang seperti yang saya bawa tadi di Dewan yang mulia bahawa peranan dunia perubatan - *medicine for next century* ialah peranan *genetic engineering* (GM) itu sendiri. Timbullah konsep-konsep *GM food*, *genetic modified food*. Makanan-makanan di mana gen dalam makanan itu diubahkan dan begitu juga dalam dunia perubatan sendiri, peranan dalam magazine *Time* ini, ada kalanya baik dan ada kalanya tidak berguna. Dalam medical ini bolehlah kita ikutnya, dalam politik jangan ikut dia. Ini dia kata "*how genetic engineering will change the medicinal industry next century*". Bila bil ini dibentangkan di dalam Dewan, saya hendak bertanya adakah bil ini juga telah disesuaikan atau ada peruntukan-peruntutannya bagi mengawasi jenis ubat yang baru nanti akan dikemukakan kepada pasaran .

Macam kita minta dalam *the next revolution* atau tadi dia kata revolusi yang pertama, selepas abad ke-20 ialah pengendalian ubat-ubat seperti antibiotik dan vaksin dan ubat-ubat yang lain, ubat moden. Sekarang dijangka dalam dekad yang akan datang Datuk Timbalan Menteri dapatkah beri sedikit penjelasan bahawa katanya *the next medical revolution*. Dahulu *medical revolution* yang pertama memperkenalkan ubat-ubat yang antibiotik dan vaksin ini supaya jangka hayat dapat meningkat dari 40 tahun ke 70 tahun. Pendekatan yang baru *the next revolution* dengan izin, bahawa dengan penggunaan *genetic engineering* ini juga akan dapat satu bentuk ubat-ubatan yang berbentuk baru.

Sebagai contoh, adalah dijangkakan bahawa penyakit kanser tidak mungkin dapat diselesaikan dengan ubat-ubat tradisional yang ada sekarang seperti antibiotik atau jenis vaksin yang ada. Tetapi dijangkakan dengan menggunakan *genetic engineering* bahawa kemungkinan akan dapat diselesaikan atau dapat dicari dalam bahasa Inggeris - *you can menggunakan genetic engineering dengan izin they can find cure for cancer*. Itu harapan dia. Harapan yang diunjurkan dalam makalah-makalah, *medical journal* yang ada sekarang ini bahawa dengan menggunakan pendekatan *genetic engineering* ini, *genetic science* berkemungkinan dapat menyelesaikan masalah penyakit kanser.

Begitu juga andaian yang dibuat di dalam makalah-makalah termasuk *Time magazine* ini bahawa penyakit-penyakit seperti penyakit jantung ini Tuan Yang Dipertua. Dengan menggunakan *genetic engineering* ini bahawa blood vessel atau urat dalam jantung kita, dengan menggunakan *genetic engineering* dapat dibuat menjadi muda kembali. Ini lebih baik daripada Viagra. Viagra ini sebabkan darah jadi kuat, laju sahaja. Ini saluran itu menjadi baru. Ini unjuran. Bermakna pertumbuhan sel yang sekarang ini makin lama kalau kita makin tua, makin ada melalui *aging process* tetapi dengan menggunakan *genetic engineering*, dia kata sel ini dapat menjadi muda kembali. Ataupun dengan izin, *they will arrest the aging of the cell*. Itu kalau kena langgar kereta, kalau sudah sampai masa dia itu, kalau dia masih muda dilanggar oleh kereta, mati juga. Ini kita ketepikan isu qada dan qadarlah. Tapi dari segi biologinya bahawa dengan menggunakan *genetic engineering* ini berkemungkinan juga kata *the process of aging can be delayed or can be arrested*.

Saya hendak bertanya kepada Datuk Timbalan Menteri di Kementerian Kesihatan, adakah kementerian melengkapkan dengan kepakaran dalam kementerian kerana saya difahamkan ada pakar-pakar kita dalam bidang *genetic* ini. Baru-baru ini saya sempat berjumpa seorang pakar daripada Universiti Sains di Kelantan. Kita tidak kekurangan kepakaran di dalam negara kita tetapi keluhan yang beliau maklumkan, macam kita ini kurang mendekati mereka dan kalau pakar kita ini selalu pergi keluar negeri. Saya yakin mungkin kementerian sudah ada pakar tetapi kepakaran ini, saya minta supaya beri penjelasan sedikit, adakah kepakaran ini kita dapat dari luar negara ataupun kita ada pakar-pakar kita dalam bidang genetik ini. Dalam bidang gene ini, kita juga menghadapi satu perkara yang agak sensitif sedikit. Kita tahu dahulu sudah ada satu penemuan dalam akhbar yang dipanggil '*the doly's*' dia buat satu *science gene* bahawa telah wujudkan satu replika kambing *the doly*. Ini kita baca dalam akhbar.

Bermakna akan datang, kepakaran atau ilmu *genetic science* ini kalau dijaga dengan baik dan ilmunya digunakan dengan baik ada membawa manfaatnya kepada manusia. Tetapi kalau salah gunanya boleh membawa kepada perkara-perkara yang menyentuh isu-isu moral dan isu-isu agama. Setakat ini, bagaimana kementerian? Adakah kita mengawal *genetic engineering technology* ini. Kalau tidak kawal, nanti kita takut PAS, Kubang Kerian dia guna teknologi klon, dibuatnya seratus ribu klon, kalau macam Kubang Kerian itu saya tidak takutlah. Takut dia jemput seribu klon orang-orang seperti Bachok, beratlah kita. Saya kalau seribu klon macam Kubang Kerian itu saya ingat dia masih berkawan dengan saya lagi. Saya tidak perlu bimbang sangat. Seribu klon macam

Bachok, seribu klon bukan macam Nik Aziz, anak Nik Aziz. Seribu orang macam itu dia pukul anak sekolah sahajalah. Ini kemungkinan penyalahgunaan tentang klon.

Saya hendak bertanya juga, kalau boleh Datuk Timbalan Menteri dengan peluang ada ini, bahawa di Barat mereka merasakan isu *genetic engineering* ini amat penting kepada ekonomi negara mereka, bukan sahaja kepada kesihatan rakyat negara mereka tetapi juga kepada ekonomi negara mereka. Sebab itu dalam isu gene ini dia hendak *map the DNA*. Dia hendak *decode* dalam manusia ini ada seratus ribu gene. Dia hendak cari peta-peta gene ini di mana rahsia-rahsia mencari dan menentukan sifat-sifat. Kalau dapat mereka tentukan tiap-tiap sifat seratus ribu gene ini, mereka akan mengetahui sifat-sifat dalam badan manusia sepenuhnya. Maknanya dia boleh menentukan bentuk mana manusia itu dan boleh ubahsuai manusia itu pada peringkat ia belum dilahirkan.

Barat belanja tiga billion Datuk Timbalan Menteri untuk mendapatkan *mapping DNA* ini. Mereka merasakan projek *human genome project* ini dianggap amat penting kepada Barat sehinggakan ia menganggap projek ini seperti pentingnya projek Manhattan mereka, untuk mendapatkan projek nuklearnya. Untuk menjadikan kuasa nuklear, itu projek Manhattannya. Dia merasakan projek ini penting seperti juga projek yang diumumkan oleh Presiden F. Kennedy untuk menghantar manusia ke bulan. Ini penting dianggap oleh Barat. Mesti ada pengetahuan dan ilmu dalam bidang DNA *genetic engineering*.

Oleh itu, untuk kepentingan kesihatan kita hendak tahu sama ada kementerian ada kepakaran dalam bidang ini. Sebab apa kita takut, yang pertama, nanti akan dihantar ubat yang di mana menggunakan *genetic system technology* Yang kedua dalam bil ini, dia kata mengawasi juga jenis makanan untuk binatang. Sudah ada sekarang makanan di mana gene ini sudah diubahsuai ataupun GM food - Genetic Modified Food. Sekarang ini sudah ada jenis-jenis makanan seperti jagung GM corn, GM modified wheat sudah ada.

Saya hendak bertanya, adakah kita ada peraturan untuk memastikan mereka yang membawa makanan-makanan yang berbentuk di mana gene ini sudah diubahsuai, sudah ada kuasa dalam bil ini untuk mengawasinya. Nanti esok, kalau makan GM modified food ini nanti keluar telingagigakah, keluar kaki tigakah. Ini bagus ini, sekarang UMNO pergi cakap dengan PAS pulak. Saya rasa kalau boleh Pokok Sena, jemput dia datang ke Pokok Sena. Ini saya boleh keluar dalam akhbar. Ini satu konspirasi. Ini saya boleh kata bahawa ADIL jaga. Sudah ada konspirasi di antara PAS dan UMNO, ingat itu ADIL. Masuk suratkhbar. Sudah ada satu konspirasi di antara PAS dan UMNO untuk bersama-sama kita menjatuhkan ADIL. Pastikan ADIL tidak akan menang satu kerusi pun dalam pilihanraya akan datang. Setuju. Yang seorang lagi itu, setuju juga. Yang situ pun setuju juga. [Ketawa].

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kami bincang macam mana hendak buat bendang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Ketawa]. Itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan penjelasan daripada kementerian kerana isu seperti yang saya katakan, isu peranan *genetic science* dalam perubahan amat penting di dekad yang akan datang. Bil ini sudah tentu akan dikuatkuasakan tidak lama. Sudah semestinya berkuat kuasa di dekad akan datang. Apakah persediaan kita, sebab ini amat penting sekali.

Yang kedua, masih dalam isu gene ini. Ia juga akan membuka peluang kepada syarikat-syarikat besar untuk melabur dalam bidang *pharmaceutical* yang baru. Saya hendak bertanya juga, adakah bil ini ataupun kementerian sendiri ada pendekatan dan caranya untuk mengawasi mereka ini dari menghantar ubat-ubat di mana dia menggunakan dan mengubahsuai gene dalam ubat-ubat itu. Ini penting, kalau tidak nanti kita lihat mereka yang terlibat dalam industri ini amat besar sekali.

Berbalik kepada isu tadi bahawa penyelesaian kepada *decoding* seratus ribu gene ini, pada peringkat awalnya dijangka bahawa *decoding* untuk seratus ribu gene ini hanya akan dapat diselesaikan pada tahun 2005. Tetapi akhir-akhir ini ada unjuran baru yang mengatakan bahawa boleh diselesaikan dalam 2002. Dua tahun lagi bahawa peta DNA seluruh manusia sudah ada di tangan manusia. Maknanya manusia sudah boleh mengubah ciri dan sifat kemanusiaan itu sendiri. Ini akan menjadi satu isu moral yang besar, isu agama yang besar. mungkin.., tidak tahulah kementerian sudah melihat isu ini.

Yang akhir, saya minta penjelasan sedikit tentang isu *gene base drug* ini. *Gene based drug* ini kalau dahulu kalau kita rasa hendak makan ubat kita kena beli ubat. Akan datang Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak makan ubat tidak payah makan ubat. Hendak makan ubat, makan sayur sahaja. Nanti minta penjelasan. Maknanya ubat itu sudah diletakkan dalam sayur itu sendiri, dipanggil *genetic inserted vegetable*. Adakah bermakna sekarang, kalau kementerian hendak mengawasi sekarang, dia tengok mana-mana ubat. Tetapi ubat itu tidak ada dalam ubat, sudah ada dalam sayur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat ini Yang Berhormat berucap ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak minta penjelasan daripada dia. Sebab banyak benda hendak minta jelas sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Saya tengah perhatikan bahawa cara ini bukan hendak minta penjelasan. Cara ini, cara berucap.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cara berucap, oleh kerana itu saya mintalah Datuk Timbalan Menteri jawab dulu, mungkin saya boleh tanya nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rompin, yang nampaknya pakar genetic engineering, boleh jadi *genetic engineer*lah, engineer elektrik.

Saya suka maklumkan bahawa Akta Jualan Dadah yang kita bentangkan hari ini merangkumi semua jenis ubat termasuk *genetically modified or engineering drugs* Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi. Oleh kerana jika ada mana-mana pihak yang menghimpun drugs yang melanggar peraturan-peraturan ataupun drugs yang dibenarkan maka tindakan boleh diambil mengikut akta yang kita luluskan pada hari ini. Sekarang pun kita dapati telah terdapat ubat-ubat yang dicipta melalui *genetic engineering* tetapi belum lagi ditemui kalau makan ubat itu boleh hidup 100 tahun ataupun 150 tahun. Perkara ini mungkin lebih awal lagi. Bagaimanapun kita akan mengikuti perkembangan ini sama ada dengan memakan sayur sahaja macam Yang Berhormat Rompin sebut sudah cukup untuk menjaga kesihatan dan tidak perlu makan ubat-ubatan yang lain.

Perkembangan sains kesihatan ini sudah tentunya akan terus berkembang dan kementerian akan terus mengikuti perkembangan ini. Bagaimanapun, ketika ini tidak ada ubat-ubat yang berasaskan genetic engineering yang boleh mengubah keadaan manusia sebegitu rupa seperti yang dijangkakan pada tahun-tahun yang mendatang, sebab itu tidaklah perlu bimbang bahawa semua perkara genetik yang dimasukkan ke dalam ubat ataupun yang diproses menerusi *genetic engineering* adalah terkawal dan kita memberi kebenaran kepada perkara-perkara ubat yang dibenarkan sahaja iaitu ia berasaskan kepada keluaran akhir yang dihasilkan ataupun *final dosage form*.

Sebenarnya *genetic food* juga ada terdapat juga satu yang kita import yang dibenarkan iaitu yang berasaskan soya bean. Yang lain-lain kita tidak benarkan. Ini untuk menjaga kesihatan orang ramai kerana kita dapati walaupun ada unsur-unsur genetik dalam soya bean tetapi ianya tidak menjejaskan kesihatan umum. Ini juga diiktiraf di peringkat

antarabangsa sebab itu hingga hari ini hanya satu sahaja makanan genetik yang kita benarkan diimport ke negara kita iaitu yang berasaskan soya bean.

Saya suka juga memaklumkan bahawa ubat haiwan yang kita import ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan tentang GM Food ini. Saya sendiri baharu ini tahu bahawa negara ini sudah ada satu bahan makanan yang datang daripada *Gene Modified Family*. Saya rasa elok juga perkara ini dimaklumkan, mungkin kementerian kena maklumkan kepada orang ramai, mungkin seperti macam kita hendak buat rumah dipamerkan dahulu pelan-pelan itu kepada orang ramai dahulu, juga akan datang bila hendak bawa masuk GM Food (Genetic Modified Food) ini mungkin minta pandangan orang ramai sebab ini saya rasa kesannya walaupun Barat membenarkan tetapi masih ada kontroversi. Misalannya di Eropah tidak dibenarkan GM Food, hanya satu, dua negeri sahaja. Misalnya di UK masih kontroversi yang besar, Perdana Menteri, Mr. Blaire terpaksa membuat satu kenyataan di Parlimen. Satu Kertas Putih dibuat kerana beliau membenarkan GM (Genetic Modified Food) ini dibawa masuk.

Sebab itulah saya minta adakah kementerian juga patut ada dasar sedikit tentang Genetic Modified Food ini sebab kita takut nanti yang hantar ini ia ada kepentingan, keuntungan, so GM Food ini dieksport oleh orang-orang syarikat multinational yang besar. Ia tidak risau apa akan berlaku kepada environment kita, alam sekitar kita sebab kesannya nanti binatang yang makan buah itu, burung yang makan itu nanti ia berkembang dalam sistem eco kita. Sebenarnya Barat belum tahu lagi kesan yang sebenar sebab ini masih baru, ya. Di Jerantut ada GM Food? GM Ikan ada, Genetic Modified Fish mungkin ada di Sungai Jerantut. Saya minta pandangan sedikit.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Seperti yang saya sebutkan sebentar tadi bahawa genetic food yang kita benarkan hanya soya bean sahaja, yang lain itu tidak dibenarkan kerana soya bean ini memang diterima di seluruh dunia sebagai makanan yang selamat, sebab itu jangan Yang Berhormat bimbang. Hanya satu sahaja yang kita benarkan kerana ia diterima di seluruh dunia dan telah disiasat bahawa soya bean ini tidak memberi apa-apa mudarat kepada manusia. Jika ada yang lain yang ingin kita ambil sudah tentu kita akan isytiharkan kepada orang ramai tetapi setakat ini tidak ada apa-apa cadangan lain kecuali soya bean sahaja. Saya hendak beri contoh genetic engineering dalam drug ataupun dalam ubat yang kita import iaitu insulin untuk rawatan kencing manis dan juga vaksin yang kita import. Jadi, inilah dua contoh yang mempunyai genetic engineering di dalam ubatan yang diimport ke negara kita.

Berkaitan dengan kakitangan kementerian, pegawai kementerian telah pun kita hantar untuk pendedahan di dalam bidang genetic engineering ini supaya mereka lebih faham dan juga dapat mengikuti perkembangan-perkembangan ini untuk persediaan kita pada masa hadapan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya ingin beritahu juga.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Machang boleh. Beri saya sebut dahulu selepas itu Yang Berhormat. Saya tadi hendak sebut juga kerana Yang Berhormat tidak ada.

Yang Berhormat tadi telah membangkitkan isu berkaitan dengan lawyer menggunakan imuniti mahkamah dengan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan

kesihatan yang mereka sendiri tidak ada kepakaran dan juga pengetahuan di dalam bidang berkenaan maka beliau telah menggunakan mahkamah sebagai pentas politik. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa mahkamah tidak sepatutnya digunakan sebagai pentas politik oleh mana-mana lawyer yang duduk dalam dua kawasan iaitu sekali sebagai ahli politik dan sekali sebagai peguambela.

Oleh kerana itu tindakan yang dilakukan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong ini adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab, satu tindakan yang menghina profesion guaman itu sendiri, profesion politik bahkan juga menghina mahkamah itu sendiri dengan berbohong di dalam mahkamah. Saya sendiri menyokong penuh cadangan Yang Berhormat daripada

Seorang Ahli: Senator.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya institusi peguambela ini dipisahkan dengan ahli politik supaya ia tidak menggunakan pentas mahkamah sebagai pentas politik. Saya berharap Yang Berhormat Jelutong dapat memilih kalau hendak jadi ahli politik beliau tidak usahlah jadi peguambela, jadi peguamcara sahaja cukup. Kalau tidak, dia ada dua peluang dan membohongi di dalam mahkamah adalah merupakan satu perkara yang amat memalukan, satu perkara yang amat menghina mahkamah itu sendiri kerana itu wajarlah mahkamah ambil tindakan kepada beliau walaupun ianya immune kepada peraturan tetapi nampak beliau tidak berani *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan perkataan 'bohong' itu umparliamentary. Cuba elakkan diri daripada menggunakan perkataan itu.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ia tidak bercakap benar dalam mahkamah, sama juga ertinya dengan berbohonglah. *[Ketawa]* Bila beliau dicabar untuk cakap di luar mahkamah atau di luar Parlimen, nampaknya beliau tidak berani. Itulah kita katakan Yang Berhormat Jelutong ini pengecut. Ia bercakap sahaja pandai tetapi ia tidak tahu apa yang ia cakap sebab itulah beliau telah menggunakan isu arsenik ini sebagai bahan politik beliau. Padahal beliau tahu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Dalam konteks arsenik ini Tuan Yang di-Petua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudahkah suatu kajian atau penyiasatan secara terperinci dibuat, bagaimana keluarnya satu kenyataan menyatakan bahawa ada unsur keracunan arsenik dan satu lagi keluar isu mengatakan tidak ada daripada mereka yang mengamalkan perubatan? Adakah pihak kementerian sudah menyiasat penyelewengan yang dilakukan oleh para pengamal perubatan khususnya yang memegang jawatan dalam kerajaan?

Bagaimana cerita ini boleh berlaku, saya pun naik peliklah, seorang profesional mengeluarkan dua kenyataan yang berbeza, 8 orang doktor kata tidak ada, kemudian beberapa orang doktor kata ada dan kemudian kita dengar berita bahawa ini dibocorkan oleh cerita daripada dalam dan beberapa orang yang terlibat. Ini ialah sesuatu perkara yang amat serius terhadap doktor berkenaan kerana sikap beliau yang sedemikian itu boleh dianggap sikap menderhaka kepada negara yang boleh menjatuhkan, menjejaskan, memporak-perandakan negara ini.

Jadi, kalau ada perbuatan sedemikian, saya minta supaya pihak kementerian menyiasat siapa, bukan sahaja tatatertib, lebih daripada tindakan tatatertib mesti diambil kerana ini boleh menghuru-harakan negara kerana kenyataan atau pendapat profesional yang tidak profesional. Ini suatu perkara yang amat serius. Saya hendak minta penjelasan

Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah penyiasatan terperinci sudah dibuat dan jika sudah dibuat apa hasilnya dan siapa mereka yang bertanggungjawab ini?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa perkara ini telah dibangkitkan di dalam mahkamah oleh Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri dan juga oleh Karpal Singh yang menyatakan suatu ujian telah dibuat ke atas air kencing beliau yang mengandungi arsenik yang dibuat di luar negara dengan menggunakan nama samaran 'Subramaniam'. Ia tidak melibatkan pegawai-pegawai ataupun doktor-doktor dalam Kementerian Kesihatan dan perkara pembohongan ini telah dilakukan di mahkamah dan tindakan selanjutnya patut diambil kepada mereka yang membohongi dalam mahkamah ini tetapi diberitahu oleh Yang Berhormat Jelutong tadi bahawa beliau ada imuniti dalam mahkamah sebab itu tindakan tidak boleh diambil kepada beliau.

Oleh kerana itulah kita berpendapat mahkamah perlu juga mengambil tindakan dalam mahkamah sendiri kerana ia memberi kenyataan yang palsu dalam mahkamah. Ini adalah perkara yang boleh dilakukan oleh mahkamah sendiri kerana ia berbohong dalam mahkamah, di hadapan hakim dan hakim tahu ianya suatu pembohongan, jadi, manakah boleh mana-mana pihak membuat kenyataan bohong ataupun kenyataan tidak benar di dalam mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Sipitang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kita telah mendapat kenyataan ataupun laporan yang

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Petua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ia bersetuju dengan saya bahawa orang-orang profesional yang ada kepentingan dalam sesuatu kes sama ada peguam ataupun doktor perubatan yang ia ada kaitan dengan kes-kes yang sedang dibicarakan tidak boleh menjadi peguam ataupun mengendalikan kes tersebut, ini bercanggah.

Seperti Yang Berhormat bagi Jelutong, sebagai seorang profesional, lawyer yang mempunyai nama di Malaysia boleh membuat kenyataan palsu ataupun tidak betul dan tidak profesional di dalam mahkamah seperti keracunan arsenik bekas Timbalan Perdana Menteri, iaitu bahawa laporan perubatan yang disampaikan kepada beliau atas nama 'Subramaniam' bukan 'Anwar Ibrahim'. Ini sudah jelas bahawa spesimen itu pada ketika itu bukanlah milik Anwar Ibrahim tetapi milik Subramaniam. Dalam erti kata lain bahawa spesimen, keputusan makmal tersebut adalah keputusan untuk Subramaniam.

Sebagai profesional, saya sebagai seorang bekas pegawai perubatan, seorang doktor perubatan, kita memang tidak boleh mempercayai laporan kepada nama orang lain. Semestinya untuk laporan-laporan profesional mestilah nama individu tersebut, orang tersebut, secara betul dan tepat.

Jikalau digunakan nama orang lain, lebih-lebih lagi seorang profesional dan dalam mahkamah, maka orang ini tidak wajar. Saya tidak melihat bahawa beliau mempunyai kredibiliti sebagai peguam yang berwibawa sebabnya *Bar Council* kena tarik ataupun peguam-peguam Malaysia tidak mengiktirafkan beliau sebagai profesional kerana sudah terkeluar daripada landasan profesional beliau. Ini yang perlu kita lihat kerana rakyat Malaysia harus faham bahawa jikalau kita mengendalikan sesuatu kes itu secara profesional kita mestilah bersifat profesional, tidak terpengaruh dengan ciri-ciri kepentingan peribadi, emosi atau sebagainya, kita mesti memberi pendapat profesional. Kalau kes ayah kita sendiri pun, adik atau sesiapa sahaja, saudara mara kita, jikalau fakta

dia di situ, kita mestilah mengeluarkan pendapat kita secara profesional kerana kita orang profesional. Itu yang pertama.

Yang kedua, begitu juga dengan kes perubatan yang lain, misalnya kes pemeriksaan, kes liwat Sukma yang diperiksa oleh seorang doktor pada masa yang lalu mengatakan bahawa Sukma tidak ada tanda-tanda, tidak diliwat tetapi mengikut doktor yang lain pula bahawa Sukma telah pun dibuat pembedahan pembaikan anus, lubang di belakang, telah direpair, dibaiki. Bolehkah seorang pakar memberi pendapat profesional sebegitu tanpa membuat usul periksa.

Saya hairan mengapa seorang doktor pakar boleh missed ataupun tidak nampak kesan pembedahan dan jikalau tidak nampak kesan pembedahan mestilah di'relate' ataupun disangkut-paut dengan laporan perubatan, sejarah perubatan yang lalu. Sebab itu sebelum kita membuat satu diagnosis sesuatu penyakit, kita kena ambil history ataupun sejarah riwayat daripada awal sehingga akhir barulah kita membuat kenyataan. Jikalau kenyataan itu terus dikomplot mengatakan bahawa tidak pernah diliwat ataupun tidak pernah diperbaiki bolehkah dia missed ataupun terlepas pandang bahawa perkara itu sudah berlaku.

Jadi, inilah yang saya katakan bahawa mereka sudah tidak menggunakan akal fikiran secara profesional untuk kes-kes tersebut. Jadi, sebab itu saya bersetuju dengan Timbalan Menteri tadi dan apakah beliau bersetuju perkara ini diteruskan bahawa sebarang orang yang ada kepentingan peribadi ataupun kepentingan politik sesuatu kes, lebih-lebih lagi baru-baru ini kes Dato' Seri Anwar yang sedang dibicarakan ini yang begitu penting untuk negara, yang jikalau tersilap seperti kes Yang Berhormat daripada Jelutong tersilap mengatakan dan akibatnya kepada rakyat, kredibiliti dia sendiri, kredibiliti institusi guaman di negara ini juga telah pun tercemar. Begitu juga dengan suatu hari dahulu, kredibiliti doktor-doktor perubatan di Malaysia ini juga tercemar dengan kenyataan-kenyataan yang tidak profesional akibat daripada kepentingan diri sendiri ataupun politik. Jadi, ini yang kita kena tegaskan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti ada peluang lagi Yang Berhormat, panjang sangat nampaknya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya minta penjelasan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa semua pihak tidak kira ianya profesional ataupun peguam mesti mengikut cara profesional dalam menangani sesuatu kes, kerana itulah kita telah menyatakan bahawa apa yang berlaku di mahkamah tempoh hari adalah merupakan satu perkara yang dipolitikan oleh kumpulan yang berkaitan iaitu kumpulan Dato' Anwar Ibrahim, kumpulan DAP ataupun kumpulan Karpal Singh yang dengan sengaja menimbulkan perkara yang tidak betul ini iaitu perkara pembohongan ini untuk menimbulkan huru-hara dalam masyarakat supaya penyokong-penyokong beliau akan menunjuk perasaan dan akan bergaduh dalam bandar dan akhirnya boleh menimbulkan huru-hara dalam negara.

Inilah yang akhirnya kita lihat telah berlaku, apabila pembohongan ini berlaku maka terdapat penyokong-penyokong yang berarak sampai ke dalam Masjid Negara dan akhirnya memaki hamun kerajaan, memaki hamun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, UMNO, polis hingga sanggup membaling polis dan akhirnya kita melihat institusi agama juga telah dicemari. Dan yang peliknya parti PAS mengatakan perbuatan ini dibolehkan, pernah berlaku di zaman Nabi. Ini yang disebut oleh Mursyidulnya, saya tidak fikir Kubang Kerian setuju. Sebab zaman Nabi walaupun ada disebut, Nabi menjemput orang Yahudi masuk ke Masjid Nabawi di Madinah tetapi saya tidak fikir Nabi dijemput di situ, daripada dalam masjid ataupun di perkarangan Masjid Nabawi, maki hamun umat Islam ataupun umat Yahudi yang ada di luar, yang tidak setuju dengan Islam ataupun

dengan cara perdamaian yang sedang dilakukan pada ketika itu dan membaling batu, maki hamun dan sebagainya.

Jadi, menyatakan perkara ini pernah berlaku di zaman Rasul Allah adalah satu penghinaan juga kepada agama Islam. Inilah cara permainan politik pembangkang, yang inginkan menimbulkan huru-hara di dalam negara kita dengan menggunakan isu arsenik ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Lagi lima minit, lepas itu boleh Yang Berhormat

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak bersangkut dengan hal masjid-masjid ini. Saya hendak sambung hal doktor.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Berilah chance saya habiskan sedikit nanti terlepas. Lepas saya cakap lima minit, saya hendak sambung Macang tadi, ya. Doktor yang terlibat dalam isu kes arsenik ini adalah doktor di HUKM dan pakar-pakar telah pun membuat kenyataan yang sahih bukan sahaja oleh HUKM bahkan juga pakar daripada Australia dan juga daripada London bahawa memang tidak ada keracunan arsenik kepada Anwar Ibrahim seperti yang dituduh. Inilah kenyataannya bahawa apa yang dituduh terlebih dahulu itu adalah satu konspirasi untuk menjatuhkan Yang Berhormat Perdana Menteri, untuk menjatuhkan kerajaan kita, UMNO dan juga untuk menimbulkan huru-hara. Inilah pakatan yang dibuat oleh mereka dan satu perbuatan dan pakatan yang tidak bertanggungjawab dan akhirnya yang benar itu, benar dan hari ini tidak ada siapa yang boleh menafikan hingga wakil Jelutong sendiri yang bercakap bukan main beria-ia pada hari berkenaan dan hari ini tutup mulut, langsung kecut, tidak berani untuk mengulang tuduhan itu di luar mahkamah ataupun di luar Dewan ini kerana sekarang ini tidak perlu tunggu mati lagi Yang Berhormat Machang ya. Hari ini pembalasan Tuhan sekejap sahaja. Kalau hari ini kita bercakap bohong, saya fikir dalam tempoh beberapa bulan kenyataan itu telah dapat dibuktikan.

Dahulu semasa berlaku peristiwa demonstrasi dan sebagainya, ramai rakyat telah berdoa....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ini soalan baik, bukan soalan hentam.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Biarlah saya habiskan sedikit, boleh lima minit lagi, sabarlah sedikit, sudah beri chance datang Melaka, pukul-pukul saya. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dia selalu datang ke Melaka, orang Kelantan kata tidak hendak pakai dia lagi, sebab itu dia sudah kelam-kabut sedikit. *[Ketawa]* Sahabat saya daripada Kubang Kerian.

Jadi, kerana itulah mereka ingin menimbulkan huru-hara begini untuk mengalihkan pandangan rakyat kepada perkara yang sebenar. Dahulu masa mula-mula berlaku ramai tidak berapa percaya dan minta sembahyang hajat, berdoa, saya percaya Yang Berhormat Kubang Kerian pun telah berdoa, sembahyang hajat dan akhirnya Tuhan telah menunjukkan siapa yang benar dan negara aman, ekonomi telah dipulihkan dan kita terus maju ke depan dan hari ini IMF mengiktiraf apa yang telah kita capai selama ini. Inilah kebenarannya, kerana itu orang ramai dan juga pembangkang khususnya tidak perlulah hendak risau, doa sudah dibuat, sembahyang hajat telah dibuat, kebenaran Allah s.w.t. telah tunjukkan, maka terimalah apa yang telah ditunjukkan kerana itu saya berharap....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sekali

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:....Jelutong, Kubang Kerian tidak payah susah-susah hati ya, terimalah sahaja kebenaran ini dan sokong sahajalah apa yang baik, yang telah kita lakukan dan tinggalkan kerja-kerja yang tidak elok ini, yang mencarut, maki hamun, kata mengata, pembohongan dan sebagainya.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Demi kebenaran, sekali sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambung soalan doktor tadi, doktor daripada Sipitang iaitu pandangan-pandangan yang keluar berbagai-bagai akhbar termasuk akhbar luar negara. Pandangan diberi oleh pakar-pakar juga iaitu mengatakan bahawa keracunan, kalau macam kita kata penagih dadah, kalau kita tangkap dia, kita periksa malam itu juga baru dapat positif. Tetapi kalau dia tinggal dalam lokap sudah dua, tiga hari baru kita ambil air kencing maka tidak positif lagi.

Begitu juga dengan pandangan pakar mengatakan air kencing Anwar di HUKM itu diambil selepas dua minggu yang dihantar sample itu ke Australia. Oleh itu pandangan pakar ini - saya tidak pakar langsung dalam bidang ini, pandangan pakar mengatakan selepas dua minggu kalau di'test' memang keracunan itu akan balik kepada paras normal. Ertinya pakar yang mengatakan selepas dua minggu kalau diambil air kencing itu di'test' maka air kencing itu sudah menjadi normal. Bermakna bahawa kita tidak boleh tolak kemungkinan masa dua minggu sebelum itu ada keracunan itu sama ada daripada makanan atau diracun, itu soal yang lain. Ini pandangan-pandangan pakar. Sebab itulah Sipitang minta tadi supaya pihak Kementerian jelaskan perkara ini iaitu perkara yang mengatakan dua minggu selepas itu akan menjadi normal dan neutral itu datang daripada pakar juga.

Jadi, pakar HUKM ini macam mana, pakar yang lain macam mana, pandangan pakar racun misalnya, doktor Zulkifli ada memberi pandangan-pandangan mengatakan selepas dua minggu kalau test itu diambil, maka dia balik menjadi normal. Ini yang kerajaan perlu membuat penjelasan. Sekian.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Pandai pun Yang Berhormat Kubang Kerian, ada ikuti perkembanganlah. Memang lepas seminggu air kencing sudah tidak boleh lagi menunjukkan ada arsenik dalamnya tetapi rambut, kuku boleh lagi, itu yang pakar sudah semak. Bila diambil ujian rambut dan kuku didapati tidak ada keracunan arsenik. Inilah yang telah dibuktikan oleh pakar-pakar HUKM kerana arsenik dalam rambut dan kuku boleh tahan selama tiga bulan bukan sahaja pakar HUKM bahkan juga pakar daripada Australia dan London. Jadi, yang ini Yang Berhormat tidak baca, baca yang air kencing sahaja tadi. Jadi, kerana itulah kita nyatakan bahawa apa yang kita buat ini adalah mengikut ujian kepakaran dan ianya diiktiraf di tiga negara dan inilah yang saya lihat parti pembangkang tidak boleh lagi hendak cakap apa kerana itu hari ini sudah kaku, tidak boleh berkata apa-apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini adalah kebenaran, sebab itu orang ramai janganlah terpengaruh dengan dakyah-dakyah ini. Saya percaya akan datang akan ada lagi dakyah yang lain hanya untuk menarik pemesongan fikiran rakyat kerana sudah tidak ada apa modal lagi hendak menjatuhkan kerajaan. Carilah modal-modal apa sahaja yang termampu difikir, tidak kiralah boleh membahayakan negara ataupun tidak kerana yang penting hendak menumbangkan kerajaan yang ada pada hari ini.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat beri peluang kepada Sipitang dahulu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Timbalan Menteri sama ada dia bersetuju bahawa dalam keadaan di mahkamah pada masa itu, bagaimanakah seorang peguam yang saya melihat tadi, seorang profesional yang mempunyai kredibiliti tinggi boleh terus, apabila sahaja melihat keputusan sample arsenik dalam air kencing Subramaniam terus membuat keputusan bahawa Anwar Ibrahim cuba diracuni oleh kumpulan peringkat tinggi. Apakah hubungan Subramaniam dengan Dato' Seri Anwar pada masa itu ataupun dengan tuduhan konspirasi pihak atasan. Tentu sekali sepatutnya sebelum membuat kenyataan Yang Berhormat daripada Jelutong mesti bertanya kepada pakar dahulu, bukanlah beliau yang layak membuat kenyataan seperti itu.

Yang layak membuat kenyataan ialah doktor pakar yang mengendalikan ataupun yang memeriksa kes tersebut kerana Yang Berhormat daripada Kubang Kerian ini kawan saya, dia tidak apalah – Sabah jaga Kubang Kerian tahu, di Kelantan untuk pilihan raya akan datang. Dia tidak bertanding, saya dengar dia kena pergi ke tempat lain, tukar orang lain. Dia tidak marah dengan saya. Tetapi maksud kita di sini bahawa sepatutnya bukan sahaja satu sebab level ataupun kadar arsenik dalam kencing itu tinggi kerana ada sebab-sebab lain lagi, sepatutnya kemungkinan-kemungkinan lain yang senang dahulu dibuat. Sepatutnya kita kena kaji sama ada sebelum ambil air kencing tersebut adakah hidangan makanan laut telah diberikan kepada Dato' Seri Anwar daripada terus membuat conclusion bahawa ini ada konspirasi peringkat tinggi cuba meracun. Jadi, inilah yang kita query ataupun mempersoalkan dari segi kredibiliti seorang peguam ataupun seorang yang profesional yang telah pun meraih nama di negara kita.

Tadi yang katakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita tahu juga dalam bidang perubatan level arsenik ini tidak akan.....

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya sedang minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Tuan Lim Hock Seng: *Point of Order* 36(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Dia bangkitkan Peraturan Mesyuarat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya minta penjelasan mengenai dengan perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Bagan, 36(1). Sebutkan.

Tuan Lim Hock Seng: Terpesong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Terpesong. Siapa yang keluar tajuk, Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: Orang yang berucap sekarang bukannya dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Dia bukan berucap Yang Berhormat, dia minta penjelasan, saya izinkan. Tetapi kalau dia hendak mengambil kesempatan untuk berucap saya memang tegah sama sekali.

Tuan Lim Hock Seng: Sekarang dia berucap atau minta penjelasan?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya minta penjelasan.

Tuan Lim Hock Seng: Minta penjelasan berkenaan dengan ubat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Ya, mengenai ubatlah ini – arsenik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Sebelum itu Yang Berhormat mungkin tidak dengar apa yang dibahaskan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Dia baru masuk dia belum tahu apa-apa, terus tanya.

Tuan Lim Hock Seng: Sudah terlampau, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat boleh bangkitkan Peraturan Mesyuarat dan saya pula yang buat keputusan. Yang Berhormat tidak perlu buat sebarang ulasan.

Tuan Lim Hock Seng: Boleh diizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tidak, duduk.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya sambung sedikit. Minta penjelasan. Sebab itu yang dikatakan tadi bahawa ia tidak boleh hilang begitu cepat mesti ada saki baki bahan kimia ini di dalam badan orang yang telah pun mendapat keracunan itu daripada collagen iaitu di dalam kuku dan juga rambut dalam kadar yang begitu lama. Sebab itu ujian untuk mengesahkan bahawa perkara ini ada, ia akan dibuktikan melalui pemeriksaan kuku dan rambut. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, memang jelas bahawa tidak ada pakatan daripada pihak atasan yang menuduh untuk meracun Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Yang ada pakatan adalah untuk menumbangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini. Inilah dia tugas yang dimainkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong dan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan juga kroni-kroni beliau di dalam isu arsenik ini, bukti nyata.

Semasa perkara ini disebut sahaja di mahkamah saya telah memanggil Ketua Pengarah saya, Pemangku Ketua Pengarah pada ketika itu. Saya tanya dia kalau macam ini banyak racun arsenik masuk dalam badan apakah tandanya. Dia kata cerita ini pembbohongan. Kalau betul kena racun arsenik begitu banyak beberapa kali ganda, 270. Kalau begitu banyaklah keracunan arsenik yang kena tandanya yang pertama kepala sakit tidak boleh tahan, tidak boleh relax satu hari atau dua minggu. Yang kedua perut sakit pun tidak boleh tahan. Yang ketiga muntah-muntah. Yang keempat pengsan.

Kalau betulah macam itu kena banyaknya racun arsenik, jadi jelas kalau yang kena tidak mengalami empat tanda ini maka tidak ada keracunan arsenik dan akhirnya dibuktikan oleh pakar-pakar. Jadi kalau Yang Berhormat hendak tahu apakah *symptom* nya kalau kena racun arsenik begitu banyak itulah empat yang saya sebutkan sebentar tadi dan banyak lagi *symptom* yang lain. Tetapi apa yang saya diberitahu secara ringkas pada hari berkenaan itulah empat *symptom*. Kerana itu saya telah membuat kenyataan akhbar bahawa ini adalah merupakan satu pembbohongan dan betul, selepas beberapa hari dan setelah dikaji dengan terperinci lagi, HUKM, Pusat Penyelidikan di Australia dan juga di London mengesahkan bahawa tidak ada keracunan arsenik.

Mengikut etika, kalau kita hendak membuat ujian sampel air kencing dan sebagainya bagi seseorang individu, etika yang sebenarnya mesti gunakan nama orang yang sebenar dan diberikan nombor kod. Tidak boleh ambil nama orang lain, itulah yang sebenarnya. Tetapi ujian ini tidak dibuat di kementerian saya, dibuat di HUKM ataupun di Melbourne, bukan dibuat di negara kita.

Jadi pusat ujian itu telah membuat ujian yang tidak mengikut etika, tetapi hendak salahkan dia mungkin dia pun tidak tahu. Dia fikirkannya air kencing Subramaniam, nasib baik dia tidak letakkan nama Karpal Singh, mengapa tidak pakai nama Encik Mohamad

Sabu, lebih Islamic sedikit. [Ketawa] Dia pilih nama Karpal Singh, dahulu nama Nallakarupan.

Jadi, kerana itulah Ahli Yang Berhormat sekalian, memang didapati ini adalah satu cara konspirasi yang berpakat dan boleh difahami dengan jelas yang langsung tidak mengikut etika yang sebenarnya. Para doktor tahu apakah cara untuk mengambil sesuatu ujian dan bagaimanakah etikanya, lebih-lebih lagi kalau hendak menuduh pula orang lain. Kalau hendak menuduh orang lain dan menggunakannya ianya sebagai satu fakta bukti pula dalam kes, sudah tentu kena ada saksi-saksi lagi yang sah, kena panggil polis dan sebagainya. Tetapi sendiri buat, sendiri timbulkan keadaan, sendiri tuduh dan akhirnya kita melihat mahkamah telah dijadikan tempat untuk gelanggang politik dan ujian perubatan telah diselewengkan daripada cara yang sepatutnya kepada cara konspirasi politik.

Inilah yang kita nyatakan bahawa kita memandang berat, ataupun meminta supaya pihak yang terlibat ini khususnya Yang Berhormat dari Jelutong eloklah memohon maaf kepada Dewan ini dan memohon maaf kepada mahkamah bahkan juga memohon maaf kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan juga memohon maaf kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana cakap bohong yang telah beliau lakukan di dalam mahkamah tempoh hari berkaitan dengan kes arsenik ini. Saya sekali lagi menyatakan sokongan saya kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya institusi peguambela dan juga ahli politik hendaklah dipisahkan supaya mahkamah tidak dipergunakan untuk kepentingan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan dan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya dengar persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Persoalan yang ditimbulkan nampaknya lain daripada apa yang kita biasa dengar ceramah-ceramah PAS di kampung-kampung dan kita hendak tanya, saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau betul pihak PAS, pembangkang seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi, persoalan air kencing tetapi mengapa dalam *Harakah*, tiga ataupun empat keluaran *Harakah* ini, isu yang dikeluarkan semuanya isu yang boleh mengelirukan. Kita masih ingat tajuk utamanya 'Anwar Ibrahim Diracun' terus membuat satu pertuduhan dan kemudian kita baca pula keluaran yang berikutnya 'Amanat Anwar Kepada Anaknya', kemudian peguamnya pula Zulkifli Nordin buat satu kenyataan, dia kata dia seorang sahaja berjumpa dengan Anwar Ibrahim, mengatakan rambut gugur, kuku teruk, semuanya teruk. Seolah-olah kalau kita baca macam orang yang hendak meninggal. Betul-betul kasihan.

Jadi, sekarang ini bila kita dapati bahawa tuduhan itu adalah merupakan satu yang tidak benar pihak pembangkang telah ubah isu pula, dia kata sebab air kencing itu sudah lambat baru hendak diperiksa. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa pihak pembangkang ini dia sentiasa mencari peluang 'menanggung di air keruh' dan menimbulkan satu suasana simpati, suasana yang menyebabkan orang marah kepada kerajaan sedangkan perkara yang dibuat ini adalah tidak benar.

Mengenai peguam ini, Yang Berhormat dari Jelutong seorang yang bijak kerana dia tahu undang-undang. Dia selalunya menggunakan dua tempat. Sebagaimana yang kita sedia maklum dua tempat ini mahkamah ada immunity, Parlimen juga ada immunity. Jadi dia tahu, dia cakap apa pun di dalam mahkamah dia tidak boleh disaman, tidak boleh didakwa. Sedangkan itu tidak adil, kalau dia betul-betul berani dia tidak berani buat kenyataan di luar, ulang perkara ini di dalam Dewan ini, barulah adil bercakap secara orang politik dan baru boleh kita berbahas secara politik. Ini bercakap politik di dalam mahkamah sedangkan pegawai-pegawai mahkamah yang lain, hakim, pendakwa tidak berminat

hendak bercakap dari segi politik, hanya bercakap dari segi undang-undang. Sebab itu dia tahu, dia cakap apa sekali pun, dia tuduh apa sekali pun dia tidak boleh didakwa.

Jadi saya ingin mendapat pandangan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah perkara-perkara seperti ini harus pihak kementerian diamatkan ataupun kerajaan diamatkan. Kalau kita diamatkan kita bimbang ianya nanti menjelang pilihanraya ini pelbagai isu lagi dan kemungkinan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi dalam surat khabar pun ada diramalkan, mungkin tidak lama lagi kita dengar dia mogok lapar pula, mana tahu. Kalau Anwar Ibrahim buat mogok lapar saya ingat Yang Berhormat Teluk Intan mula-mula sekali akan buat ceramah, kempen. Sebab dia ini dalam *Eksklusif* dulu dia pertikaikan keputusan yang dibuat oleh pihak Hospital Universiti Kebangsaan di dalam majalah *Eksklusif*, saya baca. Dia pertikaikan. Jadi, susahlah kalau peguam pun tidak boleh hendak menerima keputusan pakar-pakar, hanya hendak memikirkan kepentingan politik, maka saya rasa elok juga sudah sampai masanya bahawa peguam-peguam ini mesti dipisahkan dari jadi peguambela dengan wakil rakyat.

Dia tidak setuju, tetapi saya setuju kita asingkan, biar yang jadi wakil rakyat ini, ADUN atau ahli Parlimen jadi solicitor sahaja. Seperti di London, dia ada solicitor dan advocates. Di Malaysia ini kedua-dua, solicitor dan advocates ini disatukan, sepatutnya sudah sampai waktunya diasingkan. Kalau jadi wakil rakyat, ADUN atau ahli Parlimen dia boleh boleh buat solicitor, macam sayalah. Kita jadi solicitor. Kalau dia dibenarkan pergi mahkamah, inilah akibatnya dia akan mengambil kesempatan berkempen untuk kepentingan diri sendiri dan hari ini kita lihat ramai sudah peguam Anwar ini dulu yang tidak terkenal pun sebagai ahli politik, sekarang sudah ramai pula yang jadi ahli politik, Zainol Zakaria pun sudah jadi ahli politik, Zulkifli pun sudah jadi ahli politik.

Jadi kita tidak mahu dengan adanya profesion guaman ini, ada isu-isu sensasi seperti ini yang boleh menaikkan nama mereka, boleh meraihkan simpati rakyat maka mereka mengambil kesempatan untuk kepentingan diri. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Tidak bolehlah peguam-peguam ini makan kiri kanan depan belakang. Hari ini jadi ahli politik, pergi mahkamah pun main politik juga. Kerana itu saya memang daripada awal sokong sepenuhnya dan saya harap kerajaan dapat buat satu pindaan yang sewajarnya supaya ahli politik yang menjadi peguam hanya jadi peguamcara jangan jadi peguambela. Kalau hendak jadi peguambela letak jawatan politik, jadilah peguambela, beri peluang kepada orang lain kerana kita nampak penyalahgunaan kedudukan ini telah pun berlaku dengan luasnya di Malaysia ini terutama oleh ahli-ahli peguam daripada DAP khususnya, Yang Berhormat dari Machang ini okaylah. Tetapi kalau kita buat undang-undang yang baik pun kena sekalilah. Minta maafah Yang Berhormat dari Machang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya lihat semasa kempen isu kesihatan ini memang dibangkitkan dengan luas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya habiskan sedikit. Saya dengar seorang penceramah PAS, Fadzil Noor sendiri berkata, dia kata ada kawannya pergi jumpa beritahu kepadanya, dia pergi jumpa Anwar Ibrahim, dia tarik rambutnya, gugur rambutnya segumpal. Dia boleh berucap dalam perjumpaan politik, jadi orang kampung yang dengar tidak faham, sampai macam itukah, bila dipegang tarik segumpal rambut, fikirlah kalau ditarik rambut segumpal botaklah rambut. Pembohongan yang mereka buat begini sampai

mengelirukan orang ramai, tetapi setelah terbukti benda ini tidak betul, keluar gambar, tengok rambut masih segar, masih berkrol macam orang muda lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Inilah pembohongan teruk yang dilakukan oleh pihak pembangkang yang patut dikawal. Apatah lagi macam *Harakah*, hari-hari menimbulkan keadaan yang boleh menimbulkan huru-hara dalam negara kita. Apa sebenarnya mereka hendak cari, apa salahnya Malaysia pada hari ini, apa salahnya kerajaan kita, kalau tidak kena racun itu tidaklah kena, yang bermati-matian mengatakan kena ini, kenapa?. Itulah yang saya hendak tanya Yang Berhormat dari Jelutong tetapi dia tidak ada, kalau Yang Berhormat dari Teluk Intan boleh jawab. Yang beria-ria benar, benda yang tidak ada dikatakan ada, saya hendak tanya fasal apa, hendak tunjukkan apa, hendak cari apa? Benda tidak ada, tidak adalah. Akhirnya mereka tidak boleh jawab, tinggal sahaja Yang Berhormat dari Teluk Intan, lepas itu hendak beritahulah apa yang kita cakap pada petang ini. Boleh laporkan lepas ini. Beritahu Yang Berhormat dari Jelutong kalau berani ulang luar Dewan, dalam Dewan pun tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya hendak tanya apa DAP hendak cari benda tidak ada tidak adalah, yang hari-hari menuduh ini pasal apa?

Seorang Ahli: Tidak ada modal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyebut Presiden PAS, Fadzil Noor mengatakan dalam satu ceramah terbuka, tarik rambut hilang. Di bawah teruk lagi Yang Berhormat. Orang-orang PAS, muslimat PAS membawa berita ke rumah-rumah mengatakan bahawa Anwar sudah diberi racun tikus. Lebih teruk lagi, racun tikus, pada masa itu. Ini muslimat-muslimat PAS punya kerja. Racun tikus – saya bayangkan, saya kata Allahuakbar, racun tikus ini kalau kena tidak sampai satu jam, KO terus. Tetapi dia boleh membawa berita ini, menyebarkan ke kampung-kampung kerana diberi racun tikus. Begitu teruk sekali dakyah-dakyah fitnah yang dibawa ke peringkat bawah tetapi sekarang sudah terbukti.

Persoalan yang saya bangkitkan kelmarin, berhubung dengan arsenik ialah berhubung dengan beberapa laporan polis yang sudah dibuat. Laporan polis sudah dibuat. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat sendiri sudah maklum. Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat kementerian lain. Ini bawah kementerian. Sama ada laporan-laporan ataupun penyiasatan ini bermula di mana laporan-laporan ini dan rakaman-rakaman percakapan sudah dibuat daripada doktor-doktor yang mengendalikan ujian-ujian ini. Saya ingin tahu berhubung dengan perkembangan laporan polis yang sudah dibuat oleh beberapa pihak. Satunya, laporan polis yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri. Jika terbukti bahawa laporan polis itu tidak benar, ianya membuat laporan palsu kepada polis dan ini kesalahan di bawah jenayah. Jadi, penyiasatan mesti dibuat dalam semua aspek. Bukan sahaja aspek peguamnya tetapi aspek tertuduh sendiri, aspek saksi supaya kes ini jelas dan suatu keputusan yang muktamad dapat dikeluarkan. Jadi, soalnya adakah Yang Berhormat sedar bahawa laporan-laporan polis atau mempunyai pengetahuan bahawa kesemua laporan polis yang dibuat berhubung dengan kes ini sudah disiasat dan jika disiasat apa hasilnya? Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kes polis ini, saya baca melalui akhbar. Jadi, bagaimana pengetahuan Yang Berhormat begitulah pengetahuan saya.

Perkembangannya saya percaya lebih tepat jika diterangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri ataupun Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri, hasil siasatan ataupun aduan-aduan yang telah dilakukan. Saya percaya semua tindakan membuat aduan polis ini satu tindakan yang betul jika perkara-perkara ini merupakan fitnah ataupun pembohongan, ianya mesti disekat kerana kita mesti menjaga keharmonian rakyat, perpaduan rakyat supaya kita hidup ini dalam keadaan yang bersih, dalam keadaan berteraskan kepada kebenaran.

Jadi, semua perbuatan pembohongan ini hendaklah ditegah, bukan sahaja dalam tempoh 4 bulan ya, Rejab, Syaaban, Ramadhan dan Syawal tetapi harus ditegah perbuatan-pembohongan dan fitnah ini sepanjang hayat hidup kita kerana Islam itu satu cara hidup. Saya pun hairan juga bagaimana Mursyidul PAS mengatakan 4 bulan ini kita tidak usah kata-mengatalah, fitnah-memfitnah, jadi dengan sendiri nampaknya PAS merupakan parti fitnah kerana ini diakui oleh pemimpinnya sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Lepas bulan Syawal besok sudah boleh balik. Kalau inilah cara Islam disebar dan didakwahkan. Saya percaya masa depan umat Islam akan hancur kerana kita mencampuradukkan perkara yang benar dan tidak benar dalam kehidupan harian kita dan akhirnya semua kesilapan yang dibuat dipergunakan agama untuk mempertahankan kesilapan yang dilakukan. Macam saya sebut tadi ya. Di zaman Nabi, Nabi pernah panggil orang Yahudi masuk Masjid Nabawi, boleh melakukan perkara-perkara yang tidak elok macam berlaku di Masjid Negara. Saya tidak fikir perkara itu dilakukan di zaman Rasulullah. Kalau adapun Rasulullah panggil orang Yahudi masuk Masjid Nabawi, saya percaya untuk berbincang bagaimana untuk menyatupadukan hubungan antara orang Islam dengan bukan Islam. Masa itu, pengikut-pengikut Rasulullah ataupun pengikut-pengikut orang Yahudi kata-mengata, membaling batu, memaki-hamun orang-orang yang ada di luar Masjid Nabawi.

Jadi, apa yang dinyatakan oleh parti PAS ini adalah satu perkara yang memalukan kita sebagai umat Islam. Saya bertanya juga kepada beberapa orang bukan Islam, kalau inilah caranya, esok saya pula boleh pergi tokong, pergi kuil. Jadi, hendak berselindung daripada kuil, kita maki Yang Berhormat Teluk Intan, boleh? Saya hendak tanya. [Disampuk] Bolehkah? Mesti tidak boleh kan. Saya pun kata tidak boleh. Saya sokong.

Tuan M. Kulasegaran: Timbalan Menteri punya standard.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Apa pula standard. Ini saya cerita kerana perkara ini dikaitkan dengan isu arsenik ini. Ini bidang kuasa kementerian saya, saya kena beritahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Apa contohnya kalau kita kena arsenik supaya Yang Berhormat Teluk Intan faham. Yang Berhormat lawyer. Bukan lawyer betul pula, *loyar* buruk.

Tuan M. Kulasegaran: [Menyampuk]

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: [Bangun]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *Loyar* buruk mana faham kan. Jadi, saya kena terangkan. Jadi, kalau sudah faham, kena terangkan benda yang benar.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Berhubung dengan pembohongan, bukan sahaja kes yang dibuat oleh PAS, Yang Berhormat. Saya masih ingat dalam tahun 1990,

dua tiga tahun selepas itu, orang PAS menyebarkan berita. Berita ini memang sengaja diadakan untuk menunjukkan sikap taksubnya. Dia menyebarkan satu cerita – dia kata pada suatu pagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sedang ambil air sembahyang Subuh di rumahnya, tiba-tiba orang yang diupah daripada Siam datang hendak tembak dia. Tiba-tiba pistol itu tidak meletup dan apabila cerah pagi esok didapati orang ini sedang berenang di atas daratan.

Dia adakan cerita ini, hendak menunjukkan bahawa Menteri Besar Kelantan ini tidak lut, kebal. Sengaja diwujudkan cerita ini – cerita ini memang cerita tidak berlaku tetapi disebar oleh orang PAS ke bawah seluruh negeri Kelantan, hendak mengatakan bahawa Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan ini seorang yang kebal.

Kita sendiri sebagai seorang Islam, kita tahu junjungan Rasulullah sendiri pernah luka. Khulafah Ar-Rasyidin, keempat-empat mati dibunuh tetapi dia boleh mewujudkan cerita bahawa Nik Aziz ini kebal. Ini hendak menunjukkan bahawa cerita taksub ini, bukan sahaja dalam soal arsenik ini tetapi dalam soal kepimpinan juga hendak menunjukkan bahawa pemimpinnya taksub. Dia boleh mengadakan cerita, dia wujudkan cerita bagi meyakinkan orang ramai walaupun dia tahu cerita itu tidak betul, cerita itu palsu, inilah pembohongan ataupun satu dakyah yang dibuat oleh mereka yang taksub seperti ini. Sampai peringkat itu.

Sebab itu saya tidak hairan kalau dalam kes lain, dia kata boleh beri racun tikus sebab cerita tidak ada pun, dia boleh adakan. Ini fiil PAS. Yang Berhormat maklum tak cerita ini. Banyak lagi cerita-cerita dari Kelantan berhubung dengan perkara-perkara seperti ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Banyak lagi Yang Berhormat saya dengar. Dulu, empat lima tahun lepas, semasa kempen Nik Aziz di Melaka, dia kata apabila Encik Ghafar turun kempen, hujan turun. Dia kata, hujan pun tidak suka. Sekali dia datang ke Melaka, hujan pula turun, senyap sahaja.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Hujan rahmat!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Dia kata hujan rahmat. Bila orang, hujan panas, bila dia, hujan rahmat. Inilah dia cara PAS. Kemudian apabila dia cerita berkaitan dengan Islam, wah dia sahaja yang Islam, kita ini semua tidak Islam. Saya ambil cerita kementerian sayalah. Sekarang ini Institut Jantung Negara. 100 pergi operation, 99 berjaya. Ini yang terbaik di dunia. Tidak pernah saya dengar PAS kata, *excellent, very good achievement*.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(1). Belum habis?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Wakil.... [Ketawa] Wakil Tanjong, saya cerita IJN.

Tuan Lim Kit Siang: Duduk! Duduk!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: You duduk! Apa peraturan?

Seorang Ahli: Duduklah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Peraturan berapa? Nombor berapa?

Seorang Ahli: Woi! Gengsterkah?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Peraturan berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa satu hari, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Duduk! You bukan Speaker!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya pun boleh buat begitu.....

Tuan Noh bin Omar: Woi samseng, duduklah!

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Sorak*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita ada Peraturan Mesyuarat...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Wah....gangster sudah masuklah. Gangster....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mengikut Peraturan Mesyuarat Dewan, kita.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Peraturan Dewan, nombor berapa?

Tuan Lim Kit Siang: *You shut up!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *You shut up!*

Tuan Lim Kit Siang: Bercakap satu hari, apa ini? Buang masa Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ini Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: You yang buang masa.

Tuan Lim Kit Siang: Satu hari cakap tiga jam, mana ada.....

Seorang Ahli: Hoi, gangster, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order 36(1).*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Nombor berapa? Nombor berapa?

Tuan Lim Kit Siang: You bukan kerusi, bukan tanya saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Nombor berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan kisah. You duduk dulu. *Point of order.*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker, point of order tidak tahu nombor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya tanya dia Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa satu hari, cukup!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat...

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Speaker tanya dia. Kalau tidak, suruh dia duduk....

Tuan Lim Kit Siang: 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Peraturan Mesyuarat dibangkitkan.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:.....atas permintaan Tuan Speaker saya duduk, tidak mengapa.

Beberapa Ahli: Duduk! Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat kena duduk dulu, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Duduk! 36(1), irrelevancies. Mana ada seorang menteri jawab 5 jam. Perdana Menteri, Menteri Kewangan dalam menggulung rang undang-undang, mana ada 5 jam? Ada ucapan-ucapan, multiple speeches

Tuan Noh bin Omar: Woi, apa ini?

Beberapa Ahli: [Sorak]

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu, saya ada ikut. Mana boleh orang-orang buat multiple speeches dalam masa winding up. Inilah buang masa. Inilah pelanggaran peraturan Mesyuarat. Inilah malu!

Tuan Noh bin Omar: Nombor berapa ini? Woi!

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa ini boleh berlaku.....

Tuan Noh bin Omar: Cakaplah, peraturan berapa?

Tuan Lim Kit Siang:tidak ada hal yang mustahak.

Tuan Noh bin Omar: Woi samseng, peraturan berapa ini?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang:.....Rent Control Act, yang mana mahu semua.....pembunuh peraturan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat..... kawal diri, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kawal diri, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun] [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Satu hal yang buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, satu-satu Yang Berhormat. Dia bangkitkan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta satu ruling bahawa Tuan Yang di-Pertua mengarahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhenti menjawab serta-merta oleh kerana sudah buang masa satu hari.

Tuan Noh bin Omar: Buang masa apa? Woi, cakap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ya, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana tidak pernah berlaku - Perdana Menteri, Menteri Kewangan tidak pernah menggulungkan satu rang undang-undang, satu hari 5 jam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang:dan di mana membenarkan orang buat ucapan multiple speeches.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *Point of order.*

Beberapa Ahli: Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Oi, saya masih *point of order.* Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Satu, satu, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: *no point of order!*

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis, sit down.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, saya sudah faham Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Peraturan berapa, hoi samseng!

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada, mana ada tatatertib.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Satu-satu ya.

Beberapa Ahli: Duduklah, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Mana ada tatatertib dalam Dewan ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Datuk Speaker, *point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....Cukup ya. Minta duduk.

Tuan Noh bin Omar: Peraturan berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap Yang Berhormat, Satu-satu, *point of order.* Sekarang pun nampaknya hampir jam lima, Yang Berhormat. Timbalan Menteri kalau boleh kita selesaikan bilnya hari ini, ya. Mintalah. Bil ini selesai 5.30 petang ya.

Seorang Ahli: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang:5.30. Cukupkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, satu-satu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*].... buang masa di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, satu-satu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]....buang masa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila. Saya minta Timbalan Menteri teruskan supaya bil ini boleh selesai hari ini.

Tuan Noh bin Omar: Woi, tidak mahu ikut peraturan...duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: You are the biggest political clown in the country. Ketua Pembangkang dari Tanjong.

Tuan Noh bin Omar: Siapa punya hak? Hoi, samsengkah?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Noh bin Omar: Come on lah!

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Speaker, ini adalah satu perbuatan yang kurang ajar.

Tuan Noh bin Omar: Kurang ajar, samseng!

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Speaker, *you are veteran politician.* Ahli dari Tanjong, *you are veteran politician, you should know the procedure* tetapi menggunakan perkataan yang tidak beradab adalah satu kelakuan yang tidak beradab daripada Ahli Yang Berhormat. *Datuk Speaker, there must be ruling against him. We cannot prevail this.* Perbuatan ini adalah satu.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*.....boleh buat apa sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* *Disgrace off all of you.....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....sudahlah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang:.....bunuh unsur-unsur mengenai rent control.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya sudah buat ruling, saya minta Timbalan Menteri meneruskan jawapan dan menyelesaikan bil kementeriannya pada hari ini jugal, 5.30 petang.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Boleh, Tuan Speaker. Saya pagi tadi sudah tanya wakil bagi Tanjong. Bil yang kedua sampai bil yang keenam berkaitan hudud dan sebagainya. Dia kata dia tidak sokong hudud. Jadi, kalau kita bagi...

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Marang ada di sini. Kita tahu bahawa habis usul No. 7 naik, bukan usul pertama.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini..... bil murtad.

Tuan Lim Kit Siang: Itu kita.....

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Duduk, duduklah Tanjong!

Tuan Lim Kit Siang: ...buang masa... membunuh unsur-unsur *rent of control*. Ini bukan cara.....mahu hormat semangat demokrasi. Bukan macam hari ini. Inilah disgraceful.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya. Teruskan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang:...who can talk four hours untuk multiple speeches, apa ini?

Seorang Ahli:berucap berjam-jam di Dewan ini....5 jam..

Tuan Lim Kit Siang: Bukan berucap berjam-jam, salah guna Peraturan Mesyuarat - tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya. Yang Berhormat, Menteri bangun. Yang Berhormat, sekejap ya. Minta menteri...

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk] Apa tak ada standardlah, malulah.

Seorang Ahli:samseng apa dia?

Tuan Lim Kit Siang: Apa samseng? Inilah samseng, kelakuan samseng, ini malu, semacam ini boleh naik pangkat - out!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah. Ya, saya minta tadi, semua minta ruling. Saya buat ruling, saya minta Timbalan Menteri meneruskan jawapan supaya kita selesaikan bil 5.30 petang. Saya ingat semua boleh bersetuju. Ya. Sila, sila Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Kalau wakil Tanjong tidak mahu dengar tidak apa, dia boleh keluar.

Tuan Lim Kit Siang: Sama-sama keluar, saya mahu ada masa untuk kemukakan usul, Rent Control, jangan gunakan usul itu, harap ada satu penyelesaian sungguhpun pemimpin Barisan Nasional tidak mahu hirau masalah mereka. Itulah MCA, Gerakan semua khianati kepentingan orang ramai, kepentingan rakyat, sebab itu jangan buang masa, habiskan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila teruskan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kerajaan yang ada hari ini tidak takut dengan rang undang-undang ataupun usul berkenaan dengan *Rent Control* yang hendak dibawa oleh Ketua Pembangkang, kerana kita ada jawapan kepada *Rent Control*.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak berani adakan satu perbahasan.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Boleh bangkitkan dalam perbahasan rang undang-undang lain. Kita tidak takut, kerana kita ada jawapan, kita tidak takut dengan *Rent Control* sebab kita akan menghadapi pengundi-pengundi Pulau Pinang, kita ada jawapan kepada *Rent Control*.

Tuan Lim Kit Siang: MP MCA gagal memberi semua, mereka mengkhianati kepentingan orang ramai.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Mereka bukan mengkhianati tetapi Ketua Pembangkang cuba mengambil.....

Tuan Lim Kit Siang: Dalam rang undang-undang boleh bincang.

Dato' Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Boleh bincang, dalam bil tambahan boleh bincang, kerajaan ada jawapan kepada.....

Seorang Ahli: Apa-apa hal boleh bincang.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu kenapa MCA, Gerakan semua jadi boneka UMNO.

Seorang Ahli: Boneka, boneka!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat cukuplah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya minta kalau seseorang ahli yang berucap, kita minta supaya Ahli bagi Tanjong beradab sedikit, janganlah, *you can stand up*, boleh bertanya untuk mendapat penjelasan [*Disampuk*] *let me say something first.*

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tidak ada buang masa, kita ada undang-undang, *do you think you are civilised?* [*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya perlu beri jawapan yang panjang sebab soalnya banyak. Lagi satu hendak beritahu wakil-wakil daripada DAP, PAS dan juga Keadilan bahawa mereka telah menggunakan isu kesihatan, contohnya dalam keracunan arsenik ini, kita hendak beritahu dengan jelas [*Disampuk*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *You are a very uncivilised person!*

[*Seorang ahli pembangkang meninggalkan Dewan*]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Saya hendak beritahu wakil-wakil pembangkang, dia sudah gunakan isu arsenik ini satu konspirasi untuk menjatuhkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato Seri Dr. Mahathir dan kerajaan Barisan Nasional, hendak beritahu secara jelas, hendak porak-perandakan kerana itu dia timbulkan perkara ini, makan masa seminggu baru dapat keputusan.

Sebenarnya dia hendak tunggu persidangan APEC di New Zealand, lepas itu hendak tunggu perbincangan lawyer-lawyer Komanwel di Kuala Lumpur supaya apabila benda ini berlaku, penyokong-penyokong Anwar Ibrahim jadi extreme dan akan merusuh, lepas lawyer-lawyer yang ada di sini mengutuk kita, APEC mengutuk kita, macam Al-Gore datang mengutuk kita dulu di depan mata kita. Inilah kerja-kerja jahat yang dilakukan oleh pihak parti pembangkang yang diketuai oleh Anwar Ibrahim dan juga DAP dan parti PAS, dia tidak boleh berselindung, ini kita hendak beritahu dia gunakan isu kesihatan ini.

Orang ramai jadi keliru, macam saya sebutkan tadi, ambil rambut segumpal, mana ada segumpal rambut, hari itu bila Anwar Ibrahim keluar saya tengok rambutnya masih lagi berkerol macam orang muda, ini satu pembohongan dan kita mesti melihat kalau benda itu benar, benarlah, yang dia hendak cerita benda ini bohong pasal apa?

Kita boleh melihat bukti yang nyata, sebab apa hendak bohong, hendak kelirukan orang ramai pasal bendanya tidak ada, ini yang saya hendak terangkan tetapi dia tidak mahu dengar dan kalau beliau betul gentleman, tidak bohongi mahkamah, kita sudah cabar di luar mahkamah tadi tetapi dia tidak berani, hendak datang sini hendak buat kacau. Jadi bila banyak soalan saya kena jawab dengan terperinci. Ini bil Rent Control, apa kita hendak bimbang Rent Control, tidak ada apa, besok dalam Belanjawan dia boleh cerita lagi.

Saya sudah lihat daripada semenjak empat tahun lepas jadi Timbalan Menteri, setiap ucapan beliau dia akan masuk, padahal sudah ucap dalam soalan lisan, soalan bertulis sudah tanya, dalam bil-bil dia akan masuk lagi, dalam bil tambahan dia akan masuk lagi, jadi dia ada masa untuk masukkan apa yang dia hendak cakap, walaupun bil beliau tidak akan dibincangkan tetapi dalam perkara-perkara lain beliau boleh sebut, kita tidak takut, sudah 42 tahun kita merdeka, setiap kali pembangkang cakap kita akan dengar dan kita akan jawab dan akhirnya rakyat menjadi hakim, yang penting yang benar itu mesti kita benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak, Parit Sulong bangun.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta cuma diletak dalam rekod perbahasan pada hari ini. Saya minta Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri nyatakan secara ikhlas apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap kelakuan tindak-tanduk kerenah kurang ajar oleh pihak DAP. Apa pandangan Datuk? Oleh kerana pagi tadi dia stage satu drama dalam Dewan, petang ini dia tahu perkara dia tidak boleh lulus, dia stage lagi satu drama dalam Dewan, apa pandangan Datuk mengenai hal ini? Untuk rekod pada hari ini. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ini satu perbuatan yang kurang ajar, biadab, unconstitutional dan juga unparliamentary yang tidak patut dilakukan oleh wakil rakyat yang bertanggungjawab, dia mesti dengar apa yang kita hendak cakap, kalau dia cakap kita dengar. Mana pernah bila pembangkang bercakap satu pun Ahli Parlimen Barisan Nasional meninggalkan Dewan ini, tidak ada. Kita tetap akan tunggu, kalau tiga empat orang pun kita tunggu hendak dengar, tetapi bila kita bercakap dia tidak hendak dengar. Lepas itu di kampung dia bohong, lepas itu dia keluar dia buat press statement, dia fikir dialah yang jadi hero, tetapi kalau dibenarkan perkara-perkara begini berterusan saya percaya negara kita akan jadi huru-hara. Inikah yang kita kehendaki?

Kita hendak terangkan benda-benda yang betul, inilah tempatnya, jangan dijadikan Parlimen ini luar, di mahkamah dia boleh salahguna kerana kita tidak ada. Sekarang di Parlimen ini kita ada, berani hadaplah, saya akan dengar kalau dia hendak cakap, saya akan duduk, dia akan cakap apa dia hendak cakap, lepas itu saya cakap, barulah ini namanya parlimen. Tetapi kalau hendak dengar satu pihak sahaja, dia sahaja hendak cakap boleh, kita cakap tidak boleh, ini bukanlah demokrasi.

Oleh kerana itu perbuatan wakil-wakil pembangkang pada hari ini adalah satu penghinaan kepada Dewan Rakyat yang mulia ini. Sepatutnya mereka ini tidak layak jadi ahli Parlimen yang akan datang. Saya minta orang ramai janganlah menyokong semua calon pembangkang yang ada di depan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ha, Pokok Sena pula bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kosong-kosong. [Ketawa]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kalau kita lihat *attendance* nya saya tahu NST ada tulis satu hari ada berapa ahli Parlimen yang datang. Saya tengok kalau datang katakan satu pertiga yang tinggal, kadang-kadang kosong pembangkang. Saya hendak minta dicatat pembangkang kosong, hari ini kosong [Disampuk]

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Bila NST buat laporan, buat column pembangkang dengan Barisan Nasional, biar nampak dengan jelas, tengok kosong, makan gaji buta, Tuan Yang di-Pertua tengok, orang kata makan gaji buta marah, tengok, seorang pun tidak ada. [Ketawa] Ada saksi orang makan gaji buta.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya nak cerita tadi tentang IJN. IJN telah berjaya dan merupakan Institut Jantung Negara yang terbaik di dunia. 100 operation yang dilakukan, 99 berjaya. Ini kita nak sebut hari ini, kerana inilah kejayaan kita supaya parti pembangkang tahu. Bagaimana semua ini boleh dicapai? Kerana negara kita ini aman damai, rakyat bersatu padu, bekerjasama. Pelabur datang ramai, berniaga dan untung. Bila mereka untung, tabung kewangan negara banyak. Jadi kita boleh bina lagi hospital baru, kita boleh tambah lagi doktor-doktor pakar dalam Institut Jantung Negara. Jadi, adik kita, datuk kita yang dulunya mati kerana tidak ada kemudahan perubatan, jadi hari ini Alhamdulillah, nyawa mereka boleh diselamatkan.

Tiga, empat hari lepas, ada orang kampung saya, budak 19 tahun, dia kurus, rupanya masalah blok pernafasannya. Dia pergi IJN kena RM18,000. Dia tak mampu kerana anak ada 11 orang. Saya beritahu IJN yang dia orang miskin dan IJN boleh beri pertimbangan dan kita beri dia percuma. Kalau dulu, budak-budak begini mati saja, Tuan Yang di-Pertua kerana pergi Singapura, harganya \$22,000 bersamaan lebih kurang RM50,000 Malaysia. Di sini cuma RM18,000, kalau pergi Australia, hampir RM100,000. Pergi London, Amerika pun lebih kurang begitu juga harganya. Inilah kebaikan yang kita telah buat. Inilah yang kita nak beritahu orang ramai, inilah hasil keamanan kita, hasilnya kita menyokong Barisan Nasional. Tetapi kalau dengar cakap mereka semua, huru-hara jadi negara kita, dia asyik nak bergaduh saja. Berarak dalam bandar Kuala Lumpur. Kita bukan negara diktator, kalau nak kempen, kempenlah, bukankah ramai orang kempen. Fadzil Noor kempen, Nik Aziz kempen, Karpal Singh kempen, Lim Kit Siang kempen. Lim Guan Eng kempen.

Mengapa kita hendak suruh orang bergaduh di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Mengapa nak bergaduh di Masjid Negara. Mengapa hendak baling polis, kalau mati polis hari itu... isterinya akan menangis, anaknya akan menangis. Itu kalau seorang polis mati, kalau lima polis mati? Bergaduh pula satu Malaysia, pergaduhan kaum...beribu orang mati, ratus ribu orang mati, berapa juta akan menangis. Ini yang kita nak beritahu orang ramai, jangan main dengan api. Kalau nak kempen, kempenlah, kita tak larang. PAS nak kempen, kempenlah, tapi jangan suruh orang bergaduh dan buat demonstrasi macam yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan yang menyokong Anwar Ibrahim yang menamakannya Gerakan Reformasi. Ini yang membahayakan negara kita, tetapi dia tidak hendak dengar. Selepas ini bila orang buat kempen dia pergi lagi, bila kita cakap, dia tidak hendak dengar. Tetapi Alhamdulillah, Tuhan Maha Kuasa melindungi kita sepanjang masa. Dia cerita Islam, Perdana Menteri kita apabila diduga oleh Allah S.W.T. kena *coronary bypass*. Ke mana Perdana Menteri kita pergi? Pergi Hospital Kuala Lumpur ketika itu, siapa yang bedah, Doktor Zainal, Doktor Yahya.

PAS setiap hari bercerita yang dialah penggerak Islam, pembela Islam. Allah S.W.t. duga Harun Din kena sakit jantung, pergi operation. Ke mana beliau pergi? Pergi Australia - Doktor William. Adakah Doktor Zainal, atau Doktor Yahya? Ini kita hendak beritahu orang ramai, jangan kata pejuang Islam tetapi bila Allah S.W.T duga kita, tak sanggup melakukan. Perdana Menteri kita tidak bercakap banyak, sana Islam...sini Islam tapi bila Allah S.W.T. duga nyawa hendak terbang, Perdana Menteri letakkan di tangan doktor Islam kita. Inilah pejuang Islam yang tulen, yang perlu dicontohi [*Tepuk*] Ini yang melolong sana, melolong sini apa pun tidak.

Kemudian keliruan lagi isu arsenik. Saya hendak beritahu juga Dato' Seri Anwar Ibrahim, ada pemimpin PAS kata beliau adalah pejuang Islam. DAP pun macam itu juga tetapi disuruh gugurkan negara Islam. Selepas itu sanggup pula mengatakan ingin melantik Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri. Dia tahu tak dapat menjadi Perdana Menteri sebab sudah dihukum. Jadi saya ingin memberitahu, jika ada pegawai-pegawai kerajaan yang keliru walaupun tidak ramai. Tadi Yang Berhormat bagi Machang ada menyebut. Saya hendak memberitahu bila kita diuji oleh Allah S.W.T. Ahli Yang Berhormat sekalian, ketika itulah kita sebenarnya...macam kempen pilihanraya pula.

Bila Allah uji kita di saat-saat yang kritikal, di situlah menguji siapa kita yang sebenarnya. Macam tadi, Harun Din diuji oleh Allah S.W.T., betul atau tidak kepimpinan Islam, akhirnya beliau pergi ke Australia dan bila doktor itu potong, adakah dia menyebut Bismillahirrahmanirrahim atau setelah selamat Alhamdulillah. Apa yang dia akan sebut? Oh my god, itupun kalau dia sebut oh my god, bagus juga kalau tidak dia kata I cut you. [*Ketawa*] Itulah lebih kurang.

Kemudian cerita Dato' Seri Anwar Ibrahim, saya hendak beritahu supaya pegawai-pegawai kerajaan jika ada sedikit yang keliru macam disebut oleh Machang,

jangan keliru, ada yang kata beliau ini pejuang Islam, saya nak beritahu, malam selepas sahaja kena pecat daripada UMNO, beliau turun terus maki Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, terus maki UMNO. Kalau sebagai pejuang Islam Ahli Yang Berhormat sekalian, saya percaya dia akan balik rumah, sembahyang Istiqarah, minta petunjuk. Ini diuji oleh Allah S.W.T.

Yang kedua, pergi umrah, menghadap Baitullah untuk mendapat petunjuk. Yang ketiga, yang beliau lakukan, hendak jumpa lawyer, siapa beliau jumpa, Karpal Singh. Dia tidak jumpa lawyer-lawyer PAS, lawyer-lawyer ABIM. Selepas itu hendak jumpa pemimpin, siapa yang beliau jumpa? Beliau jumpa Lim Kit Siang. Dia tidak jumpa Fadhil Noor, dia tidak jumpa Nik Aziz. Kemudian beliau hantar anak isteri beliau berjumpa pemimpin luar negara. Siapa yang beliau jumpa? Dia jumpa Estrada, dia tidak jumpa Yaseer Arafat, dia tidak jumpa King Fath, dia tidak jumpa Sultan Brunei. Estrada masih lagi menuntut Sabah.

Kemudian sebelum itu beliau ada kawan baik, siapa namanya? - Nalla Karuppan. Kemudian membohongi isu Arsenik. Nama siapa beliau gunakan - Subramaniam, tetapi penyokong-penyokong beliau termasuk PAS mengatakan yang beliau ini pejuang Islam.

Apabila diduga oleh Allah S.W.T. sepanjang laluan ini daripada Nalla Karuppan, penutup setakat ini adalah Subramaniam. Tidak nampak satu pun nama Islam yang beliau gunakan. Jadi bagaimana boleh ada orang terkeliru menyatakan yang Anwar Ibrahim ini pejuang Islam yang sebenar dan tulen dan ini saya hendak memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian termasuk daripada PAS, janganlah pergi kempen ke hulu ke hilir mengatakan Anwar Ibrahim ini pejuang Islam termasuk sedikit-sedikit kakitangan kita yang terkeliru, kerana itulah Tuan Speaker, kita perlu jelaskan kepada orang ramai. Kita lihat ketika Allah S.W.T. menguji kita, di situlah kita yang sebenarnya dan ini perlu difahami. Sebab itu ada segolongan pegawai-pegawai kerajaan yang keliru macam yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Machang termasuk juga di Kementerian saya, ada doktor yang keliru.

Jadi saya kena jelaskan kepada doktor-doktor ini, apa yang kelirusangat? Kerana itu kita harap dengan adanya penjelasan-penjelasan ini maka pegawai-pegawai kita boleh memikirkan yang benar dan yang tidak benar. Kalau hari itu dia ambil IMF, hari ini negara kita dah tentu jadi huru-hara. Saya tak fikir hari ini kita bentang bil dadah untuk makanan binatang ini tetapi saya fikir hari ini kita bincang bagaimana hendak cari makanan tambahan, bantuan dari luar negara, bukan perbekalan tambahan dan mungkin ramai di kalangan ibu bapa kita, anak-anak kita yang telah menderita di kampung kerana kekurangan ubat. Mereka hilang kerja seperti yang berlaku di Indonesia. Ini kita mesti ingat, kalau empat, lima orang menangis Yang Berhormat sekalian, tidak mengapalah kerana mereka sudah dapat apa yang mereka kehendaki. Tetapi kalau rakyat jelata menangis, berjuta orang, apakah akan jadi kepada kita. Inilah yang kita katakan yang kita kena bersyukur.

Sebenarnya kita dilindungi oleh Allah S.W.T., kita telah diselamatkan oleh Allah S.W.T. dengan pimpinan kita yang berkesan dan yakin kepada diri kita sendiri. Yakin kepada 'Malaysia Boleh', inilah semangat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Sebab itu Kementerian Kesihatan telah menerima beberapa laporan daripada orang ramai, daripada pemimpin-pemimpin kerajaan, daripada individu terhadap kekeliruan beberapa kakitangan kita yang memburuk-burukkan kerajaan termasuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Machang di Kelantan. Saya sudah pergi juga ke sana. Saya memang berjumpa dengan beberapa orang yang keliru tetapi dia kata dia masih sokong Kerajaan Barisan tetapi itu kata mereka tetapi laporan kemudian nampak berbeza sedikit daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Machang.

Setakat ini saya telah menerima 60 laporan seperti Yang Berhormat sebut, 60 nama telah ada pada saya. Saya telah serahkan kepada semua pengarah hospital seluruh negara, Pengarah Kesihatan yang berkaitan supaya memanggil mereka ini untuk diberi nasihat. Kerana sebagai kakitangan Kementerian Kesihatan mereka bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan kerajaan yang mereka menjadi pegawai, yang menjadi wakil, yang memegang amanah, jadi kalau yang pegang amanah ini tidak menjalankan tugas maka berdosa jawabannya. Kerana setiap kita ini bertanggungjawab sebagai pemimpin, akan di tanya di akhirat besok apa yang kita pimpin, jangan depan ketua kita, kita kata ya, di belakang ketua kita buat lain. Kalau begitu tidaklah Islamik namanya. Tetapi kalau tidak suka, tidak payah kerja di Kementerian Kesihatan. Kita pun sudah bagi nasihat, kalau tidak suka juga cakap terus terang, saya tidak suka Kementerian Kesihatan, keluar sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang bangun.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: ...dan buat kerja sendiri, kita ganti orang lain kerana kita perlu orang yang amanah untuk menjalankan tugas kita. Tugas kita ini besar. Hendak menuju ke tahun 2020 supaya Malaysia menjadi satu negara yang rakyatnya semuanya sihat-sihat belaka. Kita tidak mahu isu-isu yang dikelirukan menghantui sebahagian kecil daripada pegawai kita yang akhirnya boleh memberi mudarat yang besar kepada negara kita akhirnya.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji. Yaacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri sama ada beliau bersetuju tindakan kepada individu profesional ini yang berbohong. Misalnya peguam, dia diawasi oleh satu badan. Bagi peguam yang terang-terang dengan niat berbohong, saya ingat perlu diambil tindakan dari segi etika, melalui etika perguaman ataupun badan peguam kecuali terlepas pandang ataupun dengan kesilapan.

Begitu juga dengan doktor perubatan, pegawai perubatan dan juga ahli profesional yang lain. Contohnya: seorang doktor yang diawasi oleh kementerian, seorang doktor yang berbohong, mengatakan beliau telah memeriksa bahawa saya confirm seseorang itu telah mendapat penyakit ini tetapi beliau sebenarnya berbohong dengan niat untuk mengelirukan orang awam. Saya minta supaya ini diambil tindakan, mana boleh seorang profesional yang menjadi juru cakap kepada orang lain, mengikut lidah orang lain. Sepatutnya badan profesional ataupun individu profesional mestilah mengeluarkan pendapat beliau sendiri secara profesional tanpa terpengaruh dengan arahan orang-orang tertentu.

Kalau diagnosis orang itu mengandungi, ujian air kencing positif dan ultra sound positif, mana mungkin kita sebagai orang profesional doktor, mengatakan bahawa dia tidak mengandungi. Kita mesti bercakap berdasar kepada fakta yang betul dan tidak diarah oleh orang lain. Kalau seorang profesional itu mengikut telunjuk orang lain maka dia tidak diiktiraf sebagai pendapat profesional dan bukanlah orang itu profesional dan layak dilucutkan daripada jawatan beliau. Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin tinggal lagi 10 minit, jadi lepas saya ulas sedikit Sipitang, saya harap saya boleh habiskanlah sampai 5.30 petang. Kalau tidak, saya boleh sambung lagi besok satu hari, tak apa. Nanti wakil pembangkang lagi tidak masuk Dewan. *[Ketawa]*

Saya setuju bahawa kaedah profesional adalah perkara yang perlu dihormati sebagai negara demokrasi yang berperlembagaan yang menjunjung kedaulatan undang-undang. Sebab itu apa yang berlaku di negara kita, kita mesti letakkan kepada undang-undang. Sejarah telah membuktikan dalam negara kita pemimpin kerajaan termasuk pemimpin pembangkang telah diambil tindakan sama ada jawatan yang tinggi termasuk jawatan yang rendah, sama ada pegawai ataupun pemimpin politik. Kerana itu kita tidak

ada pilih kasih, tetapi sekarang ini pihak pembangkang sentiasa menyatakan tidak ada keadilan. Sebenarnya mereka ingin menutup kelemahan mereka. Jika dihukum penyokong kerajaan, menteri, menteri besar, wakil rakyat, pegawai kerajaan, dia kata itu adil. Tetapi kalau dihukum orang-orang daripada parti pembangkang itu tidak adil. Sebenarnya, itulah dia sebenarnya ketidakadilan, hanya mereka sahaja boleh mendapat kebebasan, sedangkan orang lain perlu dihukum untuk memberi pengertian keadilan yang sebenarnya. Sebab itulah masyarakat ramai perlu melihat sejarah keadilan di dalam negara kita dan juga bagaimana keputusan-keputusan yang dibuat adalah berasaskan kepada profesionalisme pegawai-pegawai yang terlibat. Inilah yang berlaku di mahkamah kita pada hari ini. Banyak juga keputusan yang dibuat oleh kita, kita tidak setuju, tetapi telah diputuskan oleh mahkamah, kita akur. Begitu juga ujian-ujian pakar-pakar kita

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sipitang bahawa isu yang dikelirukan sekarang ini, macam isu liwat Dato' Anwar Ibrahim tidak perlu sebahagian masyarakat ataupun parti pembangkang mempolitikkan perkara ini. Ini isu mahkamah. Isu peribadi beliau, selesaikan di mahkamah. Apa diputuskan oleh mahkamah itulah dia keputusannya. Jadi kalau ada ujian-ujian macam disebut tadi oleh doktor sudah memeriksa dan ada bukti maka perlulah diterima di mahkamah. Tidak boleh pula kalau ada bukti pada pihak pembangkang baru boleh diterima. Apabila ada bukti menyebelahi pihak pendakwa tidak boleh diterima. Kalau begitu, maka tidaklah adil namanya. Selagi negara, mana-mana negara jika tidak menghormati keluhuran perlembagaan dan undang-undang serta sistem penghakiman, maka negara itu akan menuju kehancuran. Inilah yang patut dipertahankan oleh kita semua sebagai rakyat di dalam sebuah negara demokrasi. Kerana itulah kementerian saya tidak terkecuali dalam isu arsenik ini yang menjadi isu yang hangat termasuk isu liwat ini, yang juga akan melibatkan pakar-pakar jadi kita serahkan kepada mahkamah untuk membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara juga telah disebut oleh Yang Berhormat daripada kawasan-kawasan yang lain. Yang Berhormat bagi Lumut, telah membangkit berkaitan dengan harga ubat OTC (on the counter) dan juga pemeriksaan tempat jual OTC. Kementerian telah mengadakan pemeriksaan oleh unit penguatkuasa farmasi kementerian semenjak beberapa tahun yang kebelakangan ini, penguatkuasaan telah dipertingkatkan lagi, seperti contoh tahun 1997 sebanyak 569 pemeriksaan telah dilakukan. Tahun 1998 536. Tahun 1999 (hingga Ogos 1999) iaitu sebanyak 305 pemeriksaan.

Saya sudah sebut pada awal tadi bahawa Kementerian Kesihatan tidak mengamalkan pengawalan harga ubat, termasuk vitamin tetapi membenarkan kuasa-kuasa pasaran bebas menentukan harga ubat-ubatan di dalam pasaran. Dasar ini telah berjaya mengawal dan menstabilkan harga ubat-ubatan selama ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengawasi harga ubat-ubatan dalam negeri dan akan bercampur tangan melalui perundingan dengan pengedar sekiranya harga satu-satu ubat itu naik secara tidak munasabah.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah membangkitkan isu berkaitan dengan ubat tradisional homeopathy, ramuan yang telah di'commercialise', halangan kepada pelesen syarat yang ketat. Saya suka memaklumkan bahawa bilangan premis ubat tradisional yang berlesen sehingga 1999 adalah 98. Syarat yang dikenakan perlu mematah GMP untuk pengiktirafan sedunia, khususnya seperti WHO dan juga harmonization dengan negara-negara kawasan ini, iaitu negara-negara ASEAN. GMP dapat menentukan ubat dari Malaysia dapat dipasarkan di peringkat antarabangsa, kerana itu ubat-ubatan kita juga diiktiraf oleh GMP. GMP juga memastikan supaya ubat dikilang dengan kualiti yang tinggi.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ada membangkitkan alkohol, teh, kopi, tobacco, cigar, cigarette dimasukkan di dalam katogeri mana. Saya suka memaklumkan bahawa teh, kopi dikelaskan dalam kategori makanan, jadi jika ada disalahgunakan kopi ini

dicampur dengan benda-benda yang lain, maka tindakan-tindakan akan diambil dalam akta makanan. Alkohol tidak termasuk dalam takrif "dadah". Begitu juga tobacco, cigar dan cigarette, tidak dimasukkan dalam takrif "dadah".

Wakil Batang Lupar ada satu soalan beliau bangkitkan iaitu berkaitan dengan pokok 'bintangor' yang dikhaskan untuk mengubat sakit HIV. Satu kajian telah dibuat oleh kementerian bersama negeri Sarawak dan National Cancer Institute, Amerika Syarikat ke atas pokok 'bintangor'. Bahan 'colonolite' dari daun dan ranting 'bintangor' telah dikenal pasti dapat menghambat perkembangan virus HIV, wah! dia boleh kejar pula virus ini! Ia boleh menghalang daripada virus HIV. Fasa satu telah dijalankan dan ubat ini didapati selamat. Fasa II ujian iaitu untuk klinikal ke atas pesakit sedang dijalankan ke atas penyakit AIDS.

Jadi nampaknya ada potensi pokok dan juga ranting 'bintangor' ini boleh menghambat virus HIV dan fasa kedua ujian klinikal sedang dijalankan ke atas pesakit AIDS, kita tunggulah perkembangannya jika ini dapat benar-benar menjadi ubat yang baik, maka sudah tentu pesakit-pesakit HIV dan AIDS ada masa depan yang lebih baik dan sudah tentu kita mendapat pendapatan tukaran asing yang lebih baiklah kerana sudah tentu ianya laku dijual di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya amalan pemberian bonus dalam penjualan ubat-ubatan oleh industri pharmaceutical kepada klinik dan farmasi telah dibangkitkan oleh wakil bagi Telok Kemang. Kementerian tidak menggalakkan penjualan ubat dengan skim bonus oleh pihak industri, kementerian berpendapat harga ubat yang dijual kepada klinik-klinik dan kedai-kedai farmasi mesti menunjukkan harga yang sebenarnya dengan tidak mengamalkan praktis pemberian bonus.

Kementerian Kesihatan telah berdialog dengan pihak industri, farmasi mengenai isu ini dan mereka telah berjanji untuk menasihatkan ahli-ahli persatuan mereka untuk memberhentikan amalan pemberian bonus seperti yang dinyatakan dalam penjualan ubat-ubat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah lebih kurang jawapan saya, jika ada yang tertinggal akan dilihat kembali menerusi teks ucapan dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat telah berpuas hati walaupun wakil pembangkang tidak ingin mendengar, tetapi saya percaya mereka akan membaca *Hansard* ini dan akhirnya mereka akan dapat melihat kebenaran itu adalah satu perkara yang tulen dan kita berharap mereka mudah-mudahan dibuka hatinya untuk melihat kebenaran yang sebenarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

5.30 ptg.

Fasal 1 hingga 8 –

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, ada sedikit sahaja, soalan seksyen 9 tadi fasal soalan hukuman yang saya sebutkan tadi, sebenarnya

seksyen 9(4) ini tidak ada dipinda, tidak ada dibuang iaitu untuk memperbaiki bahasa Inggerisnya sahaja kerana bahasa Inggeris yang asal mengatakan iaitu *'except for the purpose of carrying into effect of this Act.'*

Bermakna bahasa Inggeris itu tidak ada makna. Jadi, diganti dengan perkataan *"effect the provisions of this Act commit and offence and shall be liable on conviction"*. Tidak dibuangkan tetapi hukumannya masih RM1,000, jadi persoalan saya semalam ialah kenapa ini tidak diubah sampai RM20,000 atau RM30,000 oleh kerana mengeluarkan secrecy yang tahu dengan masalah-masalah dalam perundangan ini dan tidak dihukum dengan jumlah yang besar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila Yang Berhormat jawab.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Pengerusi, saya fikir apa yang telah dicatatkan itu boleh digunakan, tak payah dipinda. Ya, tak payah dipindalah, kalau ada sedikit kurang kefahaman secara pentadbiran besok kita boleh takrifkan.

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.